



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUABELAS 2012**

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
[Bertulis] Dewan Rakyat Daripada Kementerian-
Kementerian

12 MAC HINGGA 12 APRIL 2012 SOALAN NO : 401 HINGGA 500

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
BUKAN LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 401 HINGGA 500)**

AISHAH 2012
CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA

SOALAN NO : 401
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARI PAD A DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
 [HULU LANGAT]

SOALAN

Dr. Che Rosli bin Che Mat minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah yang di ambil dalam menyeimbangkan keperluan jururawat dengan pertumbuhan Institusi Latihan Jururawat yang banyak dalam negara.

Tuan Yang di Pertua

Pada masa ini, latihan kejururawatan dikendalikan oleh Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Untuk pertumbuhan Institusi Latihan Jururawat terdapat 3 agensi yang terlibat iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency-MQA*) dan KKM melalui Lembaga Jururawat Malaysia (LJM). IPTA/IPTS perlu membuat permohonan untuk menjalankan program kejururawatan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Fungsi setiap agensi adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
Menggubal dasar, melaksana, memantau, menilai dan mempertimbangkan kelulusan kepada IPTA/IPTS untuk melaksanakan program latihan jururawat;
- ii. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Menjalankan penilaian akreditasi program latihan jururawat dan mempertimbangkan kelulusannya; dan
- iii. Lembaga Jururawat Malaysia
Menilai dokumen program kejururawatan berdasarkan kepada 8 standard mengikut syarat dan kriteria Lembaga Jururawat Malaysia, melakukan lawatan pemeriksaan fasiliti bagi menentukan kesesuaian institusi latihan dari segi tenaga pengajar, tenaga instruktur klinikal, kesesuaian fasiliti dan penempatan klinikal yang sedia ada.

Bagi tempoh tahun 2009-2011, jumlah purata pengambilan pelatih bagi 16 Institusi KKM adalah sebanyak 2,917 pelatih setahun. Bagi IPTS purata pengambilan adalah sebanyak 8,609 pelatih setahun yang merangkumi 70 buah IPTS, dan bagi IPTA pula, purata pengambilan setahun adalah sebanyak 525 orang pelatih setahun yang melibatkan 6 buah IPTA.

Dari tahun 2007 sehingga 2011, seramai 13,202 calon dari Kolej-kolej di KKM telah menduduki Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan dari jumlah tersebut seramai 13,050 (98.8%) calon yang lulus dan seramai 152 calon kandas di dalam peperiksaan yang diduduki. Manakala, bagi Kolej Angkatan Tentera sehingga Disember2011 belum ada graduasi. Bagi graduan lepasan IPTS, seramai 34,311 calon yang telah menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan dari jumlah

tersebut seramai 27,453 (80%) telah lulus dan seramai 6,858 calon gagal di dalam peperiksaan yang diduduki. Bagi graduan lepasan IPTA, seramai 2,600 calon yang telah menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan dari jumlah tersebut seramai 2,524 (97.1%) telah lulus dan seramai 76 calon gagal di dalam peperiksaan yang diduduki.

Bagi Kolej-kolej di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, pengambilan pelatih adalah berdasarkan kepada keperluan, di mana graduan yang telah lulus di dalam Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia akan diambil bertugas dengan KKM, manakala bagi Kolej Angkatan Tentera Malaysia akan diambil bertugas dengan Kementerian Pertahanan Malaysia. Bagi tempoh 5 tahun yang lepas, KKM telah melantik secara puratanya seramai 2,610 orang setahun jururawat keluaran ILKKM untuk berkhidmat di KKM. Kadar purata pengeluaran graduan jururawat bagi IPTS pula adalah seramai 5,490 orang setahun. Manakala, purata pengeluaran graduan jururawat bagi IPTA adalah seramai 504 orang setahun.

Tuan Yang di Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil beberapa langkah dalam mengimbangi keperluan jururawat dengan pertumbuhan institusi latihan jururawat yang banyak dalam negara antaranya:-

- i. Pada awal tahun ini, KKM telah mengadakan satu kajian keperluan jururawat di fasiliti kemudahan kesihatan bagi mengetahui keperluan jururawat di fasiliti KKM dengan menggunakan kaedah *Workload Indicator for Staffing Needs* (WISN) yang dibangunkan oleh *World Health Organization*. Hasil kajian ini, akan dapat membantu KKM membuat unjuran keperluan

sebenar jururawat dalam memenuhi keperluan negara. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa jumlah keperluan jururawat bagi semua hospital dan klinik kesihatan KKM di enam buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Kelantan, Johor dan Sabah adalah seramai 29,410 jururawat. Kajian Keperluan Tenaga Manusia bagi jururawat ini juga akan dipanjangkan ke lapan (8) negeri yang lain dan dijangka siap pada akhir tahun ini;

- ii. Bahagian Kejururawatan sentiasa memantau penempatan dan keperluan jururawat di fasiliti kesihatan KKM bagi mengetahui keperluan tenaga kejururawatan yang diperlukan dari semasa ke semasa;
- iii. Membuat pemantauan secara berkala ke institusi dan fasiliti latihan klinikal melalui LJM bersama KPT dan MQA bagi memastikan pihak Institusi melaksanakan program kejururawatan mengikut piawaian yang ditetapkan. Tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak KPT kepada institusi terlibat sekiranya terdapat ketidakakururan;
- iv. KKM melalui Lembaga Jururawat Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memantau prestasi setiap Institusi program kejururawatan IPTA/IPTS di mana kadar kelulusan pelatih kejururawatan yang menduduki peperiksaan LJM kurang dari 85% akan dipantau dengan teliti dan sekiranya prestasi ini tidak meningkat, pihak KPT akan mengambil tindakan, antaranya, menyekat pengambilan pelajar baru;

Lembaga Jururawat telah memutuskan dalam Mesyuarat Lembaga Jururawat Malaysia kali ke-98 bertarikh 18 Mac 2010 untuk meningkatkan kelayakan masuk ke program Diploma Jururawat dari tiga (3) kredit kepada

lima (5) kredit dalam Sijil Pelajaran Malaysia dengan kredit dalam matapelajaran Sains dan Matematik. Perkara ini telah dikuatkuasakan mulai 31 Julai 2010;

Penguatkuasaan moratorium telah dilaksanakan mulai Julai 2010. Ini adalah arahan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama dan persetujuan daripada LJM selepas mengadakan perbincangan bersama Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia; dan

Mengadakan kerjasama dengan Agensi Pengambilan Tenagakerja Jururawat di luar negara, melalui Mutual Recognition Agreement (MRA), di mana ini dapat memberi peluang kepada jururawat mendapat kerja di luar negara contohnya di Singapura dan Brunei.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

: Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

(HULU LANGAT)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh mana kutipan hasil negara disumbangkan dari Cukai Pendapatan Individu, Perniagaan dan Perindustrian serta hasil mahsul negara sejak 2008 hingga 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dari tahun 2008 hingga 2011 adalah sebanyak RM664 bilion. Sumbangan cukai pendapatan individu dan syarikat (perniagaan dan perindustrian) dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

TAHUN HASIL	CUKAI	%	CUKAI	%
			KERAJAAN PENDAPATAN PERSEKUTUAN INDIVIDU (RM BILION)	
			9.4	37.7
			9.8	30.2
2008	159.8	15.0	11.1	36.3
2009	158.6	15.6		23.6
2010	159.7	17.8		19.0
				22.7
PENDAPATAN SYARIKAT (RM				

TAHUN	Hasil KERAJAAN Persekutuan INDIVSDU (RM BILION)	CUKAI Pendapatan Syarikat (RM BILLION)	%	Cukai Pendapatan Syarikat (RM BILLION)	%
2011	185.4	20.2	10.9	46.9	25.3
jumlah	663.5	68.6	10.3	151.1	22.8

SOALAN NO : 403

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

[HULU LANGAT]

TARIKH

SOALAN:

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan persediaan Kementerian dalam menghadapi cuaca buruk yang diramalkan melanda negara dalam bulan Mac nanti.

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

JAWAPAN: MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat penyelarasan di antara Kementerian/agensi bagi memastikan pengurusan bencana khususnya banjir yang dijangka berlaku pada bulan Mac dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, Kerajaan sendiri telah bersedia menghadapi bencana yang akan berlaku.

Semua agensi telah bersedia dari segi kekuatan anggota dan aset (darat, air dan udara). Aset-aset seperti bot penyelamat, trak, kenderaan pacuan empat roda, helikopter, pam, set jana kuasa elektrik dan sebagainya telah diselenggara dengan baik dan diletakkan di tempat-tempat strategik (berdekatan dengan kawasan yang berisiko banjir) supaya mudah digerakkan bagi tujuan menyelamat mangsa banjir.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan dan media elektronik swasta diminta supaya menyediakan slot kesedaran kepada masyarakat dan bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memberikan ramalan cuaca dan amaran dari semasa ke semasa kepada rakyat melalui media.

Pada 15 November 2011, YAB Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara, laman sosial *facebook* dan *twitter* Informasi Bencana. Melalui portal dan laman sosial ini orang ramai dapat mengetahui situasi semasa banjir serta amaran-amaran yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa, khususnya maklumat-maklumat penting seperti maklumat paras air, ramalan cuaca, pusat pemindahan yang dibuka dan penutupan jalan.

Kerajaan juga menyambut baik penglibatan sukarelawan dan pihak badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin membantu Kerajaan dalam pengurusan bencana lebih-lebih lagi dalam pengurusan Pusat Pemindahan. Jenis-jenis bantuan yang boleh diberikan oleh sukarelawan dan NGO adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan aset, logistik dan komunikasi;
- (ii) Bantuan barang, makanan dan tenaga kerja di pusat pemindahan;
- (iii) Bantuan rawatan kecemasan dan kesihatan; dan
- (iv) Bantuan wang tunai

Kerajaan juga sentiasa mengambil berat dan amat prihatin terhadap masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat akibat daripada kejadian bencana. Bantuan yang diberikan adalah telus tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang politik mangsa yang terbabit. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah pun mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) iaitu suatu dana khas yang ditubuhkan di bawah Akta Kewangan

1957 bagi membantu mangsa-mangsa bencana. Bantuan ihsan bencana ini diberikan bertujuan untuk meringankan beban mangsa akibat sesuatu kejadian bencana dan bukan merupakan bayaran ganti rugi atau pampasan. Kerajaan tidak memperuntukkan secara spesifik jumlah peruntukan kepada negeri-negeri kerana bantuan ihsan bencana ini diberikan berdasarkan kepada sesuatu keadaan bencana berlaku. Bantuan ini tidak termasuk bantuan barang daripada agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang turut disalurkan kepada mangsa banjir.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA YB. PUAN TEO NIE CHING

KAWASAN SERDANG

SOALAN:

YB. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta MENTERI KERJA

RAYA menyatakan sebab Kementerian enggan membina satu persimpangan bertingkat di jalan Puchong - Seri Kembangan (Bandar Putra Permai) sebagai jalan keluar masuk ke Lebuh Raya Kuala Lumpur -

Putrajaya memandangkan lebuh raya tersebut melalui kawasan Serdang.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat prihatin dan mengambil berat tentang kesulitan akses keluar masuk yang dialami oleh hampir 68,000 penduduk di Seri Kembangan, Selangor. Ini termasuklah cadangan untuk menghubungkan Jalan Putra Permai (Jalan Negeri, B16) dengan Lebuh Raya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX). Sehubungan itu, Jemaah Menteri pada bulan awal bulan April 2012 yang lalu telah bersetuju untuk membina sebuah persimpangan bertingkat yang baru untuk menghubungkan kawasan Seri Kembangan dengan Lebuh Raya MEX. Anggaran keseluruhan kos projek ini ialah sebanyak RM90 juta, termasuk RM20 juta kos untuk tujuan pengambilan balik tanah. Tertakluk kepada kelulusan proses pengambilan balik tanah, projek ini dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan.

SOALAN NO: /f1

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB BUKAN LISAN

DARI PAD A

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

SOALAN

410

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kenapa harga jalur lebar (*broadband*) di Malaysia adalah lebih tinggi daripada Singapura dan Vietnam.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Kos rangkaian memainkan peranan yang besar dalam penetapan kadar oleh pemberi perkhidmatan. Kos rangkaian tersebut boleh dibahagikan kepada:

- (a) kos rangkaian antarabangsa (menyumbang 40%);
- (b) kos domestik (menyumbang 60% seperti peralatan ibu sawat, pusat data, kabel, penyediaan rangkaian *last mile*); dan
- (c) harga *wholesale*.

Penawaran harga jalur lebar di Malaysia lebih tinggi berbanding Vietnam dan Singapura kerana kos jalur lebar antarabangsa yang lebih tinggi berbanding negara lain dan menyumbang kepada pertambahannya. Tambahan pula, kebanyakan trafik internet di Malaysia adalah melalui

SOALAN NO: 410

rangkaian antarabangsa. Harga perkhidmatan jalur lebar tidak ditetapkan oleh pihak Kerajaan bagi menggalakkan persaingan dalam pasaran. Namun begitu, setiap pembekal perkhidmatan perlu mematuhi setiap peraturan dan prinsip serta harga pasaran yang ditawarkan sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga secara berterusan mengadakan perbincangan bersama pemberi perkhidmatan jalur lebar agar dapat menyediakan pakej-pakej yang mengikut keperluan pengguna yang pelbagai dan fleksibel. Setakat ini, banyak pakej baru yang telah dilancarkan berdasarkan kepada penggunaan data atau “*data capping*”. Selain itu, pakej langganan secara mingguan dan harian serendah RM3 sehari juga diperkenalkan dan ia amat sesuai kepada pengguna yang jarang-jarang menggunakan perkhidmatan jalur lebar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA YB. PUAN TEO NIE CHING

KAWASAN SERDANG

SOALAN:

YB. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos projek menaik taraf persimpangan Jalan Serdang Raya / Jalan Puchong - Sungai Besi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, kontrak asal Projek Menaik Taraf Persimpangan Jalan Serdang Raya / jalan Puchong - Sungai Besi, Selangor ialah sebanyak RM14.42 juta. Walau bagaimanapun, berikutan daripada masalah kontraktor, kontrak projek tersebut telah ditamatkan pada bulan Jun 2010 di mana kemajuan di tapak ialah 69% sahaja manakala jumlah bayaran yang telah dijelaskan kepada kontraktor asal ialah sebanyak RM9.4 juta. Berikutan penamatan kontrak tersebut, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik kontraktor penyelamat untuk menyiapkan baki kerja-kerja yang terbengkalai pada bulan Mac 2011 dengan harga kontrak sebanyak RM7.35 juta. Projek ini telah pun disiapkan sepenuhnya pada bulan November 2011 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARI PAD A PUAN TEO NIE CHING

SOALAN : NO.^T

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan perkembangan untuk membangunkan Johns Hopkins Medical School berserta hospital 600 katil dan sebuah pusat penyelidikan di Serdang, Selangor. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menjadikan Malaysia sebuah hab latihan perubatan berkemahiran tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Perdana University Hospital dengan 600 katil termasuk bangunan pendidikan perubatan, kemudahan penyelidikan, kampus bioteknologi, tempat tinggal pelajar dan staf, kemudahan rekreasi, penambahbaikan lalulintas dan pembangunan kawasan komersial sedang dijalankan di atas kawasan seluas 141 ekar di Serdang, Selangor. Pembinaan ini telah bermula pada tahun 2011 dan dijangka boleh beroperasi sepenuhnya pada tahun 2014.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil langkah memperkenalkan Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011-2015) (PSPTN Fasa 2) pada 7Jun 2011. Melalui PSPTN Fasa 2 ini, KPT memberi penekanan terhadap peningkatan kualiti pendidikan swasta yang juga meliputi latihan perubatan.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan

Malaysia sebuah hab latihan perubatan berkemahiran tinggi adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan program perkembangan tenaga pengajar di semua Fakulti Perubatan;
- ii. Melaksanakan program perkongsian sumber pembelajaran, khususnya e-Pembelajaran;
- iii. Mempertingkatkan mutu pendidikan perubatan bersama-sama agensi tertentu seperti *Malaysia Qualification Agency* (MQA) dan *Malaysian Medical Council* (MMC) melalui penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*) dalam kriteria kualiti, piawaian dan template penjaminan kualiti; dan
- iv. Memperteguhkan prasarana pendidikan perubatan

Di samping itu, KPT juga turut memastikan institusi pengajian tinggi swasta memainkan peranan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab latihan perubatan berkemahiran tinggi dengan mengambil langkah berikut:

- i. Memastikan IPTS yang menawarkan program perubatan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan terutamanya daripada segi latihan perubatan sesuai, relevan dan berdaya saing pada peringkat global;
- ii. Memastikan IPTS yang menawarkan program perubatan mendapat akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk mengesahkan program yang ditawarkan adalah berkualiti;
- iii. Mengukuhkan mekanisme pemantauan dan pengawalseliaan ke

atas IPTS terutamanya yang menawarkan program-program yang melibatkan bidang perubatan oleh bahagian oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat;

- iv. Memastikan IPTS yang menawarkan program dalam bidang perubatan mempunyai kemudahan yang berkualiti dan lengkap seperti yang dinyatakan dalam syarat mendapat akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- v. Memastikan tenaga pengajar dalam bidang perubatan di IPTS berkualiti dan mencukupi;
- vi. Memastikan semua kursus pengajian dalam bidang perubatan di IPTS di semua peringkat berkualiti sesuai, relevan dan berdaya saing pada peringkat global;
- vii. Meningkat dan memperluaskan aktiviti R&D dalam bidang perubatan di IPTS; dan
- viii. Menaiktarafkan kolej ke kolej universiti / universiti swasta yang berdaya saing dalam bidang perubatan.

JAWAPAN SOALAN PERS1PANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B.PUAN TEO NIECHING
[SERDANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan pembinaan SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang dan sama ada sekolah-sekolah tersebut adalah sekolah Kerajaan atau

sekolah bantuan Kerajaan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Ketiga-tiga SJKC baru iaitu SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang merupakan sekolah bantuan kerajaan. Untuk makluman, semua isu berkaitan pembinaan SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang telah diselesaikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan projek ini sedang dalam pelbagai peringkat proses pelaksanaan.

KJO- \$OV\L./VI^ ;
~~HO-AkiM : 414~~

#e-AUP—r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH :

RUJUKAN : 4619

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah orang yang kini ditahan untuk kesalahan- kesalahan yang boleh membawa hukuman mati, dan secara spesifik, bilangan untuk kes-kes mana, serta jumlah yang telah pun digantung sampai mati sehingga kini.

Jawapan:

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara pada 1 Mac 2012 terdapat seramai 956 banduan reman bagi kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati (*capital offences*). Daripada jumlah tersebut, seramai 712 orang dituduh dengan kesalahan pengedaran dadah, 186 kesalahan membunuh, 18 kesalahan senjata dan 40 kesalahan penculikan.

Dalam tempoh 2000 hingga 1 Mac 2012 seramai 23 orang banduan hukuman mati telah dilaksanakan hukuman gantung. Daripada jumlah tersebut seramai 10 orang kes pengedaran dadah, 9 orang kes bunuh dan 4 orang kes berperang dengan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN NO: 29

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO

SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menyokong tindakan memansuhkan hukuman mandatori gantung sampai mati untuk kesalahan-kesalahan yang kini sedia ada mengenakannya dan sekira tidak, kenapa.

JAWAPAN: DAT O' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Kerajaan menyambut baik apa-apa cadangan yang diberikan oleh mana-mana pihak yang menyokong supaya hukuman mati dimansuhkan. Cadangan tersebut, jika meyakinkan, akan diberi pertimbangan yang sewajarnya setelah kajian yang menyeluruh dan penelitian yang rapi dibuat dalam pelbagai aspek dan juga setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak. Perkara ini adalah sangat mustahak kerana pemansuhan hukuman mati akan memberikan impak yang sangat besar

bukan sahaja kepada sistem perundangan, tetapi yang lebih penting ialah kesannya kepada kesejahteraan masyarakat di Negara kita.

Jika dilihat pada keseriusan jenayah yang berlaku dalam masyarakat hari ini seperti pembunuhan kejam ke atas kanak-kanak yang tidak berdosa yang semakin berleluasa, Kerajaan lebih cenderung untuk mengekalkan hukuman mati bagi mengekang kesalahan-kesalahan berat daripada menjadi semakin parah. Buat masa ini, Kerajaan berpendapat bahawa hukuman tersebut masih perlu dikekalkan bagi menunjukkan ketegasan dan keseriusan Kerajaan dalam menangani masalah jenayah berat. Selain itu, matlamat hukuman tersebut juga telah mengambil kira prinsip pencegahan dan kepentingan awam.

Sekian. Terima kasih.

NOAUM : 411

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO
 [PUCHONG]

RUJUKAN

4621

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil siasatan terhadap report polis No.USJ 8/003922/11, Seri Kembangan 0035592/11 dan Seri Kembangan 004111/11 dan Seri Kembangan 004110/11 serta tindakan yang akan diambil berkenaan dan sekiranya tiada, kenapa.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ke semua laporan polis tersebut adalah bersabit kehilangan 5 orang lelaki India yang dikatakan tidak pulang ke rumah masing-masing selama beberapa hari. Walaubagaimana pun, pihak polis dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Selangor dan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman masih lagi belum mendapat petunjuk yang dapat membantu mengesan dimana mereka berada. Berbagai-bagai usaha telah dijalankan dan sehingga hari ini pihak polis masih meneruskan siasatan untuk mengesan kelima-lima mangsa yang dilaporkan hilang dengan bantuan lain-lain Kontinjen. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk pandangan dan nasihat dan telah mengarahkan supaya siasatan diteruskan untuk mengesan mereka yang hilang. Kertas siasatan belum ditutup dan masih aktif.

SULIT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT [BUKAN LISAN]

^ HI 9*

SOALAN NO.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah program-program belia dan sukan yang telah pun diadakan di kawasan Parlimen Puchong sejak 2010 dan sama ada Kerajaan Persekutuan memantau aktiviti-aktiviti remaja khususnya dengan tujuan untuk mengatasi gejala-gejala jenayah.

JAWAPAN

1. Kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sebagai alternatif kepada golongan belia untuk mengisi masa lapang dengan cara yang sihat dan bermanfaat. Pada tahun 2010 dan 2011, terdapat 7 program utama bagi tujuan pembangunan belia telah dilaksanakan di Parlimen Puchong iaitu Majlis Perundingan Belia Daerah, Sembang Santai Mesra Belia, Penyegaran Jati Belia, Latihan Kemahiran Tidak Formal, Program Pemimpin Belia Berkaliber dan Program Perantis. Ketiga-tiga program ini melibatkan penyertaan seramai 491 orang. Kementerian turut melaksanakan program-program khusus kepada golongan anak muda yang berumur antara 18 hingga 20 tahun melalui program-program Rakan Muda.
2. Selain itu, lebih 60 program berbentuk aktiviti sukan melibatkan sukan kecergasan, Klinik Sukan dan Kursus-kursus Sukan telah

SULIT

dilaksanakan di Parlimen Puchong dengan jumlah penyertaan seramai 2,302 orang peserta untuk tahun 2010 sahaja. Begitu juga untuk 2011, program-proram tersebut diteruskan termasuklah Futsal IParlimen yang melibatkan belia lelaki dan wanita. Ini tidak termasuk program yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan lain dan pihak swasta.

3. Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensi penguatkuasaan seperti pihak polis, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, RELA serta Jabatan Agama Islam Negeri sentiasa membuat pemantauan bagi mengawal dan membendung gejala sosial di kalangan belia. Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program-program yang bertujuan untuk memantau semua aktiviti remaja dalam menangani gejala sosial. Program- program seperti Program Pencegahan Jenayah (*Crime Awareness Team*), Bengkel Dialog Pencegahan Jenayah bersama masyarakat dan ceramah pencegahan jenayah (ragut) turut diadakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN SOALAN NO : 414

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUANGWO-BURNE LOH

[KELANA JAYA]

TARIKH

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah peruntukan disediakan oleh pihak Kerajaan kepada pelarian yang mendapat perlindungan di negara ini dari segi makanan, tempat perlindungan dan ubat-ubatan. Berapakah nisbah mereka yang diperolehi berdasarkan perkara-perkara tersebut.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan tidak memperuntukkan sejumlah bajet bagi menguruskan PATI yang memegang kad UNHCR. Mereka juga dibenarkan untuk tinggal sementara di Malaysia sehingga mereka ditempatkan ke negara ketiga. PATI yang memegang kad UNHCR juga :

- (i) tidak dinafikan kebebasan bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara;
- (ii) tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip ¹ *non-refoulement* melainkan secara sukarela (*voluntary return*);
- (iii) tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan
- (iv) tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta.

Dari segi peruntukan ubat-ubatan, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengumpul data mengenai peruntukan kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi membayai 50% lagi kos perubatan PATI

yang memegang kad UNHCR untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital/klinik kerajaan di seluruh negara. Manakala urusan makanan dan tempat tinggal adalah diuruskan sendiri oleh PATI yang memegang kad UNHCR tersebut.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN NEGARA NEGARA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]

SOALAN : Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada projek pembinaan 40 unit rumah teres (Kuarters Kerajaan) di Jabatan Pertanian, Serdang yang dijangka siap pada 14 Mac 2012 akan siap pada masa yang ditetapkan dan sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Projek pembinaan 40 unit rumah teres iaitu Kuarters Kerajaan di Jabatan Pertanian, Serdang dijadualkan siap pada 12 Mac 2012. Walau bagaimanapun, projek ini dijangka mengalami kelewatan disebabkan oleh:

- i. kelewatan dalam kerja-kerja tapak akibat kekerapan hujan yang tinggi pada hujung tahun 2011 di mana hujan menyebabkan struktur tanah menjadi lembut dan menyukarkan untuk jentera berat (excavator) beroperasi bagi menjalankan kerja-kerja pembentukan aras tanah;
- ii. kejadian kebocoran dan kesukaran untuk menentukan kedudukan paip bawah tanah di tapak pembinaan serta kesukaran mendapatkan proses kelulusan dan pengawasan daripada pihak SYABAS dalam memindahkan paip-paip berkaitan; dan

SOALAN NO^W

- iii. pengurusan projek yang tidak memuaskan oleh kontraktor dilantik.
Pemeriksaan *Site Diary Project* juga mendapati kurangnya aktiviti kerja di tapak dari Oktober 2011 hingga Januari 2012.

Ijo • £©a-c ne-
MMrr%2n
-HB-MiP—r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]
TARIKH :
RUJUKAN : 4622

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes "mati secara sukarela" yakni banduan yang tidak menghabiskan rayuannya dan memilih untuk membiarkan hukuman dilaksanakan di antara tahun 2000-2010.
Jawapan:

Dimaklumkan setakat ini tiada banduan hukuman mati yang membiarkan hukuman mati dilaksanakan terhadap mereka tanpa mengemukakan rayuan.

Semua banduan hukuman mati berpeluang mengemukakan rayuan mereka sama ada di mahkamah atau Lembaga Pengampunan Negeri sebelum hukuman tersebut dapat dilaksanakan atau banduan berkenaan diberikan pengampunan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS

DARIPADA TUANGWO-BURNELOH [KELANA JAYA]

SOALAN NO. 421

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI BELIA DAN
SUKAN

menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memupuk belia yang kental dan berupaya melawan desakan seks daripada seorang berusia lebih 60 tahun yang didakwanya meliwat.

JAWAPAN

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, melalui 12 Kementerian yang terlibat secara langsung dengan pembangunan belia, pelbagai program telah dan sedang dijalankan bagi memastikan generasi belia menjadi warganegara yang cemerlang, kental dari segi fizikal dan mental serta bertanggungjawab kepada masyarakatnya. Namun begitu, tidak mungkin mana-mana kerajaan mampu mengadakan program terhadap perlakuan setiap individu di negaranya. Ini termasuk mengawal setiap individu tanpa mengira usia, yang mungkin ada keupayaan dan

kelainan tertentu yang boleh menguasai dan mengawal orang lain bagi memenuhi semua jenis kehendak individu berkenaan. Saya percaya, YB Kelana Jaya boleh mencari banyak contoh di dunia di mana ada individu yang walaupun berusia tetapi mempunyai keupayaan untuk menundukkan orang lain yang lebih muda darinya.

NOAUM : 417

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH
[KELANA JAYA]

RUJUKAN 4623

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan antara 125 langkah-langkah yang telah diambil Penambahbaikan Sistem Operasi dan Pengurusan PDRM dari segi proses perlaksanaannya, perkara yang tidak dilaksanakan dan masih dalam peringkat kajian.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberikan komitmen yang berterusan dalam inisiatif penambahbaikan sistem operasi mahupun dalam konteks pengurusan PDRM sendiri. Sehingga kini

perkembangan 125 cadangan yang terkandung di dalam laporan suruhanjaya tersebut adalah sebanyak 116 cadangan telah diklasifikasikan sebagai telah dilaksanakan secara berterusan, satu (1) cadangan masih lagi dalam kajian, sementara hanya lapan (8) cadangan telah diklasifikasikan sebagai tidak dilaksanakan.

Dalam pada itu, sebanyak 8 dari 125 cadangan adalah dikategorikan sebagai tidak dilaksanakan atau pelaksanaannya tidak boleh dicapai. Umumnya keadaan ini adalah disebabkan beberapa kekangan terutamanya dari aspek perundangan, prinsip dan di atas kepentingan keselamatan negara secara keseluruhannya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARI PADA Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH
[KELANA JAYA]

SOALAN

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan statistik projek rumah terbengkalai yang dilelong oleh bank dari 2006-2011 termasuk jenis rumah yang dilelong tersebut.

JAWAPAN

SOALAN (418)

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik berkaitan projek perumahan terbengkalai yang dipantau oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah bermula dari tahun 2009 selaras dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSN pada 23 Februari 2009.

Dari tahun 2009 hingga 2011, terdapat sebanyak 14 projek perumahan terbengkalai yang telah dilelong oleh pihak bank. Pecahan projek-projek tersebut mengikut kategori adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS RUMAH	JUMLAH
1.	Kos rendah	1
2.	Kos sederhana	2
3.	Kos tinggi	9
4.	Pembangunan bercampur	2
JUMLAH KESELURUHAN		14

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan Mac 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARI PADA TUAN HEE LOY SIAN
SOALAN : NO.^k

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan

- (a) apakah status hasil siasatan kes kekerasan polis terhadap mahasiswa yang menyebabkan mahasiswa cedera pada perhimpunan aman UPSI bulan Januari yang lepas; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk memansuhkan AUKU supaya membenarkan mahasiswa mencebur入 bidang politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi dimaklumkan bahawa pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Tanjung Malim, Perak telah pun menyiapkan kertas siasatan berhubung kes tersebut dan telah mengemukakan kepada Ketua Unit Pendakwaan Negeri Perak pada 22 Januari 2012 untuk arahan selanjutnya.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bacaan Kali Pertama Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan) 2012 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 9 April 2012 yang akan memberi kebenaran kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta menyertai, menjadi ahli dan memegang jawatan sebarang parti politik. Walau bagaimanapun, AUKU tidak perlu dimansuhkan kerana ia merupakan suatu Akta yang telah diwujudkan bagi maksud menubuh, menyelenggara dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN
SOALAN NO. 42#

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan

- (a) senarai bidang kuasa autonomi yang diberikan kepada 5 buah universiti tempatan; dan
 - (b) adakah Kementerian akan memberi kuasa autonomi kepada badan Majlis Perwakilan Pelajar untuk menguruskan pentadbiran dan persatuan mahasiswa tanpa dipengaruhi oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP).

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, autonomi yang diberi kepada 5 buah IPTA merangkumi empat (4) bidang iaitu:

 - i. Governan Institusi;
 - ii. Kewangan & Penjanaan Pendapatan;
 - iii. Sumber Manusia; dan
 - iv. Pengurusan Akademik & Kemasukan Pelajar.

Empat (4) bidang strategik autonomi tersebut bertujuan mendorong mempercepatkan proses pembuatan keputusan dan memberi ruang kepada setiap IPTA untuk bersaing dalam menghasilkan graduan yang cemerlang, hasil penyelidikan yang berkualiti dan meningkatkan taraf pengajaran dan pembelajaran.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa autonomi hanya diberi oleh Kementerian kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Lembaga Gobenor Universiti (LGU) untuk mengurus tadbir universiti. Kementerian tidak memberi kuasa autonomi kepada MPP memandangkan hal-ehwal pelajar tertakluk di bawah pentadbiran universiti dan AUKU.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) adalah bebas dalam melaksanakan kegiatan atau aktiviti masing-masing. Walau bagaimana pun sebagai pelajar IPT mereka tentunya perlu diberi dorongan, sokongan dan panduan oleh pihak universiti khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang diketuai oleh Timbalan Naib Caselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Wujudnya BHEP di IPTA adalah untuk menjadi rujukan dan sebagai tempat bernaung kepada semua kegiatan kokurikulum sesebuah IPT itu sendiri. BHEP, IPT wujud sebagai pemudahcara atau membantu pelajar dalam hal ehwal kebajikan dan kegiatan kokurikulum.

SOALAN NO. 421

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai projek-projek pembangunan yang akan dijalankan di Parlimen Petaling Jaya Selatan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), terdapat sebanyak 10 projek dengan siling sebanyak RM77,308,116.65 di Parlimen Petaling Jaya Selatan. Senarai projek adalah seperti di Lampiran I.

SENARAI PROJEK RMK-10 DI PARLIMEN PETALING JAYA SELATAN

SBK			
1	Jabatan Perdana Menteri	MAHKAMAH BARU PETALING JAYA	1,000,000.00
2	Kementerian Dalam Negeri	BALAI POLIS PETALING JAYA	500,000.00
3	Kementerian Kerja Raya	MENGGANTIJAMBATAN DI LALUAN PERSEKUTUAN - SELANGOR	5,100,000.00
4	Kementerian Kesihatan	NKEA HEALTHCARE (EPP 6) GLOBAL HEALTH	55,480,000.00
5	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN 16 UNIT RUMAH GURU DAN KEMUDAHAN LAIN DI JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR	39,816.65
6	Kementerian Sains Teknologi & Inovasi	PEMBANGUNAN PANGKALAN DATADNAJENAYAH	1,000,000.00
7	Kementerian Sains Teknologi & Inovasi	MEWUJUDKAN SISTEM BARU BAGI PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT MAKMAL	6,500,000.00
8	Kementerian Sains Teknologi & Inovasi	SISTEM AMARAN AWAL TSUNAMI NASIONAL (SAATN)	2,894,400.00
9	Kementerian Sains Teknologi & Inovasi	PEROLEHAN TAMBAHAN SISTEM AMARAN AWAL TSUNAMI NASIONAL	2,793,900.00
10	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air	PENGALIHAN PAIP BERDIAMETER 1800MM DI JALAN UNIVERSITI, PETALING JAYA, SEL	2,000,000.00

JUMLA
H

77,308,116.6
5

NO. SOALAN: 422

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN DARIPADA

: TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah kos pembinaan keseluruhan dan berapa

NOAUM : 423

lama kutipan bertol dibenarkan untuk lebuh raya berikut:-

- (a) Lebuh Raya Bertingkat Kinrara-Damansara (KIDEX); dan
- (b) Lebuh Raya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Kinrara-Damansara (KIDEX) dan Lebuh Raya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) secara penswastaan telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan. Pada masa kini, kajian terperinci dan rundingan dengan syarikat konsesi sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Memandangkan kajian dan rundingan masih belum dimuktamadkan dan perjanjian konsesi belum ditandatangani, adalah terlalu awal (*pre mature*) bagi pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas berhubung projek ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN
 [PETALING JAYA SELATAN]

RUJUKAN 4624

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM

NEGERI menyatakan

- (a) berapakah jumlah kes ragut yang berlaku di Taman Sri Manja, PJS 3 pada tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011; dan
- (b) bagaimana polis mengatasi kes ragut yang semakin berieluasa di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik jumlah kes ragut yang berlaku di Taman Sri Manja, PJS 3 sepanjang tempoh empat (4) tahun kebelakangan ini, sebanyak 2 kes telah disiasat pada tahun 2008, 4 kes pada tahun 2009, 1 kes pada tahun 2010 dan 3 kes pada tahun 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberikan komitmen yang berterusan dalam menangani kesalahan jenayah terutamanya jenayah ragut di kalangan masyarakat melalui pelbagai aspek penguatkuasaan mahupun pendidikan. Dari aspek penguatkuasaan pelbagai pendekatan telah dijalankan. Ibupejabat Polis Daerah Petaling khasnya Balai Polis Petaling Jaya sentiasa memantau dan membuat kajian tentang kejadian jenayah yang berlaku di kawasan pentadbiran mereka. Ini termasuk mengenalpasti kawasan yang kerap berlaku jenayah ragut (*hotspot*) dan merancang pelbagai tindakan pencegahan bagi menangani jenayah di kawasan tersebut.

Rondaan berkala oleh kereta peronda (MPV) dengan memasang lampu biru ketika malam hari serta rondaan bermotosikal oleh anggota beruniform dan anggota berpreman seperti anggota cawangan pencegahan jenayah balai (CPJ), rondaan anggota Bit dan balai polis bergerak adalah merupakan antara langkah yang telah diambil oleh pihak PDRM. Selain daripada peningkatan rondaan dan lawatan oleh anggota sekter, sekatan jalan raya di lokasi yang ditetapkan pada masa- masa tertentu mengikut kejadian jenayah adalah perlu bagi menangani jenayah ragut yang sering berlaku. Ops Rentap yang dilaksanakan secara berkala di seluruh negara

adalah bertujuan untuk menangani jenayah ragut dan samun tepi jalan sebagai salah satu inisiatif di bawah NKPI 1.2 iaitu nenurunkan kadar kes jenayah jalanan yang kebelakangan ini sering berleluasa.

Dari segi aspek pendidikan, pihak PDRM bersama Kementerian Pelajaran Malaysia (sekolah), syarikat-syarikat swasta, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), media massa dan lain-lain jabatan kerajaan telahpun merangka beberapa pendekatan bagi mendidik masyarakat supaya lebih peka terhadap bahaya jenayah ragut. Antaranya adalah dengan mengadakan kempen atau ceramah di sekolah-sekolah menengah dengan penglibatan pihak PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) dan pihak Kementerian Pelajaran melalui PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) bersama PDRM. Selain itu, pameran di tempat tumpuan orang ramai dan pengiklanan yang melibatkan pihak media masa sama ada media elektronik mahupun media cetak supaya menepati kumpulan sasaran dan memberi kesan yang mendalam.

Aspek penguatkuasaan dan pendidikan yang berterusan adalah perlu bagi menangani jenayah ragut terutamanya dan sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Usaha ini dipergiatkan lagi dengan bantuan lain- lain agensi kerajaan yang berkaitan di semua peringkat di seluruh negara.

SOALAN NO *pf42*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD

RAHMAN [TANJONG MANIS]

TARIKH DALAM TEMPOH DEWAN RAKYAT
BERSIDANG

SOALAN:

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan peruntukan sederhana bagi pembinaan perpustakaan desa bagi kesemua 13 kampung di Pulau Brunei.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah bilangan Perpustakaan Desa untuk kemudahan masyarakat di luar bandar secara berperingkat-peringkat. Sehingga Disember 2010, sebanyak 1,089 unit Perpustakaan Desa telah dibina seluruh negara. Jumlah ini termasuk 2 unit Perpustakaan Desa dalam kawasan parlimen Tanjong Manis.

SOALAN NO: 58

Kementerian sememangnya menyedari bahawa jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung keperluan dan permintaan yang diterima daripada pelbagai pihak dari semasa ke semasa. Sehingga Disember 2011, sebanyak 212 permohonan diterima untuk membina Perpustakaan Desa di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara.

Justeru, pada tahun 2010 dan 2011, Kementerian telah mengemukakan cadangan permohonan untuk pembinaan Perpustakaan Desa bawah *Rolling Plan Pertama (2011-2012) RMKe-10* bagi menambah bilangan Perpustakaan Desa di kawasan Dewan Undangan Negeri terpilih dan Penerusan Projek Perpustakaan Desa Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan kepada Kementerian Kewangan bagi projek pembinaan Perpustakaan Desa baru.

Pada masa ini, Kementerian belum bercadang untuk membina Perpustakaan Desa di Pulau Brui, Sarawak. Walau bagaimanapun, pada masa hadapan Kementerian sedia menimbang permohonan tersebut sekiranya terdapat keperluan mendesak berdasarkan kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan.

NO SOALAN : 425

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

BUKAN LISAN

RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN (TANJONG MANIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) bilangan “*check point*” di sempadan Sarawak dan Kalimantan yang dikawal oleh tentera Malaysia; dan
- (b) jumlah bilangan tentera Malaysia yang berkhidmat untuk mengawal sempadan Sarawak dan Kalimantan.

JAWAPAN:

Sehingga kini terdapat sebanyak 12 Pos-PoS Keselamatan atau *Check Point* yang dioperasikan/dikawal oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sepanjang sempadan darat Sarawak - Kalimantan, Indonesia bagi menzahirkan kedaulatan negara. Jumlah ini tidak termasuk pos-pos yang dikawal oleh PDRM serta lain-lain agensi keselamatan yang lain. ATM juga bekerjasama dengan PDRM, Jabatan Kastam Diraja (KDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam mengawal keselamatan di kawasan sempadan ini. Selain daripada kajian berkala, ATM sedang melaksanakan kajian menyeluruh pendekatan pengukuhan dan kawalan keselamatan di sempadan negara termasuk Sarawak - Kalimantan. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan, ATM juga mempunyai Pelan Kontinjenси tertentu untuk menangani sebarang ancaman yang berlaku di kawasan sempadan.

ATM telah mengatur gerak 2 Briged Infantri Tentera Darat Malaysia dan pasukan TUDM bagi mengawal kedaulatan sempadan darat Sarawak-Kalimantan pada sebilang masa. Secara keseluruhan, keadaan keselamatan di kawasan sempadan Sarawak - Kalimantan adalah terkawal dan terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

SOALAN NO : 427

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kementerian dapat mengarahkan Pusat-pusat Khidmat Dialisis untuk membuka perkhidmatan 7 hari seminggu untuk menjamin keselamatan pesakit- pesakit dialisis.

Tuan Yang di-Pertua

Pada masa sekarang, unit-unit hemodialisis dibuka 6 hari seminggu dan ditutup pada hari Ahad. Pada hari Ahad, unit-unit hemodialisis di hospital berkenaan dibersihkan dengan sempurna dan kerja-kerja penyelenggaraan untuk peralatan seperti *Reverse Osmosis Water System* dan mesin hemodialisis dijalankan. Tanpa penyelenggaraan tersebut, peralatan di unit hemodialisis tidak akan berfungsi pada tahap yang optima dan akan sentiasa mengalami kerosakan.

Pesakit yang dirawat di unit-unit hemodialisis adalah pesakit yang stabil dan diberi giliran untuk menjalani rawatan hemodialisis 3 kali seminggu.

Sekiranya terdapat kes kecemasan yang memerlukan rawatan, pesakit tersebut boleh mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital berdekatan, di mana seseorang pesakit akan diperiksa dan akan diberikan rawatan yang bersesuaian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN	BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DARI PAD A	DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
SOALAN	427

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan pilihan (*option*) bagi bayaran Cukai Jalan Kenderaan (*Vehicle Road Tax*) secara jangka panjang misalnya 3 hingga 5 tahun sekali.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tempoh maksimum pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) sesebuah kenderaan selama 1 tahun adalah berdasarkan tempoh maksimum polisi insuran yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Perkara ini selaras dengan Seksyen 16 (2)(a), Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 yang memperuntukkan sesebuah kenderaan perlu mempunyai polisi insurans selama tempoh kesahan LKM dipohon sebelum memperbaharui Lesen Kenderaan Motor tersebut.

Kerajaan setakat ini, belum bercadang untuk memberikan opsyen kepada pemilik kenderaan bagi memperbaharui LKM secara jangka panjang melebihi setahun. Untuk makluman Y.B., Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengenakan sekatan pembaharuan LKM terhadap mereka yang tidak menyelesaikan saman. Langkah ini

bertujuan memastikan Orang Kena Saman menyelesaikan saman mereka mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sehubungan itu, pembaharuan tempoh LKM melebihi setahun dikhuatiri akan menyebabkan penguatkuasaan kurang berkesan dan pemilik kenderaan akan bersikap sambil lewa untuk menyelesaikan saman. Scenario ini akan memberikan kesan negatif terhadap imej dan kredibiliti penguatkuasaan.

Untuk makluman, perangkaan tindakan senaraihitam/sekatan pembaharuan LKM bagi tahun 2006 sehingga 2011 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN SENARAI HITAM LKM
2006	19,088
2007	20,358
2008	24,519
2009	44,746
2010	56,028
2011	65,981
JUMLAH	230,720

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATUK NORAH BINTI ABDUL RAHMAN
(TANJONG MANIS)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK NORAH BINTI ABDUL RAHMAN [TANJONG MANIS] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan dapat mengkaji untuk memperkenalkan "*monopoly tax*" bagi perniagaan-perniagaan yang tidak mempunyai sebarang saingan seperti kasino dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan secara umumnya tiada halangan untuk mengkaji keperluan mengenakan cukai khusus ke atas perniagaan yang tidak mempunyai persaingan di Malaysia atau yang disebut oleh Yang Berhormat sebagai "*monopoly tax*". Kajian berterusan ke atas sistem percukaian negara sentiasa dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan sistem dan dasar percukaian negara adalah progresif (iaitu

NO SOALAN :428

lebih tinggi pendapatan, lebih tinggi cukai pendapatan), berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan di samping menjana hasil negara yang mencukupi.

Yang Berhormat telah memberikan contoh spesifik iaitu perniagaan kasino sebagai perniagaan yang tidak mempunyai persaingan di Malaysia. Bagi makluman Yang Berhormat, syarikat yang menjalankan perniagaan kasino di Malaysia telah pun dikenakan bayaran yang tinggi oleh Kerajaan dalam bentuk

lesen kasino dan duti kasino. Oleh demikian syarikat tersebut seolah-olah telah pun dikenakan cukai monopoliseperticadangan Yang Berhormat memandangkan ia adalah khusus untuk perniagaan berkenaan dan tidak dikenakan kepada perniagaan lain. Ini merupakan beban cukai tambahan untuk syarikat tersebut kerana ia masih perlu membayar cukai pendapatan korporat. Layanan serupa juga dikenakan ke atas perniagaan perjudian yang lain. Oleh sebab perniagaan perjudian yang lain ini kurang mempunyai persaingan, Kerajaan juga mengenakan duti pertaruhan, cukai perjudian, duti mesin slot, lesen syarikat perjudian dan lesen perniagaan mesin slot ke atas syarikat-syarikat terlibat. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan cukai baru ke atas perniagaan kasino dan perniagaan perjudian yang lain.

Satu lagi contoh perniagaan yang mempunyai ciri monopoli di Malaysia adalah industri petroleum huluan. Dalam industri ini, syarikat PETRONAS telah diberikan satu-satunya hak untuk menguruskan aktiviti pengeluaran petroleum di Malaysia. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengenakan bayaran royalti ke atas PETRONAS disebabkan pemberian hak tersebut. Pada masa yang sama, PETRONAS dan syarikat pengeluar petroleum yang lain di Malaysia turut dikenakan cukai khusus iaitu cukai pendapatan petroleum yang kadar cukainya (sebanyak 38%) lebih tinggi daripada kadar cukai pendapatan korporat (sebanyak 25%). Salah satu daripada sebabnya adalah kerana aktiviti ini kurang mempunyai persaingan.

NO.SOALAN :

429 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PAD A

YB HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

SOALAN:

YB Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci berapakah jumlah penjawat awam Persekutuan di Negeri Sarawak dari peringkat tertinggi hingga rendah yang bertugas di jabatan-jabatan Persekutuan tidak termasuk pol's dan tentera dan berapa orangkah anak Sarawak menjadi ketua.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah penjawat awam Persekutuan di Negeri Sarawak dari peringkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi hingga Kumpulan

NO. SOALAN : 430

pelaksana yang bertugas di jabatan-jabatan Persekutuan adalah seramai 62 318 orang.

Manakala, seramai 35 orang anak Sarawak menyandang jawatan di peringkat tertinggi sebagai ketua.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

RUJUKAN 4625

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah kenderaan pacuan 4 roda tidak diberikan kepada polis-polis di kawasan luar bandar khususnya di Sarawak memandangkan keadaan jalan raya masih tidak berturap dan mengapa balai polis di Bekenu dan Batu Niah di bawah Parlimen Sibuti hanya mempunyai kenderaan jenis Perodua Kancil dan Kembara.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengambil maklum akan kesukaran dan kesulitan yang dialami oleh mereka yang berada di kawasan pedalaman terutamanya di pedalaman Sarawak. Untuk itu pelbagai pendekatan dan penyelesaian cuba dilakukan oleh pihak kementerian bagi menangani kesulitan tersebut. Sebagaimana yang YB sedia maklum kenderaan sedia ada di Balai Polis Bekenu adalah sebuah Land Rover dan juga sebuah Perodua Kancil, manakala bagi Balai Polis Batu Niah adalah sebuah Land Rover dan juga sebuah Perodua Kembara. Pihak PDRM telah menyediakan perancangan untuk membekalkan kenderaan pacuan empat roda di kawasan pedalaman

NO. SOALAN : 432

Sarawak supaya sesuai dengan keadaan jalan dan memudahkan pihak polis membuat tinjauan dan juga tugas-tugas kepolisan yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan juga telah meluluskan perolehan kenderaan-kenderaan baru PDRM termasuklah perolehan kenderaan pacuan empat roda melalui penjimatan peruntukan RMK-10 tahun 2011 yang mana menjangkakan sebanyak 10 buah kenderaan pacuan empat roda dari model Isuzu D-MAX dan juga Nissan X-Trail untuk ditempatkan di daerah-daerah di negeri Sarawak pada bulan Mac 2012 dan urusan penghantaran kenderaan-kenderaan tersebut sedang giat dijalankan.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
	[SIBUTI]
TARIKH	
SOALAN	431/

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai program menggalakkan golongan pelajar sekolah atau individu berbakat dengan menyediakan dana untuk pembangunan perisian telefon pintar untuk android atau IOS memandangkan industri ini mampu memberi pendapatan kepada negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang mempunyai program menggalakkan golongan pelajar sekolah atau individu yang berbakat dengan menyediakan dana untuk pembangunan perisian telefon pintar untuk android dan IOS memandangkan industri ini mampu menjana pendapatan kepada negara.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) telah menyediakan program ICON atau

Integrated Content Development Programme. Antara matlamat utama program ini ialah untuk menyokong dasar kerajaan bagi meningkatkan penembusan dan penggunaan jalur lebar di bawah inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) serta meningkat dan menjana pendapatan pada negara di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Ia diperkenalkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada tahun 2009 dan diteruskan di bawah RMKe-10 pada tahun 2011 hingga 2012 di bawah program ICON2. Di bawah ICON2, program ICONapps (Applications Developer Programme) disasarkan kepada individu termasuk golongan pelajar. Ia bertujuan untuk membangunkan perisian dan kandungan untuk platform telefon pintar utama seperti android dan iPhone serta membantu memasarkan kandungan dan perisian tersebut. Program ini menawarkan bantuan kewangan yang merangkumi yuran latihan, pembelian peralatan pembangunan (development tool), pembelian *3rd party software development kit*, program *mentoring* dan *coaching*, dan yuran *online placement* untuk memasarkan perisian yang telah dibangunkan di Apple Store dan Android Market.

Pada tahun 2011, peruntukan sebanyak RM4.85 juta telah diberikan untuk program ICON2. Sehingga 29 Februari 2012, sebanyak RM3,803,875 telah dibelanjakan. Program ICON2 ini dijangka akan selesai pada penghujung suku tahun ketiga 2012.

Sehingga 29 Februari 2012, MDeC telah menerima sebanyak 200 permohonan bagi menyertai program ICONapps. Daripada jumlah ini, perisian dan kandungan di bawah platform android dan 61 adalah untuk platform iOS. Antara pencapaian utama di bawah program ini termasuk:

- a) penyediaan khidmat latihan kepada 148 individu yang menyertai program ini;
- b) sebanyak 27 perisian di bawah platform iOS telah berjaya dipasarkan di Apple Store; dan
- c) sebanyak 24 perisian di bawah platform android telah berjaya dipasarkan di Android Market.

Antara perisian yang telah berjaya dipasarkan ialah MyFamily Organizer, Foodie Diary, Airconditioning Calculator dan Go Holiday di bawah Apple Store, manakala Diary Muslim, Home4u, Utravel, MyStoryBook, StockInfo, TransitKL dan BizCard di bawah Android Market.

Hasil jualan dari perisian dan kandungan melalui program ICON2 ini disasarkan sebanyak RM10 juta pada akhir tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah RMKe-9, MOSTI juga telah melaksanakan Program TAPMOSTI@COMMUNITY atau program aplikasi teknologi MOSTI bersama komuniti yang telah diluluskan pelaksanaannya oleh Jemaah Menteri pada 22 Jun 2009 dan dilancarkan secara rasmi pada 24 Jun 2009. Tujuannya ialah untuk membantu kumpulan sasaran yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya di kawasan luar bandar.

Salah satu teknologi yang ditawarkan kepada komuniti dalam program ini adalah Teknologi Pembangunan Kandungan untuk Telefon Bimbit (Mobile Content Development Training & Internship Programme). Program ini telah mendapat sambutan yang amat baik di kalangan belia dan beliawanis di

mana peserta program diberikan latihan mengenai cara pembangunan kandungan dan perisian iOS (iPhone, iPad dan iPod). Program latihan merangkumi 2 peringkat iaitu latihan asas pembangunan kandungan selama 10 hari dan latihan praktikal selama 2 bulan di mana peserta terpilih dan berkelayakan akan ditempatkan di syarikat IT berstatus MSC yang membangunkan kandungan telefon bimbit.

Sebanyak 6 kawasan Parlimen / DUN telah menerima dan melaksanakan program ini iaitu DUN Melaka, DUN Kuala Sentul, DUN Muadzam Shah, Parlimen Keningau, DUN Senadin dan DUN Bukit Sari. Sebanyak 6 aplikasi iOS berdasarkan pelancongan telah berjaya dibangunkan dan berada di pasaran global Apple Store.

Program ini tidak diteruskan kerana tidak termasuk dalam skop pembiayaan program RMKe-10. Walau bagaimanapun, MOSTI masih meneruskan pembiayaan aktiviti inovasi dengan menyediakan pembiayaan dana untuk syarikat perusahaan kecil dan sederhana, institut pengajian tinggi awam/swasta, badan bukan kerajaan, persatuan serta individu yang berkelayakan. Bagi individu yang berbakat, jumlah pembiayaan maksimum sebanyak RM50.000 disediakan untuk membantu individu berkenaan bagi menghasilkan sesuatu produk yang berinovatif.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA ■ ^{TUAN HAJI} AHMAD LAI BIN
BUJANG**

**SIBUTI
KAWASAN**

NO. SOALAN

: 437

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan berapakah jumlah Pelaburan Luar Langsung Asing
(FDI) untuk negeri Sarawak dari tahun 2008 hingga 2011 dan
apakah langkah Kerajaan Pusat untuk membantu projek SCORE
untuk mendapatkan Pelabur Luar Langsung Asing.**

- Bagi tahun 2008 - 2011, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan di negeri Sarawak adalah sebanyak RM36.02 bilion yang melibatkan 150 projek. Daripada jumlah tersebut RM9.43 bilion (26.2%) adalah pelaburan domestik manakala RM26.59 billion (73.8%) adalah pelaburan asing (FDD).
- Pelaburan asing yang diluluskan di negeri Sarawak di dalam sektor perkilangan dalam tempoh 2008 - 2011 adalah terutamanya dalam industri berikut:-

Bil	Industri	Pelaburan (RM juta)
(i)	Produk logam asas	16,916.2
(H)	Kimia dan produk kimia	7,692.2
(iii)	Produk elektronik dan elektrikal	892.5
(iv)	Produk petroleum termasuk petrokimia	719.6
(v)	Kelengkapan pengangkutan	281.4

- Di bawah RMKe-10, pembangunan ekonomi wilayah akan dipercepatkan dengan memberi tumpuan bagi membangunkan sebilangan kluster yang berkepadatan tinggi dan di antaranya adalah Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) yang terletak di wilayah tengah negeri Sarawak.
- Sumber tenaga merupakan teras SCORE, terutamanya tenaga hidro yang berkapasiti 28,000 MW. Ini bagi membolehkan

Sarawak menetapkan harga tenaga secara kompetitif dan menggalakkan pelaburan dalam penjanaan tenaga dan industri berintensifkan tenaga.

- Lima nod pertumbuhan telah dikenal pasti dengan matlamat memberi tumpuan kepada usaha pembangunan dan pelaburan dalam SCORE seperti berikut:-
 - i) Tanjung Manis - bandar pelabuhan serantau dan hab halal utama;
 - ii) Mukah - Smart City dan pusat utama SCORE;
 - iii) Samalaju - pusat industri berat yang baru;
 - iv) Baram dan Tunoh - pelancongan dan industri berasaskan sumber;
- Bagi tahun 2008 - 2011, SCORE telah menarik pelaburan sebanyak RM20.4 bilion yang melibatkan 88 projek. Daripada jumlah tersebut RM7.5 bilion (36.8%) adalah pelaburan domestik manakala RM12.9 billion (63.2%) adalah pelaburan asing (FDD).

- Pelaburan yang diluluskan di SCORE dalam tempoh 2008 - 2011 adalah terutamanya dalam industri berikut:-

Bil	Industri	Pelaburan (RM juta)
(i)	Produk logam asas	10,371.3
(»)	Kimia dan produk kimia	7,802.8
(iii)	Produk petroleum termasuk petrokimia	1,569.8
(iv)	Kayu dan produk kayu	325.6
(v)	Kelengkapan pengangkutan	131.8

- Fokus Kerajaan pada masa kini dalam mempromosikan pelaburan langsung asing berkualiti adalah di dalam sektor-sektor berteknologi tinggi, intensif modal, berdasarkan sumber dan mempunyai nilai tambah yang tinggi. Antaranya adalah elektronik lanjutan, fotovoltik, semikonduktor, aeroangkasa, mesin dan peralatan, petrokimia, bioteknologi, fotonik, dan nanoteknologi termasuk penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan logistik dan operasi serantau.
- Pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan di dalam usaha menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti ke Malaysia termasuk di negeri Sarawak. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:
 - > Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi

menggalakkan pelaburan di seluruh negara. Sebagai contoh, meluluskan lesen pengilang secara automatik kecuali bagi aktiviti-aktiviti sensitif mulai Disember 2008 dan pada April 2009, meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan di dalam sektor perkhidmatan;

- > Kerajaan juga akan meliberalisasikan 17 lagi subsektor perkhidmatan secara berfasa pada tahun 2012, merangkumi perkhidmatan hospital swasta, perkhidmatan pakar perubatan dan perglgian, arkitek, kejuruteraan, perakaunan dan percukaian, perundangan, perkhidmatan kurier, perkhidmatan pendidikan dan latihan, serta perkhidmatan telekomunikasi. Inisiatif ini akan membolehkan hak pegangan ekuiti asing sehingga 100 peratus dalam subsektor terpilih;
- > Pengecualian penuh duti cukai untuk bahan-bahan mentah dan barang perantaraan untuk aktiviti- aktiviti domestik. Ini akan membantu mengurangkan kos-kos operasi di dalam sektor pembuatan serta memberikan kelulusan automatik untuk jawatan- jawatan expatriat di dalam sektor pembuatan, untuk bidang-bidang dimana negara mempunyai kekurangan kemahiran;

- > Menawarkan galakan insentif tambahan seperti insentif kali kedua kepada syarikat-syarikat yang sedia ada bagi menggalakan projek pembesaran dan diversifikasi di Malaysia;
- > Mengkaji semula pemberian insentif cukai supaya sentiasa dapat menarik pelaburan yang berkualiti daripada teknologi baru muncul, modal intensif berteknologi tinggi, industri berdasarkan pengetahuan dan daripada sektor perkhidmatan yang berkaitan perkilangan;
- > Memperkenalkan program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) di mana 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) telah dikenalpasti bagi menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia; dan

Mempergiatkan aktiviti-aktiviti promosi termasuk:- Misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara; '*Specific Project Missions*' (*SPMs*)
Persidangan '*Forbes Global CEO 2011*' di Kuala Lumpur
Persidangan tahunan '*Invest Malaysia*'
Penganjuran program-program seperti '*Foreign Industry Leaders*' dan '*Foreign Journalist*' untuk lawatan ke Malaysia

Dialog bersama ‘Foreign Chambers of Commerce and Industry, agensi-agensi kerajaan seperti Bank Negara, SSM, CIDB, syarikat-syarikat perunding dan syarikat-syarikat tempatan dan asing yang telah beroperasi di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN BERTULIS
Daripada	Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]
Soalan	No.43fT ?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan mengapakah belum terdapat Industri Hiliran bagi perladangan kelapa sawit di kawasan Parlimen Sibuti yang mempunyai ladang kelapa sawit yang banyak dan petani kecil yang tinggi. Apakah rancangan Kementerian bagi mencapai NKEA bagi meningkatkan Industri Hiliran Sawit untuk negeri Sarawak dan Parlimen Sibuti.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga tahun 2011, terdapat keluasan tanaman sawit sebanyak 18,015 hektar di Sibuti. Keluasan ini diusahakan oleh 23 estet dan pekebun-pekebun kecil seramai 3,200 orang. Di samping itu, terdapat lima buah kilang sawit di daerah Sibuti yang menjalankan aktiviti memproses buah sawit daripada estet dan pekebun kecil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

Buat masa ini, minyak sawit mentah yang dihasilkan di Sibuti termasuk di Miri dihantar ke Bintulu untuk diproses oleh tiga buah kilang penapis. Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat tempatan memba ngunkan industri hiliran sawit di semua tempat yang sesuai, termasuk di Sibuti. Langkah ini akan memperkuuhkan pembangunan industri sawit, di samping menyediakan peluang-peluang pekerjaan pada rakyat tempatan.

Bagi membantu pembangunan industri sawit di kawasan ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM27.5 juta untuk menyediakan kemudahan asas di Industri Kluster Minyak Sawit (*Palm Oil Industry Cluster - POIC*) Bintulu. Di bawah projek ini, kemudahan asas seperti tapak dan lain-lain infrastruktur bagi menggalakkan pelaburan pembangunan industri hiliran disediakan. Kerajaan akan terus mengkaji keperluan infrastruktur untuk menggalakkan industri hiliran di lain-lain tempat yang sesuai.

2

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM

[ARAU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN

MALAYSIA PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah drastik yang perlu diambil oleh Kementerian dalam menangani permasalahan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian dalam aliran Sains.

JAWAPAN

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan TeknikahSastera di peringkat menengah atas mencapai sasaran. Bagi mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang Sains ini, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti, antaranya ialah:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang Sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan Sains di peringkat sekolah;

- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains;
- iv. Menambah baik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan sains; dan
- v. Menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam KSSR.

Untuk makluman, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan(GLC). Contohnya dengan Akademi Sains Malaysia untuk meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate.(hands- on)*; dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem *River Rangers. Science Action Team*, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA
BELAS(2012)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU)
SOALAN:

NO. SOALAN: 435

Dato' Ismail bin Kasim (Arau) minta PERDANA MENTERI menyatakan peranan yang akan dimainkan oleh kerajaan dalam menangkis pandangan Agama Islam adalah agama keganasan.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi agama Islam di Malaysia dari semasa ke semasa memberikan penjelasan kepada masyarakat pelbagai kaum di negara ini dan juga masyarakat antara bangsa di luar negara, bahawa agama Islam yang diamal dan dihayati oleh masyarakat Islam adalah satu agama yang menolak sama sekali unsur keganasan ke atas mana-mana rakyat dalam sesebuah negara. Banyak siri lawatan pemimpin negara ke luar negara untuk memberi penjelasan mengenai agama Islam yang menekankan sifat wasatiyyah (bersederhana di dalam semua tindakan yang dilakukan).

Penjelasan Islam bukan agama keganasan telah diberikan oleh agensi-agensi kerajaan termasuk Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO's) Islam melalui media massa (akhbar, majalah, risalah) dan media elektronik (tv, radio, laman web dan media baru) kepada

masyarakat pelbagai kaum.

Selain itu, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKAPA) berperanan untuk menjelaskan kepada bukan Islam bahawa Islam adalah agama yang menjaga kesejahteraan dan keharmonian kaum. Begitulah juga dengan peranan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional yang bertanggungjawab menjaga perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan budaya agar dapat hidup aman dan sejahtera tanpa ada insiden yang boleh menggugat keselamatan diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

Oleh itu, pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan, media massa dan media baru sama-sama berperanan untuk mempertingkat dan mengembelingkan tenaga bagi menyokong usaha-usaha yang dilakukan kerajaan bagi memastikan agama Islam ini adalah agama toleran yang mengambil berat hak semua kaum di negara ini di dalam mengamalkan agama dan budaya mereka dengan aman dan damai.

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN :

436 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB DATO' ISMAIL BIN KASIM

SOALAN:

YB Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan benar-benar komited terhadap kajian pelaksanaan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam terutamanya yang melibatkan kenaikan gaji kumpulan pelaksana.

JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 8 Mac 2012, Kerajaan telah mengumumkan bahawa SBPA dibatalkan dan sistem saraan akan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia dengan penambahbaikan-penambahbaikan tertentu. Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa

bentuk Perkhidmatan Awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berdasarkan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan. Cadangan-cadangan yang disyorkan oleh Suruhanjaya ini akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan tertakluk kepada kedudukan kewangan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

[BUKAN LISAN] SOALAN NO. V&f
-----*S'*

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan agar gejala rasuah bola sepak di negara ini dapat dihapuskan.

JAWAPAN

1. Dalam usaha membanteras gejala rasuah dalam bola sepak, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah pun membentuk

SULIT

Jawatankuasa Pemeriksaan, Pemantauan dan Ketelusan yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Aseh bin Che Mat dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jawatankuasa sedang giat menjalankan aktiviti membanteras kegiatan rasuah atau mengatur perlawanan di seluruh negara dengan menggunakan pendekatan 3E iaitu *Education, Engagement* dan *Enforcement*. Di antara pelan tindakan jawatankuasa ini adalah:-

- i. menlantik seorang bekas pegawai kanan PDRM berpangkat ACP dan seorang bekas pegawai kanan SPM untuk bertugas sepenuh masa di Jabatan Integriti FAM; dan
 - ii. akan menujuhkan Jawatankuasa Pemantauan yang akan diketuai oleh Pegawai Penguat kuasa PDRM (D7) di setiap 14 buah negeri seluruh negara.
2. Sebagai tambahan, melalui Jawatankuasa Program Pembangunan Bola Sepak Negara, satu kempen pendidikan dan penerangan memerangi gejala rasuah telah dimulakan. Ia turut melibatkan pemain-pemain di bawah umur 12 tahun melalui Program *MyKids Soccer* dengan penerapan nilai-nilai murni, pembentukan sahsiah diri dan keagamaan semaksimum yang mungkin. Langkah sedemikian juga akan dilaksanakan dalam Liga KPM, Pusat Latihan Daerah dan Sekolah-sekolah Sukan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia kerana kita percaya bahawa pencegahan kepada menularnya gejala

SULIT

rasuah ini boleh dimulakan dengan pendidikan, dan ia pastinya akan berjaya ditangani dengan pendidikan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**BERTULIS
DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]**

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam memastikan Akta Hak Cipta benar-benar dapat melindungi penggiat industri di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara amnya, karya hakcipta adalah merupakan hak peribadi (*private rights*). Sebagai hak peribadi, seseorang pengkarya perlu mengetahui hak dan juga tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi melindungi hasil karya mereka. Kerajaan telah menyediakan satu *platform* perundangan melalui Akta Hakcipta 1987 bagi meningkatkan martabat sesuatu hasil karya yang diterbitkan oleh seseorang pengkarya (*author*).

Sokongan dan usaha kerajaan dalam membantu penggiat industri kreatif

telah dibuat dari masa ke semasa. Dari aspek perundangan, Akta Hakcipta 1987 telah dipinda bagi menjelaskan jenis-jenis karya yang dilindungi dan memperluaskan skop perlindungan serta penguatkuasaan undang-undang kepada semua hasil

karya penggiat seni secara amnya. Pindaan undang-undang ini dibuat hasil maklumbalas dari penggiat seni dan industri kreatif serta juga respon terhadap triti-triti antarabangsa yang memberi faedah kepada penggiat-penggiat seni tanah air.

Pada 21 Disember 2011, Parlimen telah meluluskan pindaan Akta Hakcipta 1987 yang telah mengambil kira triti antarabangsa iaitu WIPO *Phonograms and Performances Treaty* (WPPT) dan WIPO *Copyrights Treaty* (WCT). Ianya memberi faedah kepada pelaku (*performer*) dengan memperluaskan tafsiran persembahan yang mana sebelum ini hanya terikat kepada persembahan secara langsung (*live performance*). Kini hak pelaku adalah lebih luas dengan seseorang pelaku boleh mendapatkan hak bayaran royalti termasuk dalam bentuk rakaman visual. Pindaan ini juga memberi ruang kepada seseorang pelaku untuk mendapatkan agihan bayaran saraan saksama (*equitable remuneration*). Sekiranya pelaku tidak berpuashati, mereka boleh memfailkan tuntutan ke Tribunal Hakcipta yang telah diperluaskan bidangkuasa untuk mendengar apa-apa pertikaian di bawah Akta Hakcipta 1987.

Kerajaan melalui pindaan Akta Hakcipta 1987 ini juga telah memperkenalkan satu sistem pendaftaran hasil karya secara sukarela. Pendaftaran hasil karya secara secara sukarela ini akan membantu pengkarya-pengkarya dalam membuktikan keempunyaan sesuatu hasil karya mereka melalui sijil pendaftaran yang akan dikeluarkan oleh Pengawal Hakcipta. Pendaftaran hasil karya ini bukanlah bersifat mandatori kerana prinsip umum hakcipta berkaitan hak eksklusif adalah automatik sekiranya dapat dibuktikan penerbitan sesuatu karya tersebut telah wujud dalam mana-mana pertikaian berhubung hakcipta. Sistem pendaftaran ini memberi kemudahan secara statutori, untuk mana-mana pengkarya membuat pendaftaran secara sukarela.

Pindaan Akta Hakcipta ini juga memberi respon kepada perkembangan teknologi jalur lebar (internet). Bagi mencegah sebarang pelanggaran hakcipta melalui

talian intenet ini, peruntukan terhadap Pemberi Perkhidmatan Jalur Lebar "*Internet Service Provide?*"(ISP) telah dibuat. Melalui peruntukan ISP ini, mana-mana pemberi perkhidmatan laman web turut bertanggungjawab memastikan pelanggan-pelanggan talian atau laman web yang ditawarkan oleh mereka perlu mengeluarkan apa-apa karya hakcipta yang dilaporkan telah melanggar hakcipta pemilik karya. Sekiranya gagal bertindak mengeluarkan hasil karya langgaran tersebut maka mana-mana pembekal ISP tersebut boleh didakwa dan disabitkan sebagai satu kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987 (Pindaan 2010).

Pindaan Akta Hakcipta 1987 ini juga turut memperkenalkan peruntukan Pemintasan Langkah Perlindungan Teknologi (*Circumvention of Technological Protection Measure*) dan Maklumat Pengurusan Hak (*Right Management Information*) yang juga melibatkan teknologi maklumat. Kedua-dua peruntukan ini mencegah dan melarang sebarang pindaan atau penggubahan oleh mana-mana pihak terhadap sesuatu karya yang dibuat berkaitan penggunaan dan pengurusan elektronik tanpa kezinan pemilik hakcipta.

Kerajaan telah menunjukkan komitmen dan komited dalam menyokong industri kreatif dan penggiat-penggiat industri kreatif dengan memperkemaskan undang- undang Hakcipta. Namun begitu, seperti yang dinyatakan bahawa hakcipta adalah merupakan hak peribadi, seseorang pengkarya perlu mengambil inisiatif dalam melindungi karya mereka sendiri. Pengetahuan berkaitan hak dan perlindungan hakcipta ini penting kepada penggiat seni apabila sesuatu urusniaga atau kontrak berkaitan hasil karya mereka dibuat. Ini disebabkan sebagaimana urusniaga perniagaan yang lain, "*bargaining power*" adalah satu aspek penting dalam memaksimakan

keuntungan.

Kementerian melalui agensi terbabit iaitu Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah dan secara berterusan membuat promosi dan kempen kesedaran berkaitan hakcipta. Impak dari kempen dan sesi pertemuan dengan pihak industri seni telah mula menampakkan hasil walaupun kesedaran berkaitan harta intelek ini masih di peringkat rendah. Ini jelas, apabila isu-isu hakcipta telah mengisi ruang di laman suratkhabar utama di Malaysia dan juga usaha yang mula dipergiatkan melalui persatuan-persatuan industri seni akan kepentingan harta intelek khususnya hakcipta telah menjadi topik utama perbincangan mereka. Pihak Kementerian mengalu-alukan kerjasama mana-mana pihak dalam pengajuran program, seminar dan pertemuan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman hak dan perlindungan hakcipta di Malaysia.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
 [POKOK SENA]

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) jumlah dan peratus wang zakat di Wilayah Persekutuan yang digunakan untuk tujuan pelaburan ; dan
- (b) nama syarikat yang dilaburkan dan bidang pelaburan serta keuntungan dari setiap pelaburan

JAWAPAN: Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

- (a) MAIWP tidak memperuntukkan peratusan tertentu wang zakat untuk dilaburkan. Pelaburan hanya dibuat sekiranya terdapat lebihan wang zakat pada sesuatu tahun.

Sehingga 31 Disember 2011, jumlah pelaburan terkumpul MAIWP adalah berjumlah RM177.48 juta merangkumi pelaburan dalam anak syarikat, pelaburan berstruktur, pelaburan jangka panjang, pelaburan saham awam dan pelaburan hartanah.

- (b) Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM44.54 juta dilaburkan dalam 5 anak syarikat MAIWP seperti berikut:

- i. Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.: RM29.96 juta (bidang kesihatan)
- ii. Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.: RM3.5 juta (bidang pendidikan)
- iii. Hartasuci Sdn. Bhd. : RM1 juta (bidang perkhidmatan pungutan zakat).
- iv. Kolej Sains dan Kejururawatan PUSRAWI Sdn. Bhd.: RM9.58 juta

(bidang pendidikan perubatan)

- v. MAIWP Dagang Sdn. Bhd. : RM0.5 juta (bidang perniagaan pelbagai)

Jumlah dividen terkumpul sehingga 31 Disember 2011 melalui pelaburan dalam anak syarikat ini adalah RM4.51 juta.

Sekian, terima kasih.

4^o
RTTT

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO*HAJIMAHFUZ BIN OMAR

[POKOK SENA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar sekolah yang terlibat dalam kes jenayah dari tahun 2000 hingga 2011 dan nyatakan jenis jenayah yang dilakukan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah murid yang terlibat dengan kes jenayah dalam tempoh 10 tahun (2001 hingga 2010) adalah pada kadar purata 1457 (0.03%) orang setahun. Perincian mengenai kes jenayah yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

KATEGORI	JUMLAH PURATA (SETAHUN)	PERATUS PURATA (SETAHUN)	PERATUSIKUT ENROLMEN (SETAHUN)
Jenayah Kekerasan	388	24.4%	0.03% Setahun
Jenayah Harta Benda	1069	75.6%	
Keseluruhan	1457	100%	

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT [BUKAN LISAN]

SULIT

SOALAN NO.
44€r

441

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan

- (a) jumlah dan nama program latihan belia dari tahun 2001 hingga 2011; dan
- (b) jumlah belia yang terlibat dalam program latihan dari tahun 2001 hingga 2011.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan melalui Bahagian Pembangunan Kemahiran telah menyediakan program-program latihan Kemahiran kepada belia lepasan sekolah melalui kursus sepenuh masa di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan juga kursus jangka pendek yang dijalankan pada hujung minggu. Berikut merupakan program-program latihan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2001 hingga 2011 iaitu:

SULIT

BIL .	NAMA PROGRAM LATIHAN	JUMLAH PROGRAM SETIAP TAHUN
1.	Kursus sepenuh masa di IKBN	Ambilan Januari/Julai
2.	Pembentukan Tempat Latihan (PTL)	Ambilan Januari
3.	Latihan Kemahiran Tidak Formal (LKTF)	118 program
4.	Perantisan Industri Perhotelan (HIAS)	8 program
5.	PERANTIS	145 program
6.	Perkasa Rakyat Mahir (STEP)	301 program
7.	SKILLS 4Y 2Y	430 program
8.	Bahasa Inggeris	20 program
9.	ICT	30 program

2. Melalui program-program latihan kemahiran tersebut, lebih 130,325 orang belia telah mendapat manfaat.

3. Kementerian turut melaksanakan program-program latihan yang khusus dalam memupuk jati diri belia serta latihan-latihan berkaitan keusahawanan antaranya:

(i)	Program	Latihan
	Keusahawanan	
(ii)	Program Latihan Kepimpinan Belia	
(iii)	Program Latihan Pembangunan Sahsiah	
(iv)	Program KLD Tunas Samudera	
(v)	Program Jatidiri Kesukarelaan Nasional	
(vi)	Program Pertukaran Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun	

4. Daripada tahun 2001 hingga 2011 seramai 1,156,004 orang belia telah terlibat dalam program-program latihan tersebut.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)

SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap kakitangan awam di dalam Jabatan Kehakiman Syariah malaysia yang telah bersara dan disambung

kontraknya bertahun-tahun. Penyambungan kontrak ini menyekat peluang kakitangan bawahan naik pangkat. Malah kakitangan kontrak tersebut sebenarnya sudah tidak produktif lagi. Adakah benar Ketua hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sudah tidak mendengar kes rayuan lagi.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan dasar kerajaan terhadap kakitangan awam di dalam Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang telah bersara dan disambung kontraknya semula, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2010 yang menetapkan jawatan Ketua

1

Hakim Syarie Negeri-negeri dan Hakim Rayuan di JKSM boleh disambung kontrak perkhidmatannya, setelah tamat tempoh perkhidmatan wajibnya atau bersara, sehingga mencapai umurnya 66 tahun. Oleh yang demikian pihak JKSM telah melaksanakan dasar penyambungan perkhidmatan secara kontrak selaras ketetapan pekeliling tersebut dan peraturan sedia ada.

Peluang kenaikan pangkat semua pegawai di JKSM sememangnya menjadi perhatian pihak pengurusan JKSM sebagaimana agensi kerajaan yang lain. Dalam masa yang sama, JKSM juga mengutamakan kualiti perkhidmatan pengurusan kes rayuan agar ia sentiasa diurus oleh pegawai yang berkemahiran tinggi, lebih-lebih lagi jawatan Hakim Rayuan merupakan jawatan Hakim yang paling tinggi hirakinya. Hakikatnya, semua

urusan kenaikan pangkat pegawai di JKSM telah diurus dengan penyelian dan pengesahan pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan JPA agar elemen menyekat peluang kenaikan pangkat pegawai bawahan tidak berlaku sebagaimana juga agensi Kerajaan yang lain

Mengenai tanggapan bahawa Hakim-hakim Rayuan JKSM tidak lagi produktif, data statistik kes rayuan yang direkodkan pada tahun 2011 menunjukkan sebanyak 143 kes telah didengar oleh Y.A.Hakim-hakim Rayuan JKSM termasuk kes-kes yang dikendalikan oleh Y.A.A. Ketua Hakim Syarie JKSM iaitu sebanyak 40 kes. Dari jumlah tersebut, sebanyak 95 kes telah diselesaikan pada tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA Tuan haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)

SOALAN 443

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kenapakah Syarikat Penerbangan Malaysia sehingga kini masih menghidangkan arak kepada orang Islam dan bukan Islam di dalam penerbangan antarabangsa.

Tuan Yang Di Pertua,

Syarikat Penerbangan Malaysia sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi tuntutan penumpang khasnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi syarikat penerbangan bertaraf lima bintang untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna Syarikat Penerbangan Malaysia menggalakan penumpangnya untuk mengambil minuman keras. Syarikat penerbangan terkemuka dari tanah Arab seperti Emirates Airlines juga menyediakan minuman keras kepada penumpangnya di dalam penerbangan

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2012)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA

YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan akan membentangkan Akta Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam bagi mengekang gejala memurtadkan orang Islam.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam bagi mengekang gejala memurtadkan orang Islam akan dibentangkan setelah perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan selesai.

Di samping itu, satu Mesyuarat Penyelarasan Penguatkuasaan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah diadakan pada 26 Januari 2012 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor bagi membincangkan isu-isu berkaitan penguatkuasaan Enakmen tersebut di negeri-negeri. Dalam mesyuarat tersebut, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini dan dianggotai oleh Ketua Pengarah JAKIM, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Seluruh

Malaysia (JAIN), Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Penasihat Undang- Undang JAKIM dan Pengarah Bahagian Penyelarasian Undang-Undang JAKIM. Keanggotaan jawatankuasa ini boleh ditambah berdasarkan kepada keperluan dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia mempunyai fungsi seperti yang berikut:

- i. membuat keputusan dasar terhadap isu-isu yang perlu kepada penyelarasan di antara agensi penguatkuasaan Syariah, PDRM dan mana-mana agensi lain yang berkaitan;
- ii. menggubal arahan dan garis panduan berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang Syariah bersama PDRM dan lain-lain agensi;
- iii. merangka dan menyusun program latihan bagi meningkatkan kecekapan dan pemahaman berkaitan dengan undang-undang Syariah; dan
- iv. memantau keberkesanan pelaksanaan keputusan-keputusan dasar yang telah diputuskan.

Pada masa sekarang, walaupun akta itu masih belum berkuat kuasa, Kerajaan masih boleh menggunakan undang-undang yang sedia ada bagi mengekang gejala memurtadkan orang Islam. Pada pandangan

Kerajaan, gejala memurtadkan orang Islam boleh dianggap sebagai perbuatan yang mencetuskan sensitiviti umat Islam yang boleh memudaratkan keadaan yang harmoni atau perpaduan Negara. Sebagai contoh, tindakan boleh diambil terhadap sesiapa yang menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci membenci, sakit hati atau memudaratkan keadaan yang harmoni atau perpaduan atas alasan keagamaan. Sekiranya disabitkan kesalahan, individu itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari lima tahun sebagaimana yang dijelaskan dalam Seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan (Disemak) 1997.

Seksyen 298A (1) Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti yang berikut:

298A. *Menyebabkan, dsb., di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau sakit hati, atau memudaratkan, dsb., pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan.*

" (1) Barang siapa dengan perkataan-perkataan, sama ada secara lisan atau bertulis, atau dengan isyarat, atau dengan pernyataan zahir, atau dengan apa-apa perbuatan, aktiviti atau kelakuan, atau dengan mengelolakan, memajukan atau mengaturkan, atau membantu dalam mengelolakan, memajukan atau mengaturkan apa-apa aktiviti, atau selainnya dalam apa-apa cara yang lain -

- (a) menyebabkan, atau cuba menyebabkan, atau mungkin menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci membenci atau sakit hati; atau
- (b) memudaratkan, atau cuba memudaratkan, atau mungkin memudaratkan, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan, atas alasan keagamaan, di antara orang-orang atau kumpulan orang yang menganut agama yang sama atau berlainan agama, hendaklah dihukum dengan hukuman penjara bagi satu tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari lima tahun. ”

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2012)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan susulan dan sejauh manakah tindakan diambil bagi penubuhan Institusi Wasatiyah seperti yang telah diumumkan pada perasmian Global Movements of The Moderates baru-baru ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI

JABATAN PERDANA MENTERI) NO. SOALAN: 445..

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini masih di peringkat perincian. Apabila semuanya telah selesai dan bersedia, ia akan dimaklumkan kepada masyarakat umum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN
TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
NO. 45+ 4-^{AA}

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah pihak Kementerian memantau pelajar-pelajar perubatan yang dikatakan tidak menjelaskan yuran pengajian mereka di sebuah universiti di Mesir di mana tindakan undang- undang akan diambil oleh universiti tersebut.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, pihak universiti di Mesir hanya memaklumkan kepada Kementerian melalui wakil agensi Education Malaysia Kaherah senarai nama pelajar yang masih tidak membayar yuran dan tiada makluman bertulis secara rasmi daripada pihak universiti berhubung tindakan undang-undang diambil terhadap pelajar Malaysia khususnya yang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan.

Pembayaran yuran pengajian universiti di Mesir merupakan urusan antara pelajar dengan pihak universiti. Walau bagaimanapun, Education Malaysia

Kaherah sentiasa memantau dan mengambil maklum masalah pelajar yang masih tidak membayar yuran dan turut menyalurkan maklumat tersebut kepada wakil-wakil pelajar. Pihak Education Malaysia Kaherah akan membantu pelajar yang ingin menangguhkan pembayaran yuran pengajian dengan mengeluarkan surat rasmi kepada universiti dengan jusifikasi yang munasabah dan persetujuan pelajar untuk membayar yuran dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, pelajar yang telah memohon surat penangguhan tersebut akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan. Pihak universiti akan menerima jaminan tersebut dengan syarat keputusan peperiksaan tidak akan dikeluarkan kepada pelajar sehingga yuran pengajian dijelaskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN: BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA: TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
SOALAN**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah pertambahan pesakit luar yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan sejak tahun 2000 hingga kini. Berikan pecahan setiap hospital di Negeri Pulau Pinang. Berapakah purata tempoh masa menunggu setiap pesakit dan apakah inisiatif kementerian untuk mengatasi kesesakan pesakit dan jaminan rawatan yang efisien kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua

SOALAN NO: 45J

Sehingga 31 Disember 2011, terdapat 6 buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Negeri Pulau Pinang. Dari tahun 2000 sehingga 2010, jumlah kedatangan pesakit luar yang mendapat rawatan di semua hospital KKM di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 9,678,778 orang pesakit di mana jumlah kedatangan telah bertambah dari 543,249 orang pesakit pada tahun 2000 kepada 1,351,524 orang pesakit pada tahun 2010.

Mengikut pecahan semua hospital KKM di Negeri Pulau Pinang, jumlah kedatangan pesakit luar (2000-2010) adalah seperti berikut:

- i. Hospital Pulau Pinang - Jumlah kedatangan pesakit luar seramai 5,019,039 orang pesakit, di mana jumlah kedatangan telah bertambah dari 346,994 orang pesakit pada tahun 2000 kepada 637,099 orang pesakit pada tahun 2010. Masa waktu menunggu pesakit mendapat rawatan kurang adalah daripada 30 minit (87.8%);
- ii. Hospital Seberang Jaya - Jumlah kedatangan pesakit luar seramai 1,473,291 orang pesakit, di mana jumlah kedatangan telah bertambah dari 104,863 orang pesakit pada tahun 2000 kepada 189,451 orang pesakit pada tahun 2010. Masa waktu menunggu pesakit mendapat rawatan adalah kurang daripada 30 minit (93.3%);
- iii. Hospital Bukit Mertajam - Jumlah kedatangan pesakit luar seramai 1,583,199 orang pesakit, di mana jumlah kedatangan telah bertambah dari 60,020 orang pesakit pada tahun 2000 kepada 238,907 orang pesakit pada tahun 2010. Masa waktu menunggu pesakit mendapat rawatan adalah kurang daripada 30 minit (88%);
- iv. Hospital Kepala Batas - Jumlah kedatangan pesakit luar seramai 347,896 orang pesakit, di mana jumlah kedatangan telah bertambah dari 24,330 orang pesakit pada tahun 2003 kepada 65,989 orang pesakit pada tahun 2010. Masa waktu menunggu pesakit mendapat rawatan daripada kakitangan perubatan kurang daripada 90 minit adalah 100%. Ini memenuhi KPI yang telah ditetapkan. Oleh kerana hospital ini tidak termasuk dalam senarai hospital yang menyediakan

waktu bekerja di luar waktu pejabat, maka hospital ini tidak tertakluk kepada waktu menunggu kurang daripada 30 minit yang ditetapkan dalam e-Masa;

- v. Hospital Sg.Bakap - Jumlah kedatangan pesakit luar seramai 752,976 orang pesakit, di mana jumlah kedatangan telah bertambah dari 13,602 orang pesakit pada tahun 2000 kepada 138,145 orang pesakit pada tahun 2010. Masa waktu menunggu pesakit mendapat rawatan adalah kurang daripada 30 minit (80.7%); dan
- vi. Hospital Balik Pulau - Jumlah kedatangan pesakit luar seramai 502,377 orang pesakit, di mana jumlah kedatangan telah bertambah dari 17,770 orang pesakit pada tahun 2000 kepada 81,933 orang pesakit pada tahun 2010. Masa waktu menunggu pesakit mendapat rawatan kurang daripada 30 minit (70.1%).

Tuan Yang di-Pertua

KKM prihatin dengan keperluan untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada pesakit-pesakit yang menggunakan perkhidmatan di fasiliti KKM. KKM menyedari dalam keadaan tertentu terdapat pesakit-pesakit yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkenaan.

KKM telah mempertingkatkan perkhidmatan di Jabatan Pesakit Luar Am hospital dan klinik kesihatan, di mana terdapat klinik-klinik yang memanjangkan perkhidmatan di waktu tengah hari dan di sebelah petangnya pula sehingga jam 12 tengah malam. Usaha-usaha ini dilakukan bertujuan untuk meningkatkan bilangan kemudahan yang menyediakan

perkhidmatan kepada pesakit-pesakit.

Sejak tahun 2007, waktu bekerja di luar waktu pejabat telah diperkenalkan bagi menangani pertambahan pesakit Jabatan Pesakit Luar dan klinik kesihatan terutama bagi kawasan yang berkepadatan tinggi. Di Negeri Pulau Pinang, data bagi tahun 2011 menunjukkan 83.3% daripada pesakit mendapat rawatan kurang daripada 30 minit di semua hospital di negeri Pulau Pinang.

Tempoh menunggu di Klinik Pakar pula berbeza di antara pelbagai kepakaran, bergantung pada jenis kepakaran dan kompleksiti kes-kes yang dirawat. Kes-kes yang dilihat di Klinik Pakar lazimnya lebih kompleks daripada kes yang dilihat di Jabatan Pesakit Luar, dan perlu mengambil masa yang lebih lama. Di samping itu, pesakit perlu menjalani pelbagai jenis pemeriksaan sebelum bertemu dengan doktor, seperti pemeriksaan *visual acuity*, *visual field*, *blood pressure*, ECG dan sebagainya, dan ini akan menambah tempoh menunggu bagi pesakit.

Untuk mengurangkan kesesakan di Jabatan Pesakit Luar, Klinik Pakar dan Klinik Kesihatan, beberapa pendekatan lain diambil seperti berikut:

- i. Penjadualan temujanji yang lebih sistematik (*staggered appointments*) di Klinik Pakar dan Klinik Kesihatan, di mana pesakit-pesakit diberi waktu temujanji mengikut *block appointment*. Dengan ini, pesakit diminta hadir 30 minit sebelum waktu temujanji masing-masing bagi urusan pendaftaran sebelum diperiksa oleh petugas klinik.
- ii. Infrastruktur dan Peralatan
 - meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti menambah bilik konsultasi untuk rawatan pesakit.

* Menambah dan menaiktaraf peralatan di klinik-klinik di seluruh negara bagi mempercepatkan saringan dan ujian dan sekaligus mengurangkan waktu menunggu untuk pemeriksaan doktor.

iii. Tenaga Manusia

- memberi elaun sebanyak RM80.00 sejam untuk Pegawai Perubatan yang bertugas di klinik selepas waktu pejabat untuk menarik minat lebih ramai doktor memberi perkhidmatan.

iv. Memantau waktu menunggu di Jabatan Pesakit Luar Am hospital dan klinik-klinik melalui e-masa.

SOALAN NO. 448

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan mempunyai pelan khusus bagi menyelesaikan masalah kira-kira 800 peniaga Melayu yang membeli lot kedai di Bazar Perdana dekat Bandar PERDA, Seberang Perai Tengah yang merupakan salah satu projek di bawah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) Pusat yang terbengkalai di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Bazar Perdana adalah merupakan salah satu komponen projek di bawah program penswastaan pemajuan Bandar PERDA oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Projek Bazar Perdana ini telah siap dibina mengikut pelan asal dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki (OC) pada tahun 2004. Oleh itu, isu projek terbengkalai tidak timbul. Malahan pada ketika ini, terdapat sebuah syarikat perabot berjenama dan beberapa lot bazar sedang beroperasi di bangunan Bazar Perdana. Walau bagaimanapun, sebilangan besar pembeli lot-lot kedai yang berkonsepkan perniagaan ala Pekan Rabu yang lain tidak menjalankan perniagaan di bangunan tersebut kerana mendakwa bangunan Bazar Perdana tidak selamat.

Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil tindakan dengan mengarahkan PERDA untuk mengkaji isu keselamatan Bazar Perdana. Dalam hal ini, PERDA selaku pemilik projek bersama-sama dengan pihak pemaju telah melantik 4 perunding profesional berbeza bagi menjalankan penilaian dan pemeriksaan ke atas Bazar Perdana melibatkan pemeriksaan ke atas fizikal bangunan, ujian tanah, pemantauan pemendapan tanah serta pemeriksaan ke atas struktur bangunan. Hasil penilaian oleh keempat-empat perunding tersebut mendapati bahawa bangunan Bazar Perdana adalah selamat. Adalah diperhatikan bahawa isu keselamatan ini lebih merupakan isu persepsi para pembeli.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan lot-lot bazar ini merupakan harta milik persendirian, Kerajaan tidak mempunyai tanggungjawab secara langsung ke atas urusan bangunan bazar berkenaan. Sungguhpun demikian, Kerajaan

berusaha untuk membantu dan telah bertindak sebagai pemudah cara dalam menangani isu projek Bazar Perdana. Untuk makluman, beberapa *engagement* telah diadakan di antara PERDA dengan Jawatankuasa Bertindak Bazar Perdana, iaitu kumpulan yang mewakili pembeli-pembeli lot kedai Bazar Perdana. Satu perbincangan dengan pihak pembeli, pemaju dan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPSP bagi menujuhkan *Joint Management Body*

(JMB) juga telah diadakan pada 24 Mac 2012. Walau bagaimanapun, berikutan tiada kata sepakat dicapai, JMB ini tidak berjaya ditubuhkan dan kini diambil alih oleh COB MPSP untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Oleh kerana unit-unit kedai tersebut merupakan milik persendirian, adalah diharapkan supaya pembeli juga mempunyai perubahan sikap yang positif untuk bersama-sama menyumbang ke arah penyelesaian masalah berbangkit demi kelangsungan perniagaan mereka tanpa perlu bergantung semata-mata kepada Kerajaan.

NO. SOALAN: 449

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH 12 APRIL 2012

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelaburan wilayah-wilayah ekonomi koridor sejak 2008 dan berapakah jumlah sumbangan pelaburan-pelaburan tersebut kepada KDNK negara. Nyatakan jumlah pelaburan daripada Singapura di Iskandar Johor berbanding Pulau Pinang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari tahun 2007 sehingga Januari 2012, jumlah pelaburan yang diterima di semua wilayah ekonomi koridor adalah sebanyak RM 259.964 bilion. Berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2011 (pada harga malar 2000:RM588.374 bilion*) jumlah pelaburan yang diterima ini menyumbang sebanyak 44% daripada

KDNK. Pelaburan-pelaburan yang diterima adalah dalam pelbagai sektor di antaranya sektor pembuatan, pelancongan, minyak, logistik, pertanian dan lain-lain.

*Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Bagi Iskandar Malaysia, pelaburan yang diterima dari Singapura adalah sebanyak RM6.9 bilion dan ini termasuk kerjasama di antara Khazanah Nasional dan Temasek Holdings. Manakala bagi Pulau Pinang, pelaburan yang diterima dari Singapura yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) pada tahun 2011 adalah sebanyak RM500 juta dalam bidang perkilangan aero angkasa.

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng[Bagan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah perancangan untuk menambah infrastruktur jalur lebar saluran televisyen yang lebih menarik dan pelbagai supaya ia turut dapat dinikmati golongan kurang berkemampuan. Berapakah jumlah kos pembiayaanya. Bolehkah RTM mewujudkan saluran televisyen khas Mandarin, Tamil, Iban/Kadazan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sedang dalam perancangan untuk membangunkan semula Kompleks Angkasapuri sebagai bandar media dalam usaha untuk meningkatkan taraf sistem penyiaran dan menyediakan prasarana moden bagi RTM dalam meningkatkan keupayaan dalam penerbitan kandungan yang lebih menarik seiring dengan kemajuan dunia penyiaran.

Bagi maksud menambah bilangan saluran televisyen, cadangan tersebut boleh dipertimbangkan selepas perkhidmatan TV digital yang dijangka selesai dilaksanakan menjelang tahun 2015. Adalah menjadi hasrat Kementerian untuk memperbanyakkan kandungan program TV

SOALAN NO: 455

yang berkaitan dengan negeri Sabah dan Sarawak serta saluran khas untuk Bahasa Mandarin dan Tamil. Sebagai langkah jangka pendek, saluran TVi diwujudkan untuk memenuhi hasrat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah panggilan Nur (15999) yang diterima sejak ia dilancarkan hingga kini serta jumlah penyelesaian keskes yang dilaporkan dan jumlah perbelanjaan. Berapakah rumah kanak-kanak (yatim dan cacat) yang berdaftar di bawah Kementerian mengikut pecahan negeri dan berapakah perbelanjaan (semua aspek) yang dibelanjakan kepada mereka setiap hari/seorang.

Sebagai Kementerian yang prihatin kepada kesejahteraan kumpulan sasarnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu perkhidmatan

JAWAPAN:

yang dikenali sebagai Talian Nur 15999 yang merupakan sebuah *call centre* bersepadu dan bertindak sebagai *single point of contact* kepada semua pelanggan KPWKM serta jabatan / agensi untuk mengemukakan permohonan, pertanyaan dan aduan berkaitan isu-isu sosial seperti kes pembuangan bayi, penderaan, perlindungan, kaunseling, masalah sosial remaja, dan bantuan kebajikan. Perkhidmatan ini secara rasminya dilancarkan pada 5 Disember 2007 oleh YAB Perdana Menteri ketika itu.

Semenjak Talian Nur dilancarkan, ia telah merekodkan sejumlah 236,782 panggilan yang terdiri daripada 79,249 panggilan produktif dan 157,533 panggilan tidak produktif (*crank calls*, *drop calls*, *silent calls* dan sebagainya). Daripada jumlah keseluruhan panggilan produktif yang diterima, sebanyak 71,802 panggilan telah selesai di peringkat *call centre* kerana pegawai petugas berjaya memberi maklumat yang dikehendaki oleh pemanggil atau memberi penjelasan berhubung perkara-perkara

tertentu. Baki 7,447 panggilan pula telah dipanjangkan (*escalated*) kepada agensi-agensi di bawah KPWKM serta agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Perkhidmatan Talian Nur boleh dihubungi melalui nombor 15999 dan KPWKM telah *outsource* talian ini kepada sebuah syarikat pembekal swasta. Sejak penubuhan Talian Nur, KPWKM telah membelanjakan sejumlah RM24.933 juta bagi membiayai kos operasi Talian Nur.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan peruntukan atau geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bagi memberikan perkhidmatan kepada anak yatim dan orang kurang upaya (OKU). Buat masa ini, 272 buah PSK menerima geran daripada JKM. Daripada jumlah itu, sebanyak 87 buah adalah PSK berkaitan kanak-kanak dan 116 buah PSK berkaitan OKU.

Pada tahun 2011, jumlah bantuan kewangan kepada PSK berkaitan kanak-kanak adalah sebanyak RM8 juta manakala kepada PSK berkaitan OKU adalah sebanyak RM18 juta. Geran yang diberikan adalah dalam bentuk

geran pentadbiran, geran per kapita, rangsum, elaun khas murid OKU, elaun pekerja, pembaikan dan pengurusan perkhidmatan. Geran Rangsum yang diberikan bertujuan untuk pembiayaan makanan kepada kanak-kanak di PSK dengan kadar RM8.00 sehari/seorang bagi PSK yang menyediakan premis berkediaman kepada penghuninya dan kadar sebanyak RM4.00 sehari / seorang bagi PSK yang menjalankan aktiviti harian selama 3 jam untuk sekurang-kurangnya 5 hari seminggu.

Selain itu, Elaun Khas Murid OKU sebanyak RM150.00 sebulan turut diberikan kepada kanak-kanak OKU yang mengikuti latihan di Sekolah Pendidikan Khas kelolaan NGO. Pecahan peruntukan kewangan peruntukan kewangan kerajaan kepada PSK Warga Emas dan OKU mengikut negeri adalah seperti berikut:

PECAHAN PERUNTUKAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA PSK WARGA EMAS DAN
OKU MENGIKUT NEGERI TAHUN 2011

NEGERI	JUMLAH PSK ORANG KURANG UPAYA	JUMLAH BANTUAN (RM)	JUMLAH PSK WARGA TUA	JUMLAH BANTUAN (RM)
KEBANGSAAN	12	690,568.00	3	2,180,580.00
PERLIS	2	110,440.00	0	0
KEDAH	9	846,862.92	2	66,660.00
PULAU PINANG	15	2,470,340.32	3	513,000.00
NEGERI	JUMLAH PSK ORANG KURANG UPAYA	JUMLAH BANTUAN (RM)	JUMLAH PSK WARGA TUA	JUMLAH BANTUAN (RM)
PERAK	13	3,370,902.80	4	326,330.00
SELANGOR	15	2,324,531.52	9	373,990.00
KUALA LUMPUR	9	3,437,439.72	4	79,330.00
NEGERI SEMBILAN	8	646,777.44	1	33,330.00
MELAKA	5	384,212.28	3	131,660.00
JOHOR	9	1,725,218.20	3	140,660.00
PAHANG	5	362,342.20	6	306,320.00
TERENGGANU	4	50,000.00	5	261,990.00
KELANTAN	3	628,605.32	2	46,330.00
SABAH	1	120,000.00	1	33,330.00
SARAWAK	5	836,689.52	2	86,474.00
LABUAN	1	57,000.00	0	0
JUMLAH	116	18,061,930.24	48	4,579,984.00

SOALAN NO: 452

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

**BUKAN LISAN
DARI PADA YB. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]**

RUJUKAN 11 [PR-1251-T48873]

SOALAN

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan sejauh manakah Projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life) akan melibatkan kampung-kampung tradisi yang terletak di sepanjang sungai Gombak dan sekiranya ada sila nyatakan kampung-kampung yang terlibat, jumlah kluasan yang akan diambil serta jumlah kos untuk projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, Projek River of Life (ROL) turut melalui kawasan sebuah Kampung tradisi iaitu Kampung Puah Asal (Kawasan Rizab Melayu). Walau bagaimanapun, tanah di Kampung ini tidak akan diambil .Projek ini hanya menumpukan kepada perancangan ke atas tanah-tanah rizab sungai dan tanah kerajaan sahaja bagi tujuan dibangunkan sebagai kawasan rekreasi tanpa melibatkan tanah milik persendirian.

Setelah tanah rizab sungai ini dibersihkan dan dicantikkan serta pembersihan dan kerja mendalamkan sungai-sungai tersebut dibuat, kerajaan menjangkakan nilai tanah-tanah persendirian berhampiran termasuk tanah Kampong Puah Asal tersebut akan turut meningkat.Keadaan ini sebenarnya akan menguntungkan pemilik-pemilik tanah persendirian tersebut.

SOALAN NO 453
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG

SOALAN 453

TUAN WEE CHOO KEONG minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah terdapat arahan baru dari Ketua Hakim Negara atau ia merupakan sebahagian daripada NKRA di mana Pengarah Mahkamah Kuala Lumpur telah mengeluarkan arahan baru bahawa semua Hakim-Hakim Majistret dan Mahkamah Sesyen tidak boleh meneruskan pendengaran perbicaraan kes-kes selepas pukul 5 petang dan meninggalkan Kompleks Mahkamah Jalan Duta pada waktu makan tengah hari untuk menguruskan hal peribadi mereka kecuali mendapat kebenaran dari Pengarah Mahkamah.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat satu Arahan Amalan Hakim

Besar Malaya Bil. 2 Tahun 2011 berkenaan Arahan Berkaitan Prosiding Mahkamah. Pada perenggan 2.1.2 Arahan Amalan tersebut telah dinyatakan bahawa waktu bersidang Mahkamah adalah daripada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Mahkamah tidak boleh menyambung persidangan selepas dari 5.00 petang kecuali dengan persetujuan semua pihak. Justeru, jelas di sini bahawa pendengaran kes hanya boleh diteruskan selepas pukul 5.00 petang sekiranya semua pihak iaitu, peguam, pendakwa dan Majistret/Hakim tersebut bersetuju untuk meneruskannya.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA:

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN:

BERTULIS

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk meminda undang-undang yang sedia ada untuk memberi hak sah kepada “Administrator of the Estate” mewakili Plaintiff yang telah meninggal dunia untuk meneruskan kes di dalam kes-kes perusahaan yang masih berlangsung di dalam Mahkamah Perusahaan.

PR-1251-T48876

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) secara amnya digubal khusus untuk menggalak serta mengekalkan keharmonian perusahaan di negara ini. Salah satu peruntukan penting di dalam Akta 177 ialah seksyen 20 yang menyediakan proses pengendalian

rayuan pemulihan kerja (*reinstatement*) bagi pekerja yang telah dibuang kerja oleh majikannya.

2. Aduan di bawah seksyen ini adalah bersifat individu di mana setiap aduan akan cuba diselesaikan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan melalui rundingan damai. Jika tidak berjaya, aduan tersebut akan dirujuk kepada YB Menteri Sumber Manusia untuk dipertimbangkan samada wajar atau tidak wajar dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Mahkamah Perusahaan akan mendengar aduan tersebut serta membuat keputusan berdasarkan merit kes.
3. Oleh kerana aduan di bawah seksyen 20 bersifat individu, wujud persoalan apabila Pengadu (pekerja yang dibuang kerja) meninggal dunia sebelum proses arbitrasi di Mahkamah Perusahaan selesai. Di dalam kes *Thein Tham Sang v The United States Army Medical Research Unit & Anor [1982] CLJ 500*, (Hakim Yeop Sani menyatakan seperti berikut:

"Section 20 of our Industrial Relations Act must be construed within the four corners of our own statute. Section 20 of the Act as I said elsewhere (1981 MLJ 304) is a provision especially incorporated into our Act to provide relief to workmen who are not members of any union who consider themselves to have been dismissed without just cause or excuse. As the section clearly says a claim under s. 20 is a claim for reinstatement. It is a claim personal to the claimant. The Industrial Court cannot reinstate a dead workman. Any other reliefs the Industrial Court may give are merely incidental or ancillary to the main relief asked for. Thus the main claim under s. 20 is personal in nature and the action abates with the death of the claimant."

4. Di dalam kes yang sama di peringkat rayuan di Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Persekutuan George Seah menyokong keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Hashim Yeop Sani dengan

menyatakan seperti berikut:

“Having regard to the above mentioned facts, the Federal Court agreed with the learned Judge that proceedings under s. 20(3) of the Act are a claim personal to the non-union workman and that it abated on his death. In short, the maxim actio personalis moritur¹ cum persona applies to the facts of this case.”

5. Berdasarkan undang-undang sedia ada dan kes mahkamah, pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda undang-undang yang sedia ada untuk memberi hak sah kepada “*Administrator of the Estate*” mewakili Pengadu yang telah meninggal dunia melainkan remedi pemulihan kerja (*reinstatement*) dipinda kepada remedи yang lain di masa hadapan.

¹ *Actio personalis moritur* cum persona is a Latin expression meaning a *personal action dies with the*

SOALAN NO: 455

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARI PAD A

YB. TUAN WEE CHOO KEONG

[WANGSA MAJU]

RUJUKAN

12 [PR-1251-T48878]

SOALAN

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang mengecat semula rumah-rumah Flat kos rendah yang terletak di bawah JMB/JMC dengan memberikan subsidi tertentu kepada pihak pengurusan berkenaan supaya perumahan kos rendah tersebut dicat semula terutamanya yang telah melebihi 10 tahun agar kelihatan lebih ceria.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, bagi rumah kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta, JMB/MC/Persatuan Penduduk boleh memohon dana untuk kerja mengecat di bawah Program TP-IMalaysia.

Program ini telah diwujudkan semenjak Januari 2010 bagi membantu JMB/MC/Persatuan Penduduk rumah kos rendah swasta di dalam aspek penyelenggaraan bangunan kediaman melalui kaedah *matching grant*

iaitu 90:10 bagi rumah kos rendah swasta (90% daripada dana TP-IMalaysia manakala 10% daripada akaun JMB/MC/ Persatuan Penduduk) dan 70:30 bagi rumah kos sederhana rendah swasta (90% daripada dana TP-IMalaysia manakala 10% daripada akaun JMB/MC/ Persatuan Penduduk).

Skop penyelenggaraan yang diberi keutamaan tidak hanya kepada kerja mengecat tetapi terbuka untuk kerja penyelenggaraan tangga, penyelenggaraan atau penggantian lif, penyelenggaraan atau penggantian bumbung, membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni serta kerosakan lain yang diputuskan wajar oleh Jawatankuasa Penyelaras dan Penurusan TP-IMalaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA **Y.B.DATUK CHUA SOON BUI**
(TAWAU)

PERTANYAAN : BERTULIS

SOALAN 456 *y*

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah nama-nama setiap pejabat dalam setiap daerah di Sabah yang membantu dalam pembayaran RM500 BR1M dan bilakah tarikh terakhir untuk penerimaan bayaran itu; dan

(b) adakah sebarang rayuan oleh pemohon-pemohon yang ditolak yang layak untuk menerima bantuan skim ini atau mereka yang tercicir dalam skim ini

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan

yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RMS,000 dan ke bawah. Sehingga kini, peiaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha mumi Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isimmah yang la yak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Terdapat tiga peringkat dalam peiaksanaan BR1M iaitu peringkat pengedaran borang BR1M dan pendaftaran; proses semakan serta validasi; dan peringkat pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 10 Februari 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran.
3. Kesemua maklumat dalam borang BR1M telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M yang berpengkalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menjalani proses semakan dan validasi. Proses validasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara(JPN), LHDN, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit

Penyelarasan Pelaksanaan (ICU). Keputusan berjaya atau tidak berjaya telah diedarkan melalui surat dan emel bermula 10 Januari 2012. Penyampaian BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012.

4. Untuk makluman Ahli Yang BerSiornnat, sehingga 15 April 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 4.81 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.2 juta atau hampir 87% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelufusan rayuan. Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 610 ribu atau 13% daripada keseluruhan pemohonan.
5. Antara alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adalah permohonan yang bertindih (over-lapping) atau telah wujud (duplication); maklumat pemohon, pasangan dan tanggungan tidak lengkap; pendapatan isirumah melebihi RM3,000; dan pemohon atau pasangan adalah termasuk dalam kategori pembayar cukai pendapatan.
6. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk melanjutkan tempoli rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan menetapkan tarikh sahlaku baucar BR1M adalah sehingga 15 Mei 2012.
7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberikan kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahu pun latar belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan BR1M. Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh negara. Walau bagaimanapun, dari segi peratusan isi rumah negara, Kelantan merupakan negeri penerima BRIM terbanyak iaitu 92% daripada keseluruhan isirumah di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sehingga 15 April 2012, secara keseluruhannya, program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.2 juta isirumah atau 84% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara. Peruntukan ini menggunakan perbelanjaan mengurus B11 Perkhidmatan Am Perpendaharaan, butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah ditampung melalui kutipan hasil dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang diwar-warkan oleh sesetengah pihak. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekuuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

SOALAN NO : 457
S'

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]
SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan

- a. Apakah rasional penubuhan “1Care”; dan
- b. Adakah “1Care” ini diwajibkan untuk semua rakyat. Mengapakah premium dikaitkan dengan pendapatan orang yang diinsuranskan dan bukan dengan faktor-faktor lain seperti umur, gender, keadaan kesihatan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua

1Care adalah cadangan penstrukturran semula sistem kesihatan negara yang masih dalam peringkat cadangan awal. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan sistem kesihatan Malaysia, supaya semua rakyat boleh mendapatkan rawatan kesihatan berkualiti. Cadangan ini masih lagi di peringkat konsep dan Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan mengenai perkara-perkara ini. Pelbagai aspek persediaan mengenai *1Care* sedang diperincikan dengan mengambilkira cadangan dan input dari pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders* - dengan izin). Dari

I

tahun 2009 sehingga 2011, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan sebanyak 56 perbincangan, bengkel, seminar, persidangan dan forum bersama organisasi bukan Kerajaan (NGO), pihak akademik serta wakil komuniti bagi tujuan tersebut. KKM sentiasa mengalukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan negara boleh diperkuuhkan lagi.

Dalam usaha mempertingkatkan sistem kesihatan negara melalui penstrukturran semula ini, Kerajaan bertujuan memastikan:

- 1) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti tanpa mengira tahap usia dan tahap kesihatan;
- 2) rakyat boleh membuat pilihan untuk mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta atau awam tanpa mengira tahap kemampuan mereka;
- 3) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan berhampiran dengan tempat tinggal atau tempat kerja mereka;
- 4) rakyat boleh memilih doktor keluarga masing-masing dan boleh menukaranya sekira perlu. Doktor keluarga ini akan lebih mengenali dan memahami masalah kesihatan setiap individu dan keluarga mereka serta membantu mereka terus mendapatkan penjagaan kesihatan sepanjang hayat;

- 5) rakyat tidak perlu bimbang mengenai bayaran semasa mereka mendapatkan rawatan yang mereka layak;
- 6) Kerajaan akan terus membiayai penjagaan kesihatan untuk rakyat miskin;
- 7) sumbangan untuk keperluan penjagaan kesihatan tidak akan membebankan rakyat; dan
- 8) rakyat tidak akan mengalami masalah kewangan atau jatuh miskin kerana membiayai rawatan kesihatan.

Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan kualiti penjagaan kesihatan untuk mengutamakan keperluan rakyat, negara menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditangani. Di antara isu-isu ini termasuklah kewujudan dua sektor penjagaan kesihatan yang berbeza iaitu sektor awam dan swasta memberi impak ke atas kualiti penjagaan kesihatan. Perbezaan yang ketara adalah dari segi infrastruktur seperti fasiliti dan peralatan kesihatan, amalan klinikal dan kompetensi anggota profesional dan juga sokongan. Perbezaan ini memberi kesan kepada persepsi kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit.

Pada masa ini, terdapat perbezaan dan ketidakseimbangan sumber manusia dan bebanan kerja di antara sektor awam dan swasta. Walaupun terdapat rangkaian fasiliti kesihatan yang meluas di Malaysia, namun taburannya masih tidak seimbang. Kemudahan fasiliti swasta lebih tertumpu di kawasan bandar dan perkhidmatan pakar juga lebih banyak terdapat di bandar-bandar utama. Oleh itu, masyarakat luar bandar tidak menerima tahap perkhidmatan yang setara dengan masyarakat yang tinggal di bandar. Ini menyumbang kepada ketidaksamaan pencapaian tahap kesihatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Walaupun sejak merdeka, negara telah mencapai banyak kejayaan dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat, namun kini indikator-indikator kesihatan tidak banyak berubah dan tidak menunjukkan

peningkatan tahap kesihatan ketara untuk beberapa tahun kebelakangan ini, berbanding negara-negara lain.

Di sektor swasta, pesakit bebas mendapatkan rawatan dari mana-mana peringkat penjagaan kesihatan tanpa dirujuk. Amalan *doctor-hopping* (dengan izin) di kalangan pesakit adalah membimbangkan dan perlu diberi perhatian kerana ia tidak menggalakkan amalan penjagaan kesihatan yang berhemah dan baik. Ini menjadi lebih genting lagi dengan peningkatan bilangan penduduk warga emas dan juga perubahan corak dan beban penyakit di Malaysia. Pada masa ini, penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kanser semakin meningkat. Kedua-dua situasi ini memerlukan rawatan jangka panjang bersama doktor yang benar-benar memahami keperluan kesihatan pesakit secara berterusan.

Memandangkan bilangan pesakit yang menggunakan hospital awam semakin bertambah, tidak hairanlah kesesakan adalah satu isu yang merumitkan usaha Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pesakit dan pelawat. Dalam situasi ini timbul ketidakpuasan dari pelanggan dan anggota fasiliti tersebut. Aduan yang kerap diterima oleh KKM adalah waktu menunggu yang panjang bagi mendapatkan rawatan di setiap peringkat penjagaan kesihatan.

Keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan, beban kerja yang tinggi dan ganjaran yang tidak setimpal menyumbang kepada penghijrahan pakar, doktor dan anggota kesihatan terlatih dari sektor awam ke sektor swasta dan ke luar negara. Pada masa yang sama, walaupun perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diberikan tidak mencapai tahap kualiti yang sepatutnya, caj rawatan tinggi masih akan dikenakan di sektor swasta.

Walaupun rakyat telah banyak mendapat manfaat daripada sistem kesihatan yang dibiayai oleh Kerajaan, namun proses mensasarkan sumber kewangan awam adalah kurang cekap. Golongan yang berkemampuan turut mendapat faedah dari perkhidmatan kesihatan awam yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan. Jadual Fi yang dikenakan amat rendah kerana subsidi yang diberi

oleh Kerajaan walaupun bagi mereka yang berkemampuan. Ini menyumbang kepada ketirisan subsidi Kerajaan.

Sistem pembiayaan kesihatan sedia ada mungkin tidak mampu bertahan dengan peningkatan pesat dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan dan kadar perbelanjaan wang saku (*out-of-pocket* - dengan izin) yang tinggi. Kekerapan liputan media meminta bantuan kewangan bagi membiayai kos rawatan menunjukkan kelemahan sistem pembiayaan kesihatan sekarang.

Dengan kesedaran mengenai isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kesihatan Negara, pihak KKM telah banyak meneliti pelbagai pilihan bagi memastikan sistem kesihatan negara kekal relevan, lebih berkualiti dan memenuhi keperluan penduduk. Kini KKM sedang menyediakan cadangan awal pelan penstruktur semula sistem kesihatan dengan mengambil kira isu yang dinyatakan diatas. Dalam hal ini KKM mengalu-alukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan Negara boleh diperkuuhkan lagi.

NOSOALAN: 458

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

SOALAN :

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

(a) berapa kes MACC telah disiasat di Sabah sejak tahun 2010 sehingga sekarang; dan

(b) apakah keputusan siasatan MACC terhadap dakwaan tuntutan palsu melibatkan kontrak bernilai RM 43 juta di UMSG oleh seorang Timbalan Ketua Bahagian UMNO

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

(a) Untuk makluman Yang Berhormat Tawau, bagi tempoh 1 Januari 2010 hingga Februari 2012, jumlah kes rasuah yang disiasat di Sabah adalah sebanyak 210 kes dan melibatkan 79 tangkapan telah dibuat.

(b) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan tuntutan palsu melibatkan kontrak bernilai RM 43 juta di UMS. Walau bagaimanapun perincian tidak boleh didedahkan kerana tertakluk kepada seksyen 29(4) Akta

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 459
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA YB Datuk Chua Soon Bui

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan sesungguh-sungguhnya untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya penyiasatan DiRaja (RCI - Royal Commission of Inquiry) berhubung pendatang tanpa izin, peningkatan populasi Sabah yang tidak mengikut kadar dan kehadiran 900,000 orang pekerja asing di Sabah, sama ada pendatang asing tanpa izin atau yang sah di sisi undang-undang.

JAWAPAN:

1. Kerajaan mengambil maklum akan masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin di Sabah. Kehadiran pendatang asing tanpa izin di Sabah bukanlah suatu fenomena yang baru. Sejarah kemasukan kumpulan ini, khususnya yang berasal dari Selatan Filipina dan Indonesia, telah bermula sejak negeri Sabah masih dibawah pemerintahan British. Antara faktor yang mendorong kemasukan kumpulan ini ke Sabah termasuklah pertalian kekeluargaan, mencari perlindungan keselamatan, ekonomi dan amalan tradisi. Fenomena kemasukan ini berlarutan sehingga sekarang dan pada masa ini, didapati bahawa kemasukan kumpulan ini lebih didorong oleh faktor ekonomi, iaitu mencari pekerjaan.

2. Masalah kehadiran pendatang asing tanpa izin yang berlarutan serta dalam jumlah yang besar sesungguhnya telah memberi kesan ke atas rakyat di negeri Sabah. Kehadiran mereka juga telah mencetuskan pelbagai reaksi dan telah menjadi isu yang sering diperkatakan oleh masyarakat Sabah. Isu yang dibangkitkan ini dilihat tidak akan selesai dengan sendirinya, malah isu ini boleh mencetuskan implikasi yang lebih serius di dalam jangka panjang.
3. Justeru pada 8 Februari 2012, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah. Berikutan daripada itu, Kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma rujukan (*terms of reference*) Suruhanjaya Siasatan tersebut, bagi memastikan suatu tindakan penyelesaian yang menyeluruh boleh diambil bagi menangani masalah ini.
4. Bagi memastikan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini dapat diselesaikan secara komprehensif, maka terma-terma rujukan bagi Suruhanjaya tersebut perlulah menyeluruh dan praktikal. Ini adalah bagi membolehkan Suruhanjaya itu mengemukakan cadangan penyelesaian yang berkekalan.
5. Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan pihak-pihak yang berkenaan dalam penyediaan terma-terma rujukan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk memastikan bahawa terma-terma rujukan tersebut boleh diterima oleh semua pihak.

NO. SOALAN: 460

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA **DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]**

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah projek-projek dengan perihalan dan nilai kontrak masing-masing yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Sabah oleh Petronas Carligali Sdn.Bhd.

JAWAPAN

PETRONAS memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat tempatan di dalam pemberian kontrak di mana PETRONAS beroperasi, selaras dengan aspirasi PETRONAS untuk membangunkan keupayaan tempatan. Peluang sentiasa terbuka kepada syarikat tempatan yang berminat dan berkelayakan untuk menyertai tender projek-projek yang dijalankan, di mana proses penilaian dijalankan secara telus mengikut polisi dan prosedur perolehan PETRONAS.

Beberapa langkah untuk menyokong usaha ini termasuk:

- 1. Melaksanakan mekanisma pemilihan kontraktor melalui proses pemilihan berikut:**
 - Syarikat tempatan yang berdaftar dengan PETRONAS mengikut kategori kerja yang betul;**
 - Sekiranya bidang kerja mampu dilakukan oleh syarikat tempatan, keutamaan akan diberikan kepada syarikat dari Sabah atau mempunyai entiti di Sabah; dan**
 - Berkebolehan untuk membekalkan bahan mentah dan servis yang diperlukan.**
- 2. Kontrak-kontrak utama PETRONAS telah mengambil kira peruntukan untuk penyertaan dari syarikat tempatan sekiranya terdapat kemahiran**

yang bersesuaian (seperti penyediaan tanah untuk tapak projek dan kejuruteraan awam yang lain, pengangkutan, bekalan tenaga manusia untuk memenuhi permintaan perkhidmatan katering, ubahsuai lanskap dan perkhidmatan servis bangunan).

Berikut adalah pakej-pakej kontrak yang dikeluarkan oleh PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. kepada syarikat Sabah sepanjang Januari 2010 sehingga Mac 2012:

Pakej Kontrak	Nama Syarikat
Bekalan tenaga manusia	<ul style="list-style-type: none">• Lingkungan Contractor Sdn. Bhd.• Pemborong Maju Bersatu Sdn. Bhd.• Renowarisan Sdn. Bhd.
Membekal barang IT dan servis	<ul style="list-style-type: none">• Evolusi Bersatu Sdn. Bhd.• Firm Synergy Sdn. Bhd.

Pakej Kontrak	Nama Syarikat
Pembinaan, penyelenggaraan dan servis bangunan dan fasiliti	<ul style="list-style-type: none"> • Barisan Samudera Sdn. Bhd. • Evolusi Bersatu Sdn. Bhd. • Haluan Cekap Sdn. Bhd. • KK Dinamik Sdn. Bhd. • Ladang Seri Delima Sdn. Bhd. • Lingkungan Contractor Sdn. Bhd. <ul style="list-style-type: none"> • Multiclean Services (Sabah) Sdn. Bhd. • Neopetro Sdn. Bhd. <ul style="list-style-type: none"> • Pemborong Maju Bersatu Sdn. Bhd. • Petrojadi Sdn. Bhd. <ul style="list-style-type: none"> • Petrousaha Engineering Sdn. Bhd. • PPSC Industries Sdn. Bhd. • Redwind Orchard Sdn. Bhd. • Renowarisan Sdn. Bhd. • Ribuan Gaya Sdn. Bhd. • Ritz Supplier Sdn. Bhd. • Rodway Energy Sdn. Bhd. • Seiekta Bistari Sdn. Bhd. • SS Mega Sdn. Bhd. • Unsur Hebat Sdn. Bhd. • Villaco Sdn. Bhd.
Pembekal pengangkutan sewa	<ul style="list-style-type: none"> • Adaras Rent-car Sdn. Bhd. • Airborne Travel Sdn. Bhd • Bayulink Sdn. Bhd. • Neopetro Sdn. Bhd. <ul style="list-style-type: none"> • Yayasan Sabah Dua Shipping Sdn. Bhd.
Penbekal alatulis pejabat	<ul style="list-style-type: none"> • SK Mariang Sdn. Bhd.
Pegawai perubatan dan ubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik Malaysia
Penyediaan tapak tanah projek	<ul style="list-style-type: none"> • Montis Sdn. Bhd. • Ribuan Gaya Sdn. Bhd.
Khidmat katering	<ul style="list-style-type: none"> • Bayulink Sdn. Bhd. • Jaya Petroleum Sdn. Bhd.

Sepanjang tempoh tiga tahun tersebut, PETRONAS telah memberikan kontrak berjumlah sebanyak RM732 juta kepada syarikat-syarikat dari Sabah.

SOALAN *UOi*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan usaha untuk mengiktirafkan tenaga mahir khususnya mengenai jumlah imbuhan dan tangga gaji yang diterima oleh pekerja yang mendapat Sijil Kemahiran Malaysia di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian di tahap DLKM (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia). Apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan gerbang kerjaya selaras hasrat Kerajaan menuju negara maju.

PR-1251-T47708

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Setakat ini, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) tiada kajian menyeluruh mengenai jumlah imbuhan dan tangga gaji yang diterima oleh pekerja yang berkelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM). Namun demikian, merujuk kepada statistik**

Jabatan Perangkaan Malaysia, gaji bagi pekerja berkelayakan sijil adalah dalam lingkungan RM1.500 - RM1,800 sementara RM2.400 - RM2.600 bagi mereka yang berkelayakan diploma (rujuk Jadual 1)

Jadual 1 menunjukkan kadar gaji dan Upah bulanan mengikut Sijil Tertinggi diperoleh, Malaysia, 2007-2010 (RM)

Sijil Tertinggi				2010
Sijil	1,878.62	1,824.46	1,697.53	1,829.28
Diploma	2,536.86	2,431.37	2,604.72	2,631.54
Ijazah	4,000.66	3,746.14	4,511.74	4,149.69

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

<m(12 Mac-12 AprnC2012)has..29.2.12/MnuidT4770S

NO.SOALAN :

462 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA YB HAJI AHMAD BIN KASIM

SOALAN:

YB Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERDANA

MENTERI menyatakan Skim SBPA (Saraan Baru Perkhidmatan Awam) yang sedang dalam peringkat kajian Jawatankuasa Khas,

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
adakah penilaian prestasi kakitangan yang diperkenalkan boleh menambah produktiviti serta semangat kakitangan untuk bekerja.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan melalui pakej SBPA telah ditambah baik dan diperkuuhkan dengan adanya elemen-elemen baru seperti penilaian oleh pelbagai penilai (*multi-rater*), penilaian berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi JUSA dan Gred Khas, pengenalan kepada dimensi teras, dimensi fungsian dan dimensi sumbangan. Diwujudkan unsur fleksibiliti di mana Ketua

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Perkhidmatan boleh menggunakan item penilaian yang terdapat dalam Borang Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau menetapkan item penilaian lain berdasarkan bidang tugas pegawai iaitu sebagai Dimensi Fungsian. Selain itu, Dimensi Sumbangan pula mengambil kira sumbangan kreatif/ inovatif pegawai selaras dengan aspirasi negara untuk memupuk budaya kreatif dan inovatif di kalangan penjawat awam.

Selaras dengan dasar Kerajaan ke arah budaya kerja berprestasi tinggi, Sistem Penilaian Prestasi yang baru ini turut mengambil kira penghargaan (*reward*) kepada pegawai berprestasi atau pengiktirafan atas sumbangan pegawai dan mengambil tindakan tegas (*punitive*) terhadap pegawai berprestasi rendah.

Sumbangan pegawai awam dalam bidang luar tugas rasmi juga turut dihargai dengan memperkenalkan penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) kepada individu yang menunjukkan kecemerlangan yang terkemuka. Dengan ini, penilaian prestasi yang ditambah baik ini akan menggalakkan persaingan positif di kalangan penjawat awam ke arah peningkatan produktiviti dan pencapaian objektif organisasi.

Walau bagaimanapun, berikutan dengan keputusan Kerajaan membatalkan SBPA dan semua elemen dalam pakej SBPA, maka penilaian prestasi penjawat awam akan terus menggunakan kaedah sedia ada di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM). Sistem Penilaian Prestasi yang baru akan dilaksanakan setelah persetujuan bersama dengan pihak CUEPACS

Sekian, terima kasih.

wo ■ S.OA-LAfJ

: NO-AUM-

409

ne-mp-^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWABLISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]**

TARIKH :

RUJUKAN : 4628

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bidang tugas sukarelawan Ikatan Relawan Rakyat (RELA), berapakah keseluruhan jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dan berapakah jumlah anggota RELA mengikut kawasan Parlimen di Malaysia, khususnya di negeri Kedah Darul Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, bidang tugas RELA asalnya adalah menjurus kepada pertahanan setempat yang berorientasikan situasi darurat. Apabila Negara menikmati keamanan fungsi diperluas kepada bidang kemasyarakatan melalui program-program bakti RELA seperti kenduri kendara, pengurusan jenazah, membasmikan musuh tanaman dan seumpamanya. Peraturan Perlu Ikatan

Relawan pindaan 2005 kemudiannya membolehkan RELA menjalankan penguatkuasaan menangani pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam membantu Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Pada masa ini peranan RELA membantu agensi penguatkuasaan atas permintaan dan menjalankan tugas-tugas kemasyarakatan untuk keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Sementara jumlah kos keseluruhan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam mengurus pasukan RELA adalah seperti berikut:

-	Tahun 2009	-	RM	59,147,968.97;
-	Tahun 2010	-	RM	67,071,253.10;
-	Tahun 2011	-	RM	78,000,000.00.

NO SOALAN

Pangkalan data keanggotaan RELA direkod di dalam sistem iRELA yang mana pangkalan data ini hanya memaparkan statistik mengikut Negeri dan Daerah sahaja tidak termasuk kawasan Parlimen. Jumlah keanggotaan RELA bagi negeri Kedah ialah seramai 148,155 anggota mengikut statistik berakhir pada 29 Februari 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

(KUALA KEDAH)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah penggunaan wang KWSP sebanyak RM 1.5 bilion untuk projek perumahan dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, sedangkan pencarum dana dalam KWSP ini dari pekerja seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah undang-undang, KWSP dibenarkan untuk melabur wang caruman bagi mendapatkan pulangan yang terbaik untuk diagihkan kepada pencarum-pencarum dalam bentuk dividen tahunan. Oleh itu, pinjaman yang diberikan KWSP sebanyak RM1.5 bilion kepada SPV adalah merupakan satu pelaburan yang dibenarkan dan pulangan yang diterima kelak akan diagihkan kepada pelabur. Walaupun pencarum KWSP yang lain tidak berpeluang untuk menikmati Skim Pinjaman Perumahan Dewan Bandaraya tetapi mereka menerima faedah dalam bentuk dividen tahunan dalam jangka panjang. Umpamanya pada tahun 2011, pencarum KWSP telah menerima

bayaran dividen yang menarik sebanyak 6%.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, objektif pelaburan KWSP ialah untuk memberikan nilai tambah kepada setiap simpanan ahli seperti yang dapat ditunjukkan melalui kadar dividen sebenar, iaitu setelah mengambil kira kadar inflasi setiap tahun. Simpanan KWSP bukan sahaja sentiasa selamat malahan menjamin pulangan positif yang konsisten dan stabil untuk jangkamasa yang panjang sejajar dengan objektif KWSP sebagai organisasi keselamatan sosial yang bertanggungjawab untuk menjamin simpanan hari tua ahli.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]**

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah pegawai perubatan yang telah pencen ditawarkan untuk berkhidmat semula setelah sekian lama mereka berada dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Adakah kajian prestasi dibuat sebelum perkhidmatan ditawarkan semula.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi keutamaan kepada Pegawai Perubatan Pakar yang menunjukkan prestasi yang baik untuk dilantik semula

secara kontrak selepas bersara wajib. Walau bagaimanapun, terdapat juga Pegawai Perubatan yang melaksanakan tugas tadbir urus klinikal dilantik semula secara kontrak selepas bersara dan menjalankan tugas klinikal.

|

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Perubatan yang melaksanakan tugas tadbir urus klinikal merupakan Pegawai yang melaksanakan tugas pengurusan yang berkaitan dengan bidang perubatan dan kesihatan, di mana kemahiran klinikal mereka masih diamalkan.

Sehingga kini, seramai 20 orang Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas tadbir urus klinikal telah ditawarkan pelantikan kontrak selepas bersara bagi menjalankan tugas-tugas klinikal.

Bagi tujuan pelantikan kontrak selepas bersara, pegawai-pegawai perlulah menunjukkan prestasi yang baik semasa berkhidmat di KKM dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan berdaftar serta tertakluk kepada keperluan perkhidmatan di KKM.

NOSOALAN: 466

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SULIT

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan Datuk Mat Zain Ibrahim, Bekas Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Polis Kuala Lumpur dalam surat terbukanya kepada Tan Sri Ismail Omar, Ketua Polis Negara bertarikh 28 Mac 2010 menyebut Ahli Parlimen Permatang Pauh, pada 20 Ogos 1999 telah membuat laporan Polis rujukan 22517/99 yang menuduh Tan Sri Rahim Tambi Chik terlibat dalam rasuah berjumlah RM 39,782,772.60:-

- (a) sudahkan SPRM menyiasat adakah benar Rahim Tambi Chik menerima rasuah; dan
- (b) jika benar, apakah tindakan susulan SPRM terhadap Rahim Tambi Chik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani, semakan terhadap rekod Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati tiada maklumat/aduan berkaitan Tan Sri Rahim Tambi Chik yang dikatakan terlibat dalam rasuah berjumlah RM 39,782,772.60. Semakan juga mendapati tiada apa-apa makluman yang telah dikemukakan oleh pihak Polis Di Raja

Malaysia kepada SPRM berkaitan isu yang dinyatakan ini. Sekiranya YB mempunyai maklumat berkaitan isu ini, dipohon supaya YB menyalurkannya ke pejabat SPRM yang terdekat supaya tindakan siasatan dapat dijalankan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:

467 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN: BERTULIS
DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan usaha untuk mengiktirafkan tenaga mahir khususnya mengenai jumlah imbuhan dan tangga gaji yang diterima oleh pekerja yang mendapat Sijil Kemahiran Malaysia di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian di tahap DLKM (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia). Apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan gerbang kerjaya selaras hasrat Kerajaan menuju negara maju.

PR-1251-T47708

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

SULIT

- 1. Setakat ini, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) tiada kajian menyeluruh mengenai jumlah imbuhan dan tangga gaji yang diterima oleh pekerja yang berkelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan**

Kemahiran Malaysia (DLKM). Namun demikian, merujuk kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, gaji bagi pekerja berkelayakan sijil adalah dalam lingkungan RM1.500 - RM1.800 sementara RM2.400 - RM2.600 bagi mereka yang berkelayakan diploma (rujuk Jadual 1)

Jadual 1 menunjukkan kadar gaji dan Upah bulanan mengikut Sijil Tertinggi diperoleh, Malaysia, 2007-2010 (RM)

Sijil Teitirigi	2007	2008	2009	2010
	1,878.62	1,824.46	1,697.53	1,829.28
Diploma	2,536.86	2,431.37	2,604.72	2,631.54
Ijazah	4,000.66	3,746.14	4,511.74	4,149.69

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

m(12 Mac-12 April 2012)/lias..J9.2J2/Mmdcm7708

Cjrh^

RT 32

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL**

[SUNGAI PETANI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

SOALAN NO.:

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta Menteri Pelajaran menyatakan United Nations Development Program (UNDP) pada tahun 2008 melaporkan Sabah mempunyai kadar celik huruf literasi yang paling rendah di Malaysia dimana satu daripada lapan kanak-kanak berumur enam tahun keatas tidak mencapai peringkat Darjah Lima berbanding 50 di Semenanjung:-

- (a) adakah keadaan telah berubah sekarang, untuk tahun 2011; dan.
- (b) adakah situasi 2008 terjadi akibat kemiskinan atau sistem pendidikan negara yang tidak kena di mana-mana.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Walaupun murid-murid di Sabah terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik serta menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam perbualan harian selepas bahasa ibunda, tidak menjadi penyebab kepada masalah celik huruf daian kalangan murid. Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui kadar peningkatan penguasaan kemahiran celik huruf literasi dan numerasi.. Dalam Portal NKRA bagi peratus literasi kohot 1 telah mencapai 96.03% dan peratus numerasi kohot 1 telah mencapai 97.95%.

P EM BE RITA HU AN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

KAWASAN SUNGAI PETANI

SOALAN:

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dalam Pilihan Raya Kecil Batu Sapi, Sabah, Perdana Menteri telah umumkan satu peruntukan khas akan diberikan untuk membina Jalan Sibuga sepanjang 2.75 kilometer yang akan menelan belanja RM 16 juta:

(a) Sejauh manakah status pembinaan jalan ini; dan

(b) berapakah kos sebenar projek ini.

JAWAPAN:

(a sc b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek menaik taraf Jalan Sibuga, Sandakan, Sabah merupakan antara projek baru yang telah diluluskan Kerajaan dalam *Rolling Plan* Pertama, RMKe-10. Skop projek ini iaiah menaik taraf jalan sedia kepada empat lorong dua haia sepanjang 2.75 kilometer dari Bulatan Sibuga ke Jalan Lintas Sibuga. Anggaran kos projek iaiah sebanyak RM22 juta, termasuk kos untuk pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti. Pada masa kini, proses reka bentuk projek berkenaan sedang giat dijalankan oleh pihak juru perunding yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini dijangka akan ditender selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini manakala pembinaan kerja-kerja fizikal pula akan dimulakan pada bulan September 2012 melibatkan tempoh siap kerja selama 18 bulan.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :BERTULIS

DARIPADA :**DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

SOALAN :**Dato' Johari bin Omar minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adalak benar pengurusan National Feedlot Corporation telah membeli melalui anak syarikatnya NMLC, dua bidang tanah di Putrajaya iaitu PT 1886 dan PT1887 di Persint 10, dengan harga RM3.363 juta**

(a) **Jika ini benar, ini satu kesalahan. Adakah Kerajaan akan merampas tanah ini dan dikembalikan kepada pemiliknya yang sah ; dan**

(b) **Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pengurusan NFC.**

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dakwaan yang telah dicajkan dan akan dibicarakan di Mahkamah, ulasan lanjut berkaitan perkara ini tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan prejedis kepada pihak berkuasa serta pihak yang dituduh di samping menjasaskan perbicaraan (sub judice) akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
PARI PAPA **YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHP.
YUSOFF**

SOALAN NO.:

KAWASAN RANTAU PANJANG

SOALAN:

YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHP. YUSOFF (RANTAU PANJANG)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina lebuh raya Kuala Lumpur - Kota Bharu dan sejauh mana kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan keperluan rakyat dapat dilaksanakan dengan segera.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan Kajian Kemungkinan Cadangan Pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 3 - Negeri Kelantan (LPT3).

Kajian yang disiapkan pada tahun 2009 itu antara fain telah mengenal pasti cadangan jajaran jalan yang terlibat, iaitu dari Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu (kesinambungan dari Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 - Negeri Terengganu) hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Pemilihan jajaran tersebut dibuat setelah Kerajaan Pusat mengambil kira cadangan dan pandangan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sendiri. Anggaran awal kos untuk melaksanakan projek ini ialah sebanyak RM3 bilion, termasuk kos reka bentuk, pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

Projek LPT3 ini merupakan kesinambungan dari LPT1 (Negeri Pahang) dan

LPT2 (Negeri Terengganu) dan ia sememangnya telah disenaraikan sebagai antara projek berkeutamaan tinggi dalam Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Semenanjung Malaysia (HNDP). Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan

Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk kelulusan peruntukan, sekurang-kurangnya bagi tujuan mereka bentuk dan pengambilan balik tanah dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10 ini. Manakala pelaksanaan fizikal LPT3 akan dimulakan sebaik sahaja proses reka bentuk dan pengambilan balik tanah diselesaikan.

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN

LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang projek pembinaan benteng banjir di sepanjang Sungai Golok yang sudah sekian lama tergendala bagi menyelesaikan masalah banjir di Rantau Panjang dan sekitarnya.

|
JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelakkan masalah banjir akibat daripada limpahan Sungai Golok, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) memang mempunyai perancangan untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Golok. Perancangan ini meliputi cadangan pembinaan *floodwall*, *floodway* dan *floodbundseria* menaiktaraf sistem saliran dalamandan kolam takungan.

Permohonan bagi cadangan projek tersebut telah dibuat dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) dan *Rolling Plan* Kedua (RP 2) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tetapi ia tidak dipertimbangkan kerana kekangan kewangan.

Walau bagaimana pun, pihak Kementerian telah membuat permohonan semula untuk mendapatkan peruntukan berjumlah RM 70 juta dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP 3) RMKe-10 bagi pelaksanaan cadangan kerja-kerja RTB Sg Golok tersebut dalam tahun 2013- 2014. Pelaksanaan kerja-kerjaini bergantung kepada kelulusan peruntukan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 473

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN	BERTULIS
DARIPADA	PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
	[RANTAU PANJANG]

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan penyelesaian terhadap kenaikan harga barang keperluan harian yang semakin meningkat dan apakah tindakan Kerajaan supaya harga barang dapat diturunkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang diharap akan membantu meringankan beban rakyat. Antara langkah dan strategi yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengawal harga dan bekalan barang kawalan yang merupakan barang keperluan asas seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan juga bahan api menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961;

- (ii) mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia yang merupakan inisiatif oleh kerajaan yang diharap dapat mengawal kenaikan harga barang runcit agar pengguna yang berpendapatan rendah masih dapat membeli barang tersebut berdasarkan pada kemampuan dan keperluan mereka.
- (iii) meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak supaya penduduk pedalaman dapat menikmati harga barang kawalan pada harga yang diwartakan.;
- (iv) menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (value for money);
- (v) memperkenalkan Program Menu Rakyat 1 Malaysia dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan melalui kerjasama di antara Kementerian dan pengusaha premis makanan. Program ini menawarkan pakej makanan dengan harga berpatutan bagi sarapan pagi dan makan tengahari;
- (vi) mengawal harga barang perlu semasa musim perayaan supaya harga dan bekalan barang keperluan utama seperti daging, ayam, bawang, telur dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan ditawarkan pada harga yang telah ditetapkan;
- (vii) mengadakan sesi dialog dan perbincangan secara berkala dengan industri yang berkaitan bagi menerangkan tentang isu kenaikan harga dan meminta supaya industri tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga secara keterlaluan. Dalam masa yang sama memohon komitmen industri untuk menambahkan bekalan sekiranya perlu terutamanya pada musim perayaan; dan

Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga dengan kerjasama *hypermarket* asing dan juga tempatan yang bertujuan memastikan harga

barang keperluan di pasaran dijual pada harga yang berpatutan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

**Y.B. PUAN SITI Z AIL AH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN :

BERTULIS

SOALAN

474

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang program BR1M, berapakah kos yang telah dibelanjakan dan berapa jumlah penerima mengikut negeri di seluruh negara.

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Sehingga kini, pelaksanaan program BRUM berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM5,000 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.
2. Terdapat tiga peringkat dalam pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pengedaran borang BR1M dan pendaftaran; proses semakan serta validasi; dan peringkat pengagihan **BR1M**. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 10 Februari 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran.

3. Kesemua maklumat dalam borang BR1M telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M yang berpengkalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menjalani proses semakan dan validasi. Proses validasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara(JPN), LHDN, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU). Keputusan berjaya atau tidak berjaya telah diedarkan melaSui sura! dan emel bermula 10 Januari 2012. Penyampaian BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhorrnat, sehingga 15 April 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 4.81 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.2 juta atau hampir 87% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan. Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 610 ribu atau 13% daripada keseluruhan pemohonan.
5. Antara alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adalah permohonan yang bertindih (over-lapping) atau telah wujud (duplication); maklumat pemohon, pasangan dan tanggungan tidak lengkap; pendapatan isirumah melebihi RM3.000; dan pemohon atau pasangan adalah termasuk dalam kategori pembayar cukai pendapatan.
6. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan menetapkan tarikh sahlaku baucar BR1M adalah sehingga 15 Mei 2012.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberikan kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahu pun latar belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan BR1M. Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh negara. Walau bagaimanapun,

8. Sehingga 15 April 2012, secara keseluruhannya, program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.2 juta isirumah atau 64% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara. Perintukan ini menggunakan perbelanjaan mengurus B11 Perkhidmatan Am Perpendaharaan, butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah ditampung melalui Scutipan hasil dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang diwar-warkan oleh sesetengah pihak. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekuahan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

SOALAN NO.: ^1S

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARI PADA YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.
YUSOFF**

KAWASAN RANTAU PANJANG

SOALAN:

YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF (RANTAU PANJANG)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peruntukan projek untuk jalan yang rosak akibat banjir, berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk Parlimen Rantau Panjang dan pelaksanaannya untuk tahun 2011 dan 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut daripada kejadian banjir yang berlaku pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011 yang lalu, jabatan Kerja Raya (JKR) telah menjalankan pemeriksaan terhadap infrastruktur awam yang terjejas di seluruh negara. Skop pemeriksaan tersebut melibatkan rangkaian Jalan Persekutuan dan Negeri, termasuk jambatan, pembetung dan kegagalan cerun di laluan terlibat. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan khas sebanyak RM150 juta pada tahun 2011 untuk membolehkan JKR melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang kritikal.

Sehingga kini JKR telah selesai melaksanakan sebanyak 467 projek terlibat di

JAWAPAN

mana antara kerja-kerja yang dilaksanakan itu ialah menurap semula permukaan jalan, membuat jalan lencongan sementara, membaik pulih jambatan dan pembetung, membaik pulih cerun, menyelenggara saliran dan sistem perparitan jalan, membaiki perabot jalan dan sebagainya. Bagi Negeri Kelantan sahaja, sebanyak RM14.77 juta telah disalurkan bagi melaksanakan kerja-kerja pemberian jalan yang terjejas akibat bencana banjir tersebut. Ini termasuklah peruntukan sebanyak RM750,000 untuk membaiki Jalan Persekutuan 196 (FT196), iaitu Jalan Panglima Bayu - Rantau Panjang - Jeram Pendah.

Bagi tahun 2012 pula, Kementerian Kerja Raya memerlukan peruntukan sebanyak RM 136.5 juta untuk pelaksanaan keseluruhan program ini di seluruh negara. Pelaksanaan projek-projek tersebut dijangka akan dimulakan sebaik sahaja kementerian ini selesai berunding dan menerima kelulusan peruntukan tersebut daripada Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh)

SOALAN

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta Perdana Menteri menyatakan status penubuhan dan peiaksanaan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (National Legal Aid Foundation) berikutnya Peguam Negara melaporkan bahawa pelaksanaannya akan ditangguhkan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ.
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah diperbadankan pada 25 Januari 2011 sebagai suatu syarikat khairat (*charitable company*) di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]. YBGK telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Februari 2011. Objektif penubuhan YBGK adalah untuk memberi bantuan dan nasihat guaman dalam perkara jenayah, termasuk jenayah Syariah kepada semua warganegara Malaysia di peringkat tangkapan, reman, permohonan jaminan atau perbicaraan. Walau bagaimanapun, YBGK tidak menyediakan bantuan guaman kepada

tertuduh dalam kes yang melibatkan hukuman mati mandatori kerana mahkamah telah menyediakan perkhidmatan peguam yang akan dilantik oleh mahkamah (assigned counsel) kepada tertuduh dalam kes sedemikian.

Mekanisme pelaksanaan operasi YBGK di Semenanjung Malaysia adalah melalui Pusat Bantuan Guaman di bawah kelolaan Majlis Peguam Malaysia. Bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula, YBGK akan dibantu oleh Jabatan Bantuan Guaman yang akan bekerjasama dengan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak.

Apabila seseorang ditangkap atas kesalahan jenayah, agensi penguatkuasaan yang berkenaan akan menghubungi Pusat Bantuan Guaman atau Jabatan Bantuan Guaman, mengikut mana-mana yang

berkenaan bagi mendapatkan khidmat peguam.

Bagi kes yang melibatkan perbicaraan, ujian kemampuan akan dijalankan **No. SOALAN : 476** untuk menentukan kelayakan orang yang akan menerima bantuan guaman yang terdiri daripada dua kategori iaitu -

- (i) mereka yang mempunyai sumber pendapatan tidak melebihi RM25.000 setahun akan diberi bantuan guaman percuma;
- (ii) mereka yang mempunyai sumber pendapatan melebihi RM 25,000 setahun tetapi tidak melebihi RM36, 000 setahun akan dikenakan bayaran RM 300.

YBGK telah menyediakan Garis Panduan bagi Pegawai Penguat Kuasa berkaitan dengan Tangkapan Dan Reman (SOP) bagi agensi-agensi penguatkuasaan. Pihak YBGK dengan kerjasama Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara dan pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri telah mengadakan sesi taklimat khas di setiap negeri pada bulan Februari kepada agensi-agensi penguatkuasaan termasuklah Majlis Peguam Negeri mengenai peranan, komitmen dan koordinasi mereka yang melibatkan pematuhan dan pemakaian SOP tersebut.

YBGK juga telah selesai mengadakan latihan peguam YBGK di seluruh Malaysia pada Disember 2011 dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak. Latihan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada para peguam mengenai YBGK dan peranan peguam terhadap perkhidmatan YBGK dalam prosiding jenayah serta menggalakkan penglibatan peguam dalam pelaksanaan operasi YBGK.

YBGK kini sedang giat melaksanakan pelbagai persiapan ke arah tarikh operasi tersebut antaranya penyediaan kad peguam YBGK dan pelan promosi YBGK. Risalah, banting, poster telah disediakan untuk diedarkan sebagai hebahan kepada masyarakat. Untuk makluman, YBGK telah memulakan operasi pada 2 April 2012.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

**YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN **NO. 477**

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan penjelasan lengkap berhubung masalah kekurangan bekalan gas yang dihadapi Tenaga Nasional Berhad serta langkah-langkah yang diambil untuk menangani kekurangan bekalan gas.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bekalan gas secara tetap kepada sektor tenaga telah diputuskan pada paras 1,250 mmscfd (*million standard cubic feet per day*) bagi tahun 2009 sehingga tahun 2011. Namun begitu, bekalan gas kepada sektor tenaga mula menyusut bermula pada tahun 2010 di mana purata bekalan gas yang diterima oleh sektor tenaga telah menurun berikutan pelbagai masalah teknikal yang dihadapi di beberapa platform gas di luar pesisir yang dimiliki oleh PETRONAS. Antara insiden yang berlaku adalah kebakaran di salah satu platform tersebut pada bulan Disember 2010 dan tempoh yang panjang diperlukan untuk membaiki dan mendapatkan platform gantian ekoran kebakaran tersebut.

Insiden ini telah menyebabkan bekalan gas kepada sektor tenaga

berkurangan khususnya bagi tahun 2011 dan kedudukan bekalan gas menjadi meruncing disebabkan oleh penutupan berjadual bagi beberapa kompleks gas utama untuk tujuan penyelenggaraan. Hal ini telah menyebabkan bekalan gas kepada sektor tenaga bagi tahun 2011 menyusut lebih rendah kepada kadar purata 924 mmscf/d sahaja.

Ekoran daripada pengurangan bekalan gas ini, beberapa langkah telah diambil untuk menjamin bekalan elektrik yang berterusan di Semenanjung Malaysia. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah menjana elektrik dengan menggunakan sumber bahan api alternatif seperti MFO (*Medium Fuel Oil*) dan juga diesel yang mana kos penghasilan elektrik menggunakan bahan api ini adalah 5 hingga 6 kali lebih tinggi berbanding penjanaan menggunakan gas asli pada harganya yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, sebanyak RM13.70/mmBtu untuk sektor penjanaan. Selain itu, usaha mengimport elektrik untuk jangka masa singkat daripada negara-negara jiran juga telah dilaksanakan bagi memenuhi permintaan elektrik di dalam negara. Pada masa yang sama, sumber-sumber lain yang sedia ada seperti hidro dan arang batu telah digunakan sepenuhnya bagi menampung kekurangan bekalan gas tersebut.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan gas untuk jangka masa

panjang, PETRONAS sedang membangunkan “*Re-Gasification Terminal*” (RGT) di Melaka bagi membolehkan pengimportan bekalan gas dari negara luar dilaksanakan. Usaha ini bertujuan untuk mengukuhkan bekalan gas kepada sektor tenaga di Semenanjung Malaysia. Terminal ini dijangka siap dan memulakan operasi pada penghujung tahun 2012. Untuk itu, Suruhanjaya Tenaga dan PETRONAS sedang memuktamadkan kod rangkaian gas untuk penggunaan sistem penghantaran gas di Semenanjung Malaysia, yang mana ini akan membuka ruang aktiviti pengimportan gas dari luar negara oleh pihak lain selain PETRONAS. Ia juga merupakan langkah awal ke arah mewujudkan pasaran bekalan gas yang kompetitif di negara ini.

Bagi jangka masa panjang, kajian campuran tenaga juga sedang dilaksanakan bagi mengkaji campuran tenaga yang optimum untuk negara khususnya bagi sektor tenaga. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sesuatu bahan api di samping mewujudkan tahap campuran bahan api yang lestari. Antara faktor yang diambil kira dalam penentuan campuran tenaga optimum ini termasuklah elemen akses, ketersediaan (*availability*), kepelbagaiannya sumber (*diversity*) serta kebolehterimaan (*acceptability*) berteraskan kepada 3 objektif utama dasar tenaga negara iaitu

memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap pada harga yang berpatutan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN⁸
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**
DARIPADA **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
 [PERMATANG PAUH]
RUJUKAN **4630**

SOALAN:

Dato⁵ Seri Anwar Bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan keyataan bekas Ketua Polis Daerah Slim River, Abdullah Omar yang dilaporkan mendakwa ramai warga asing Rohingya dibenarkan menjadi warganegara, diberikan kad pengenalan dan mengundi dalam pilihan raya di Kawasan Parlimen Pekan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing yang berkelayakan adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang seperti di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Berhubung dakwaan mengenai warga asing Rohingya yang dikeluarkan Kad Pengenalan pula, Kementerian memerlukan maklumat lanjut seperti nombor Kad Pengenalan dan nama penuh bagi membolehkan semakan dilakukan. Mengenai status warga asing Rohingya sebagai pengundi di Bahagian Pilihan Raya Parlimen Pekan bolehlah dirujuk kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia sebagai badan pengendali pendaftaran pemilih dan pilihan raya di

JAWAPAN

Malaysia.

No: 479

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN
ENDUT
KAWASAN : KUALA TERENGGANU**

NO. SOALAN : 485

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing dan domestik yang dibawa ke Terengganu pada tahun 2005-2011 dan apakah halangan-halangan yang dihadapi dalam usaha menarik pelabur ke Negeri Terengganu.

Cadangan jawapan:

Sepanjang tahun 2005-2011, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meiuluskan sejumlah 68 buah proiek perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM14.6 bilion bagi negeri Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.2 bilion (49%) adalah sumber pelaburan domestik dan RM7.4 bilion (51%) adalah pelaburan asing.

Industri utama yang menarik pelaburan ke Terengganu sepanjang tahun 2005-2011 adalah industri logam asas (RM9.8 bilion), industri petrokimia (RM2.1 bilion) dan industri kimia dan produk kimia (RM1.1 bilion).

Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh para pelabur yang ingin melabur di negeri Terengganu adalah

- Kekurangan pekerja mahir terutamanya dalam sektor minyak dan gas serta sektor elektrik dan elektronik;
- Pelabuhan Kemaman yang tidak dapat menampung keperluan harian yang meningkat;

Kawasan Perindustrian tidak mencukupi bagi menampung keperluan pelabur yang memerlukan keluasan tanah yang lebih luas; dan

Kekurangan kemudahan asas seperti jalan raya, iaian keretapi dan lebuhraya yang menyebabkan kos pengangkutan tinggi dan perhubungan menjadi terhad antara kawasan industri dan bandar

SOALAN NO.: 4^fo

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA YB. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

KAWASAN KUALA TERENGGANU

SOALAN:

YB. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilangan projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam tempoh

RMKe-9 (2006-2010) dan RMKe-10 dan nilai kos yang terlibat di seluruh Negeri Terengganu dan sila nyatakan:-

- (a) jumlah Dana Khas Terengganu yang diguna pakai; dan
- (b) senarai projek sakit dan bermasalah, serta senarai projek yang lewat siap dan terbengkalai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 kategori projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di Negeri Terengganu, iaitu projek di bawah peruntukan Rancangan Pembangunan 5 Tahun Kerajaan dan projek di bawah Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Dalam tempoh RMKe-9, terdapat sebanyak 12 projek yang dilaksanakan oleh JKR di Negeri Terengganu dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM769 juta. Manakala dalam RMKe-10 pula, bilangan projek yang dilaksanakan oleh JKR iaiah sebanyak 12 projek dengan peruntukan diluluskan iaiah sebanyak RM1.09 bilion.

Mulai bulan April 2008, peruntukan Dana Khas tidak lagi disalurkan melalui kementerian ini sebaliknya ia disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Oleh itu, sehingga kini terdapat 41 projek Dana Khas yang telah diluluskan di bawah Kementerian Kerja Raya dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan untuk projek-projek terlibat iaiah sebanyak RM3.86 bilion. Antara projek utama Dana Khas iaiah projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu (RM949 juta) dan Projek Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 (RM4.25 bilion, di mana RM1.8 bilion adalah dari Peruntukan Dana Khas).

JAWAFAN:

Setakat ini hampir keseluruhan projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR itu berjalan lancar dan mengikut jadual, kecuali terdapat 2 projek sahaja yang telah mengalami kelewatan iaitu Projek Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 dan Projek Meninggikan Aras Jalan Chukai ke Air

Putih, KM 11 - KM 14 Sungai Pinang, Kemaman. Walaupun begitu, kemajuan pelaksanaan projek-projek berkenaan sedang dipantau dengan teliti oleh JKR dengan penglibatan dan komitmen oleh pihak-pihak yang terlibat. Ini bagi memastikan kelancaran kerja-kerja di tapak dapat dipertingkatkan dan projek-projek tersebut mampu disiapkan dengan segera demi kepentingan orang ramai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT

[KUALA TERENGGANU]

RUJUKAN 4631

SOALAN:

**Tuan Mohd Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pekerja asing**

NO. SOALAN : 482

mengikut warganegara asal dan sektor bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 yang bekerja di negeri Terengganu.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu di atas soalan yang dikemukakan.

Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah seramai 2,062,596 orang bagi tahun 2008, 1,918,146 orang bagi tahun 2009, 1,817,871 orang bagi tahun 2010 dan 1,573,061 orang bagi tahun 2011.

Terdapat sebanyak 15 buah negara sumber yang membekalkan pekerja asing ke Malaysia. Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi bagi tahun 2011 adalah seperti berikut

1	Indonesia	785,236
2	Nepal	258,497
3	Myanmar	146,126
4	Bangladesh	116,663
5	India	87,399

Manakala pecahan mengikut sektor bagi tahun 2011 adalah seperti berikut

1. Pembantu Rumah	184,09
2. Pembinaan	223,68
3. Pembuatan	580,82
4. Perkhidmatan	132,91
5. Perladangan	299,21
6. Pertanian	152,32

Bagaimanapun, khusus untuk bilangan pekerja asing yang bekerja di negeri Terengganu sahaja, Kementerian tidak dapat memberikan data yang tepat kerana pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) boleh dilakukan di mana-mana Pejabat Imigresen Negeri dan tiada sekatan pekerja asing untuk bekerja di mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia sekiranya mempunyai PLKS yang sah.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
[KUALA TERENGGANU]

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan projek-projek yang terlibat dalam pembinaan baru, baik pulih dan naik taraf bangunan-bangunan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di seluruh Negeri Terengganu pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan projek-projek yang terlibat dalam pembinaan baru, baik pulih dan naik taraf bangunan-bangunan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Terengganu semenjak tahun 2006 hingga 2011 adalah sebanyak RM 8,457,718.36 untuk 119 projek di 14 SABK.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
[KUALA TERENGGANU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menambah bilangan Sekolah Menengah Agama (SMKA) yang baru di Negeri Terengganu dalam RMKe-9 dan RMKe-10 sebagai penyelesaian kepada masalah kekurangan Sekolah Menengah Agama (SMKA) yang amat ketara di negeri ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini terdapat lima (5) kategori sekolah agama yang beroperasi dalam negara, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA); Sekolah Agama Bantuan

Kerajaan (SABK); Sekolah Agama Negeri (SAN); Sekolah Agama Rakyat (SAR); dan Sekolah Agama Swasta (SAS); Daripada kategori tersebut Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai bidang kuasa pembangunan kepada hanya SMKA dan SABK. Untuk makluman, KPM sentiasa berhasrat untuk menambah lagi bilangan SMKA baru dalam RMKe-10 di mana setakat ini yang telah diluluskan adalah SMKA Pagoh, SMKA Jerlun dan SMKA Kuala Lipis. Manakala di negeri Terengganu, cadangan SMKA baru adalah SMKA Setiu.

NO SOALAN : 484

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA YB DATO' SERI MOHAMMAD
NIZAR BIN JAMALUDDIN
(BUKIT GANTANG)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah sikap dan pendirian Kementerian Pertahanan terhadap keputusan Kerajaan negeri Perak memberi kelulusan kepada syarikat dari negara Brazil membangunkan industri palet besi di Teluk Rubiah, kerana ada pandangan ianya mengundang kesan negatif terhadap keselamatan negara disebabkan lokasi industri ini berhampiran dengan pengkalan TLDM , Lumut.

Tiada sekatan terhadap hak pemilikan tanah oleh individu, persatuan, pertubuhan, syarikat atau firma yang diluluskan untuk dibina atau dibangunkan bersebelahan atau di sekeliling premis berprofil tinggi atau sasaran penting seperti kem-kem tentera. Walau bagaimanapun pembangunan di tanah berkenaan mestilah sekurang-kurangnya 500 meter dari pagar keselamatan instalasi sasaran penting. Mana-mana pembangunan yang rapat bersebelahan sempadan atau bangunan tinggi yang boleh dikaitkan dengan unsur-unsur espionaj dan sabotaj, akan di rujuk kepada Bahagian Keselamatan Negeri berasaskan kepada Akta/Pekeliling seperti berikut:

- a. **Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta**

JAWAPAN:

298).

**b. Arahan Keselamatan Jawatan Kuasa Pusat Sasaran
Penting Bilangan 1 Tahun 2008.**

c. Arahan Tetap Sasaran Penting bertarikh 13 Okt 1993.

Tidak ada kompromi dari aspek keselamatan. Justeru Kementerian Pertahanan sentiasa peka dengan sebarang aktiviti atau pergerakan yang mencurigakan dan boleh mendatangkan ancaman terhadap aspek keselamatan Negara.

NO SOALAN : 485

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA YB DATO' SERI MOHAMMAD
NIZAR BIN JAMALUDDIN
(BUKIT GANTANG)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sewaktu lawatan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang ke dalam Kapal Selam tempoh hari ianya turut disertai oleh blogger PAPA GOMO. Apakah rasional dan keistimewaan blogger ini ikut serta dan boleh merakamkan gambar-gambar yang telah disiarkan dalam blognya. Di manakah tahap pengawasan keselamatan kita.

JAWAPAN:

Dalam zaman global serta penyebaran maklumat melalui media konvensional mahupun media baru, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut menyalurkan maklumat kepada rakyat terutama yang membabitkan aktiviti-aktiviti besar seperti Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA) dan Pameran *Defence and Services Asia* (DSA).

Penyebaran maklumat ini penting agar rakyat dapat mengetahui dengan lebih cepat tentang apa yang berlaku dalam ATM. Semasa Pameran LIMA 2011 yang lalu, Kementerian Pertahanan telah memberi peluang kepada pihak media iaitu TV3, BERNAMA dan seorang blogger turut serta belayar bersama Ketua Menteri Pulau Pinang bagi melaporkan perkara yang benar mengenai kapal selam KD Tun Razak bagi menangkis fitnah pihak pembangkang. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan tidak berkompromi dengan soal-soal berkaitan keselamatan dan keamanan negara.

Kementerian Pertahanan sentiasa membawa bersama pihak media dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti lawatan ke pasukan pengaman di Lubnan, Mindanao, Filipina dan operasi pasir di perairan Sabah dengan tujuan untuk memberi gambaran sebenar apa yang berlaku di kawasan operasi lawatan atau kegiatan yang membabitkan ATM.

Media yang menyertai setiap misi lawatan dan kegiatan ATM adalah atas jemputan bagi memenuhi keperluan Kementerian

BUKIT GANTANG - DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR (PAPA GOMO) 2

dengan kebenaran dan kerjasama Panglima-Panglima Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. Justeru itu, rombongan Ketua Menteri Pulau Pinang dan Timbalan Ketua Menteri menaiki kapal selam yang disertai media di Pameran LIMA adalah selepas kelulusan pihak Kementerian Pertahanan.

MESUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB DATO' SERI MOHAMMAD
NIZAR BIN JAMALUDDIN
(BUKIT GANTANG)**

TARIKH

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
menyatakan berapakah kos keseluruhan yang ditanggung oleh FELCRA Berhad serta lain-lain agensi kerajaan negeri dan Persekutuan bagi menjayakan lawatan YAB Perdana Menteri sewaktu lawatan ke Changkat Lada di Seberang Perak pada 18 Februari 2012. Senarai kontraktor dan semua pembekal serta pecahan kos setiap pembekal dan kontraktor yang terlibat secara langsung dalam penyediaan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak **RM4 juta** telah dibelanjakan oleh FELCRA Berhad untuk menganjurkan Perhimpunan Rakyat Bersama YAB Perdana Menteri pada 18 Februari 2012 (Sabtu), bertempat di Projek FELCRA Berhad Seberang Perak, Perak yang telah dihadiri oleh lebih daripada 60 ribu orang rakyat tempatan dan warga FELCRA Berhad.

Tujuan program ini diadakan adalah khusus bagi meraikan kejayaan FELCRA Berhad yang buat pertama kali telah berjaya menjana keuntungan lebih RM1 billion. Sumber perbelanjaan adalah daripada **wang perolehan syarikat** yang diperolehi melalui aktiviti perladangan dan perniagaan FELCRA Berhad. Perbelanjaan tersebut **tiada langsung menggunakan wang peserta FELCRA Berhad.**

Senarai kontraktor dan pembekal yang terlibat secara langsung dalam program ini serta pecahan kosnya adalah seperti di **Lampiran A.**

LAM PI RANA

BIL	KONTRAKTOR / PEMBEKAL	NILAI (RM)
A	SENARAI KONTRAKTOR DAN PEMBEKAL UNTUK JAMUAN RAKYAT	
1	H. SaadiahbintiMohdKohor	11,700.00
2	Megat Yunus bin MegatMansor	16,200.00
3	Azizah Hamzan	7,200.00
4	Noridah bt Ahmad	12,000.00
5	Mashhurumi bt MdGhazali - Al Wasi Tijarah	12,000.00
6	Maillani Enterprise	12,000.00
7	Alunan Sutera Enterprise	12,000.00
8	Nooreamy Catering Sdn. Bhd.	12,000.00
9	Zulkifli bt Abdul Latif	12,000.00
10	Hanita bt Hj Abdul Rahman	12,000.00
11	Fauziah bt Miran	12,000.00
12	RFN Enterprise	12,000.00
13	Mohd Rodzi bin Bakar	12,000.00
14	Esah bt ZainunAbidin	12,000.00
15	Mare Maju Enterprise	12,000.00
16	Nauffalan Enterprise	12,000.00
17	Alur Jadi Enterprise	12,000.00
18	Hasnah bt Md. Razali	12,000.00
19	Hamaidi bt Ismail 3	12,000.00
">	"7 ^ i n ^ 1 Kir* M \C^lldh _ TU'C r^fnrinn	1 o nnn nn

	21	Md. Isa Catering	12,000.00
	22	Tegas Delima Enterprise	12,000.00
	23	Maizatul Syima bt Abdul Rahman	12,000.00
	24	Roshayati bt Abdul Rahman - Qaseh Catering	12,000.00
	25	Mak City Enterprise	12,000.00
	26	Elinor Enterprise	12,720.00
	27	Saodah bt HjDahalan	12,000.00
	28	Ahmad Khusaini bin Mohamed Hashim	12,000.00
	29	Noraini bt Din - Neizam Enterprise	12,000.00
	30	Rohaya bt Abdul Halim	12,000.00
	31	Abdul Halim bin Abdul Majid - EE NOR Enterprise	12,000.00
	32	Roslina bt Mohd Ali	12,000.00
	33	Perniagaan Zulaikha Irsyad	12,000.00
	34	Hans Kulaan Enterprise	12,000.00
	35	Melati Catering	12,000.00
	36	RokiahbtMuri	12,000.00
	37	Musharifatun bt Mohamad Kadis	12,000.00
	38	Megat Yunus bin MegatMansor	12,480.00
	39	Azizah bt Hamzan	12,480.00
	40	Helmee Resources	12,000.00
	41	Zalika bt Hanafi	12,000.00

	42	Koperasi Pembangunan Baraqah Kinta Berhad	12,000.00
	43	Rohaini bt Sulaiman	12,000.00
	44	Khairiah bt Abdul Manan	12,000.00
	45	FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd.	36,000.00
	46	FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd.	158,000.00
	47	Nauffalan Enterprise	70,000.00
JUMLAH (JAMUAN)			792,780.00

SOALAN NO: 85

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

:BERTULIS

DARIPADA

:DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR B.JAMALUDDIN (BUKIT

SOALAN

GANTANG)

:Dato' Seri Mohammad Nizar b. Jamaluddin minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI apakah rasionalnya beliau mencadangkan agar sejumlah RM250 juta projek NFC yang dianugerahkan kepada firma kepunyaan suami Ketua Wanita UMNO namun bermasalah kini, dipulangkan semula kepada Kerajaan bagi menyelesaikan kemelut ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dakwaan yang telah dicajkan dan akan dibicarakan di Mahkamah, ulasan lanjut berkaitan perkara ini tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan prejedis kepada pihak berkuasa serta pihak yang dituduh di samping menjelaskan perbicaraan (sub judice) akan datang.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN P.KAMALANATHAN A/L
P.PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN P. KAM ALAN ATH AN A/L P.PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk menyenaraikan senarai nama ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mewakili kaum India dalam syarikat-syarikat 'Government Linked Corporation' GLC setakat ini.

DRAF JAWAPAN

Setakat 31 Disember 2011, terdapat 5 orang Ahli Lembaga Pengarah berketurunan India yang dilantik di kalangan 18 buah GLC terbesar yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC (Program GLCT).

2. Untuk makluman, pelantikan seseorang sebagai Ahli Lembaga Pengarah GLC adalah untuk memelihara kepentingan pemegang saham yang diwakilinya atau melaksanakan fungsi pemantauan yang lebih bererti dan bebas, bergantung kepada status masing-masing (sama ada sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bukan Bebas atau Bebas) dan bukannya dilantik untuk mewakili sesebuah kaum.
3. Di samping itu, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah GLC juga adalah

berdasarkan kepada kelayakan dan pengaiaman masing-masing yang dijangka akan dapat dimanfaatkan oleh GLC berkenaan. Senarai Ahli Lembaga Pengarah berketurunan India di dalam 18 GLC tersebut adalah seperti berikut:

- i) Tan Sri Anthony Francis Fernandes
Malaysian Airline System Bhd
- ii) Dato'Danapalan TP
Vinggrasalam Telekom Malaysia Bhd
- iii) Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy
Tenaga Nasional Bhd
- iv) **Datuk Karownakaran @ Karunakaran A/L Ramasamy**
Chemical Company of Malaysia Bhd
- v) Dato¹ Sreesanthan Eliathamby
Malayan Banking Bhd
Sime Darby Bhd

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN KAMALANATHAN A/I

SOALAN NO.J&T'

PANCHANATHAN (HULU SELANGOR)

TAR1KH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

**YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (Hulu Selangor) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

menyatakan jumlah penerimaan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat berdasarkan seperti berikut

- (a) berdasarkan setiap kawasan Parlimen dan berdasarkan kaum di setiap kawasan Parlimen; dan
 - b) berdasarkan jenis bantuan yang diberi dan peningkatan penerima daripada tahun 2008 sehingga sekarang.

(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

memberikan perkhidmatan dan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup.

Setiap tahun sejumlah peruntukan dibelanjakan bagi membantu golongan sasar yang berkeperluan. Antara bantuan kewangan yang diberikan ialah:

- i. Bantuan Kanak-Kanak;
- ii. Bantuan Anak Pelihara;
- iii. Bantuan Orang Tua;
- iv. Bantuan Am;
- v. Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar;
- vi. Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja;
- vii. Bantuan Alat Tiruan; dan
- viii. Elaun Pekerja Cacat

Jumlah penerima bantuan JKM bagi kawasan Parlimen Hulu Selangor

SOALAN NO. 490

pada tahun 2011 adalah seramai 5,130 orang. Pecahan penerima mengikut kaum adalah seperti berikut:

KAUM	JUMLAH PENERIMA BANTUAN
Melayu	2,326
Cina	1,449
India	1,223
Peribumi Semenanjung	132
JUMLAH KESELURUHAN	5,130

- (b) Bagi bantuan kebajikan untuk seluruh negara, JKM telah menyalurkan sejumlah RM317 juta bagi membantu seramai 221,602 orang penerima pada tahun 2008 dan sejumlah RM759 juta bagi membantu seramai 435,889 orang penerima pada tahun 2009. Peningkatan peruntukan ketara pada tahun 2010 apabila sejumlah RM1.19 bilion diperuntukkan bagi membantu seramai 424,526 orang penerima bantuan. Manakala pada tahun 2011 sebanyak RM1.353 bilion disalurkan kepada seramai 473,928 orang penerima bantuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
 [HULU SELANGOR]
SOALAN

Tuan Kamalanathan A/L Panchanathan [Hulu Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada rumah-rumah ibadat agama Hindu sejak tahun 2000 sehingga kini dan berapakah peruntukan yang telah/akan diagihkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu rumah-rumah ibadat agama Hindu dalam RMKe-10 .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2000 hingga April 2012 sejumlah RM37.75 juta telah diperuntukan bagi menaiktaraf/membina 1,579 buah kuil di seluruh negara. Jumlah peruntukan dan bilangan rumah ibadat yang telah dibina mengikut tahun adalah seperti berikut:

SOALAN NO. 490

TAHUN	KUIL	
	BIL PROJEK	PERUNTUKAN(RM)
2000	72	1,319,130.00
2001	69	1,355,000.00
2002	72	1,254,500.00
2003	7	64,000.00
2004	54	1,018,000.00
2005	65	1,096,500.00
2006	60	858,000.00
2007	19	530,000.00
2008	106	1,857,000.00
2009	83	2,301,000.00
2010	388	6,835,000.00
2011	246	6,354,500.00
2012	338	12,907,300.00
JUMLAH	1,579	37,749,930.00

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan maklumat terperinci projek-projek menaiktaraf, pembinaan bangunan tambahan, infrastruktur serta pembinaan sekolah-sekolah di Daerah Hulu Selangor dalam RMKe-10.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Usaha bagi memantapkan infrastruktur sekolah adalah agenda berterusan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Bagi meningkatkan infrastruktur sekolah di daerah Hulu Selangor, KPM telah merancang untuk melaksanakan 14 projek yang melibatkan bangunan baru, tambahan dan ubahsuai naik taraf dengan peruntukan sebanyak RM34.25 juta dalam tempoh RMKe-10 (2011 -2015).

SOALAN NO: *498* *492*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS DARIPADA: Y.B.

TUANKAMALANATHAN A/L

PANCHANATHAN

SOALAN:

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini dan secara terperinci pencapaian Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India (SITF) sejak ia ditubuhkan.

PR-1251-T48281

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Y.B Hulu Selangor, status terkini pencapaian Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India (SITF) sejak ia ditubuhkan adalah seperti berikut:

a. Program Mesra Rakyat / Pemimpin Bersama Rakyat

- i. Sejumlah 9400 orang telah menghadiri Program ini di 6 kawasan:

<u>Tarikh</u>	<u>Tempat</u>
• 15.8.2010	- Ijok, Selangor
• 25.9.2010	- Lunas, Kedah
• 3.10.2010	- Sepang, Selangor
• 16.10.2010	- Perai, P.Pinang
• 23.10.2010	- Segamat, Johor
• 30.10.2010	- Sg. Siput, Perak

ii. 11 agensi telah menyertai Program Mesra Rakyat / Pemimpin Bersama Rakyat:

- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Jabatan Pendaftaran Negara
- PERKESO / SOSCO,
- Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
- Biro Pengaduan Awam
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
- Institut Latihan Perindustrian (ILP)
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
- TEKUN Nasional
- Kolej Komuniti
- Polis DiRaja Malaysia

iii. 4943 orang telah mendaftar untuk mendapatkan perkhidmatan dari agensi-agensi yang disediakan. Secara keseluruhan sebanyak 3877 kes (78.4%) telah berjaya di selesaikan sehingga Julai 2011.

b. Bengkel Pembangunan Sosial Dan Kaunseling

i. Bengkel ini diadakan dari 7-9 Disember 2010 di Institut Sosial Malaysia, Sungai Besi, Kuala Lumpur. Seramai 100 peserta dari pelbagai agensi dan pemimpin tempatan telah menghadiri Bengkel ini. Tujuan Bengkel ini adalah untuk membentuk satu mekanisma kerjasama erat diantara; Agensi- agensi Kerajaan, Pemimpin Tempatan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan dan cemerlang kepada masyarakat.

c. Hari Bersama Masyarakat

- i. Pada 16 Januari 2011 telah diadakan di SJK (T) Karak, Pahang sempena Perayaan Ponggal. Seramai 3000 penduduk tempatan telah hadir ke majlis ini.
- ii. Pada 2 Mei 2011 diadakan di SJK (T) Puchong Batu 14, Selangor. Seramai 2500 penduduk setempat telah hadir.

d. Kempen MyDAFTAR

i. Kempen Mydaftar adalah satu kempen yang telah dijalankan selama 8 hari bermula 19 Februari 2011 sehingga 26 Februari 2011. Sebanyak 14,882 orang telah menyertai Kempen ini. Daripada ini, seramai 9568 telah mengemukakan borang permohonan mereka kepada Jabatan Pendaftaran Negara. Lapan Puluh Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor telah membuka kaunter khas untuk menerima kes-kes ini.

ii. Satu Majlis Penyerahan Dokumen Pengenalan Diri telah diadakan pada 29 Julai 2011 bertempat di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC). Sehingga Julai 2011 sebanyak 2000 kes telah berjaya di selesaikan.

e. Karnival Latihan Kemahiran - MYSKILLS

i. Karnival ini merupakan suatu usaha untuk membantu membimbing serta menempatkan remaja dan belia-belia India untuk mengikuti program latihan kemahiran dibawah tajaan kerajaan.

ii. Karnival MySkills ini berhasrat untuk menempatkan pelajar India di Institusi-Institusi latihan kemahiran kerajaan. Ini secara tidak langsung dapat menghindar remaja dan belia India dari terjerumus dalam kegiatan masalah sosial disamping itu dapat meningkatkan taraf kehidupan keluarga mereka.

iii. Karnival MySkills 2011 telah dianjurkan di lapan buah negeri:

25.6.2011- Melaka

3.7.2011- WPKL

9.7.2011 - Seremban

15.7.2011- Ipoh

16.7.2011- Bentong, Pahang

23.7.2011- Johor Bahru

27.7.2011- Sungai Petani

6.8.2011 - Pulau Pinang

iv. Seramai 16,700 orang telah mengunjungi Karnival ini. Mereka

terdiri dari pelajar-pelajar, remaja, belia dan para ibubapa. Seramai 2590 belia India telah mendaftar untuk mengikuti kursus kemahiran. Daripada ini seramai 2265 telah ditawarkan tempat setakat ini. Dan 239 telah melapor diri setakat ini dan baki akan mendaftar mengikut sesi yang ditawarkan.

No	Institut	Bilangan Tempat	Daftar	Tawar	Lapor	Sesi
1	Institusi Latihan Perindustrian (ILP)	1,438	400	*361	196	Julai 2011 Jan 2012
2.	Institusi Kemahiran Belia & Negara (IKBN)	160	80	80	*18	Julai 2011 Jan 2012
3.	Construction Industrial Development Board (CIDB)	1000	120	120	*20	Okt 2011 Nov 2011 Dis 2011 Jan 2012
4.	National Agricultural Training Council (NATC)	35	200	*4	2	Julai 2011 Nov 2011 Jan 2012
5.	Skim Perantisan (PSMB)	200	380	*360	*TBC	Oct 2011
6.	Skim Latihan Dual Nasional (SLDN)	300	1010	*431	*TBC	Sept 2011 Jan 2012
7.	Kolej Komuniti	3500	400	*330	*3	Okt 2011 Jan 2012
	JUMLAH	6,633	2,590	1,686	239	

*Nota. Kesemua angka di terakluk pada perubahan; (i) babkan sesi kemasukan yang berbeza (ii) institusi baru memaklumkan tawaran pada pelajar (iii) tindakan susulan oleh pihak institusi yang memakan masa (iv) pelajar tidak dapat dihubungi

f. My Career Fair 2012

- i. Karnival ini merupakan suatu usaha untuk membantu masyarakat India untuk mendapatkan pekerjaan yang setimpal

dengan kelayakan mereka. My Career fair ini berhasrat untuk menyatukan bakat dengan peluang bagi masyarakat India di kementerian - kementerian persekutuan, syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta. Dengan usaha ini, secara tidak langsung dapat menghindar remaja dan belia India dari terjerumus dalam kegiatan masalah sosial disamping itu dapat meningkatkan taraf kehidupan keluarga mereka sepetimana matlamat My Skills.

ii. My Career Fair 2012 telah dianjurkan di empat buah negeri:

- 11.2.2012- WPKL, Universiti Malaya
- 19.2.2012- Johor Bahru, Dewan Serbaguna Skudai
- 25.2.2012- Selangor - Universiti Putra Malaysia
- 4.3.2012 - Ipoh, Dataran ACS

iii. Lebih daripada 10,000 orang telah mengunjungi My Career fair ini. Mereka terdiri dari pelajar-pelajar lepasan PMR, STPM, Diploma, Ijazah, Sarjana Muda, para ibubapa dan juga mereka yang sedang bekerja dengan harapan mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan gaji yang lebih lumayan. Seramai 5000 masyarakat India telah membuat permohonan pekerjaan di kementerian dan syarikat yang telah membuka kaunter di My Career Fair 2012 ini.

iv. Jumlah orang yang telah ditawarkan pekerjaan belum dapat ditentukan kerana My Career Fair baru tamat pada 4

Mac 2012 di Ipoh. Pasukan SITF akan membuat perjumpaan dengan semua kementerian dan syarikat yang telah menyertai My Career Fair ini untuk mendapatkan data pengambilan. Antara Kementerian dan Syarikat yang telah menyertai My Career Fair 2012 ini adalah:

Kementerian Sumber Manusia
Kementerian Belia dan Sukan
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Kementerian Kerja Raya
Polis Diraja Malaysia
Angkatan Tentera Malaysia
Axiata Group Bhd
BIMB Holdings Bhd
Chemical Company of Malaysia
Malaysia Airports Holdings Berhad
Malayan Banking Bhd
Malaysian Building Society Bhd
Malaysian Resources Corporation Bhd
Proton Holdings
Sime Darby Bhd
Tenaga Nasional Bhd
TH Plantations
Telekom Malaysia Bhd
UEM Group Bhd
UMW Holdings Bhd
Khazanah Nasional Bhd
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Astro
Digi Telecommunications IBM Malaysia

- Sapura Holdings
- Panasonic Malaysia
- Gamuda
- Beberapa Syarikat tempatan dari Johor dan Perak

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN FERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA YB. TUAN WONG HO LENG

KAWASAN SIBU

SOALAN:

**YB. TUAN WONG HO LENG (SIBU) minta MENTERI KERJA
RAYA menyatakan:**

- (a) bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih jambatan Rejang di Upper Lanang, Sibu, dan menghapuskan pengutipan tol; dan
- (b) jumlah kos pembinaan Jambatan Durin dan bilakah jambatan yang separuh lagi akan dibina.
- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Jambatan Batang Rajang Hulu Lanang, Sarawak merupakan projek Kerajaan Negeri Sarawak yang telah dibina menerusi kaedah konsesi penswastaan.

Jambatan sepanjang 1.2 kilometer itu telah siap dibina dan dibuka pada 11 April 2006. Menerusi perjanjian konsesi yang telah dimeterai dengan

JAWAPAN:

Kerajaan Negeri, syarikat konsesi berkenaan dibenarkan untuk mengutip tol di jambatan tersebut untuk tempoh selama 30 tahun. Memandangkan jalan dan jambatan berkenaan tidak diwartakan sebagai jalan Persekutuan, maka cadangan pengambilalihan jambatan tersebut tidak akan dapat dilaksanakan kecuali setelah menerima persetujuan Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya pada masa kini sedang berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk mewartakan jalan dan jambatan tersebut kepada Jalan Persekutuan. Oleh itu, cadangan pengambilalihan Jambatan Batang Rajang Hulu Lanang oleh Kerajaan Persekutuan akan dimulakan sebaik sahaja proses pewartaan diselesaikan terlebih dahulu.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan Batang Rajang pula atau lebih dikenali sebagai jambatan Durin telah siap dibina dan dibuka kepada lalu-lintas bulan Oktober 2006. Nilai kos projek pembinaan jambatan tersebut ialah sebanyak RM115 juta. Mengenai cadangan pembinaan jambatan kedua Durin, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian kemungkinan untuk menaik taraf jambatan tersebut kepada dua lorong dua hala sedia ada kepada empat lorong dua hala. Anggaran kos yang terlibat ialah sebanyak RM95 juta, tidak termasuk kos pengambilan balik tanah. Sehubungan itu, kementerian ini akan memohon dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

JAWAPAN **YB DATO'SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI PEMERINTAH PERDANA MENTERI
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA **Y.B WONG HONG LENG**
[SIBU]

SOALAN

TUAN WONG HONG LENG [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes NCR yang tertunggak di Mahkamah Tinggi Sarawak, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Sila nyatakan cara-cara untuk mempercepatkan pelupusan kes-kes tersebut.
Tuan Yang di-Pertua,

Sekian, terima kasih.

Setakat 29 Februari 2012, jumlah kes Native Customary Rights yang masih tertunggak di Mahkamah Tinggi Sarawak adalah sebanyak 70 kes, sementara di Mahkamah Rayuan adalah sebanyak 17 kes dan Mahkamah Persekutuan sebanyak 2 kes.

Dalam usaha untuk mempercepatkan pelupusan kes-kes tersebut, Mahkamah Tinggi Sarawak akan memberikan tarikh perbicaraan penuh yang lebih awal kepada pihak-pihak. Mahkamah juga sentiasa memberikan keutamaan kepada kes-kes berkaitan Native Customary Rights memandangkan ia melibatkan isu yang berkait rapat dengan hak dan kepentingan masyarakat peribumi di Sarawak.

4%-

JAWAPAN YB DATO'SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

NO. SOALAN:

.49* PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B WONG HONG LENG
 [SIBU]

SOALAN

TUAN WONG HONG LENG [SIBU] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes NCR yang tertunggak di Mahkamah Tinggi Sarawak, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Sila nyatakan cara-cara untuk mempercepatkan pelupusan kes-kes tersebut.
Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 29 Februari 2012, jumlah kes Native Customary Rights yang masih

Sekian, terima kasih.

tertuggak di Mahkamah Tinggi Sarawak adalah sebanyak 70 kes, sementara di Mahkamah Rayuan adalah sebanyak 17 kes dan Mahkamah Persekutuan sebanyak 2 kes.

Dalam usaha untuk mempercepatkan pelupusan kes-kes tersebut, Mahkamah Tinggi Sarawak akan memberikan tarikh perbicaraan penuh yang lebih awal kepada pihak-pihak. Mahkamah juga sentiasa memberikan keutamaan kepada kes-kes berkaitan Native Customary Rights memandangkan ia melibatkan isu yang berkait rapat dengan hak dan kepentingan masyarakat peribumi di Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG [SIBU]

SOALAN

NO. SOALAN : 496

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) sama ada Malaysia masih lagi menuju sasaran “Wawasan 2020” untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri maju dan rakyat berpendapatan tinggi; dan
- (b) bagaimana Sarawak dan Sabah diberi jaminan supaya tidak terpinggir semasa bergerak menuju ke arah “Wawasan 2020”.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah berganjak dari matlamat negara malah sentiasa komited untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Dengan erti kata lain, Wawasan 2020 tetap menjadi sasaran negara selaras dengan pelbagai usaha yang dirancang dan dilaksanakan bagi mentransformasi negara ke arah mencapai matlamat tersebut demi kesejahteraan rakyat dan negara. Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh merupakan dasar utama Kerajaan yang berfokus kepada peningkatan produktiviti, pembangunan modal insan, kreativiti dan inovasi. Dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan anggaran pendapatan per kapita negara kira-kira AS\$15,000 menjelang tahun 2020 dan dilengkapi pula dengan

kemudahan prasarana yang serba moden, akan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia ke tahap yang lebih baik setara dengan negara maju yang lain.

Tuan Yang Di Pertua,

- (b) Dalam usaha menuju matlamat yang termaktub dalam Wawasan 2020, iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, Kerajaan tidak sesekali meminggirkan mana-mana pihak. Bak kata pepatah “hati nyamuk sama dicecah, hati gajah sama dilapah”, “gunung sama kita daki dan lembah sama kita turuni”. Justeru, bagi memastikan pembangunan dan kemakmuran negara dinikmati oleh semua rakyat diseluruh negara, pelbagai dasar mahupun program telah diperkenal dan dilaksanakan. Antaranya, Gagasan 1 Malaysia: Rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan bagi menyatupadukan semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, stabil dan maju dalam segenap bidang.

Selain dari itu, Model Baru Ekonomi yang bermatlamatkan ekonomi berpendapatan tinggi yang mampan dan inklusif menjelang 2020 menekankan pembangunan yang holistik. Melalui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang terkandung dalam Program Transformasi Ekonomi, setiap negeri mempunyai peluang untuk sama-sama membangun ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020. Penubuhan koridor pembangunan ekonomi, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Di

Perbaharui Sarawak merupakan antara inisiatif utama bagi membangunkan sosioekonomi di kedua-dua negeri tersebut seterusnya mengurangkan jurang pembangunan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan yang seimbang dan mampan sentiasa menjadi matlamat utama Kerajaan. Pelbagai program pembangunan dirancang dan dilaksanakan yang memfokuskan pembangunan di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mensasarkan golongan berpendapatan 40% terendah. Begitu juga dari aspek penyediaan infrastruktur asas seperti pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan lain-lain kemudahan awam, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada golongan ini yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Justeru, Wawasan 2020 adalah wawasan yang perlu dicapai dan dinikmati oleh seluruh pelusuk negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA YB TUAN WONG HO LENG [SIBU]
SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- a) langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan tempoh menunggu yang lama untuk menerima pembedahan di hospital-hospital Kerajaan di Sarawak; dan

SOALAN NO: 496->

- b) bilangan pakar (*specialists*) dan pakar bedah (*surgeons*) di hospital-hospital Kerajaan di Sarawak dan sama ada jumlah tersebut memuaskan di bawah standard WHO.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa prihatin terhadap keperluan kesihatan dan kehendak rakyat khasnya berkaitan keperluan pembedahan. Bagi mengurangkan masa menunggu pembedahan yang lama di hospital-hospital Kerajaan di Sarawak, langkah-langkah berikut telah diambil sebagai contoh perkhidmatan rangkaian hospital, di mana pakar-pakar dari Hospital Umum Sarawak, Sibu, Miri dan Bintulu mengikut jadual dan berkala melakukan lawatan ke hospital-hospital Kerajaan tanpa pakar sekali atau 2 kali sebulan bagi memeriksa pesakit

/

di wad dan klinik pakar, melakukan pembedahan dan mengadakan rawatan susulan. Melalui perkhidmatan ini, pesakit-pesakit dapat di bedah di hospital-hospital yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Langkah tambahan yang diambil adalah dengan melalui penganjuran karnival kesihatan seperti yang dilakukan pada 2011 di Hospital Sarikei, di mana seramai 289 pesakit telah menjalani pembedahan. Sebagai salah satu faedah atau hasil dari karnival ini, masa menunggu pembedahan bagi *Arterial-venous Fistula* (AVF) bagi pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis telah dapat disingkatkan dari 2-3 tahun kepada 2 minggu sahaja. Manakala, pesakit-pesakit yang memerlukan *cholecystectomy* dan *thyroidectomy* pada kebiasaananya terpaksa menunggu 6 bulan untuk dibedah. Manakala, pesakit-pesakit katarak pula menunggu sekurang-kurangnya 8 bulan.

Penganjuran karnival kesihatan ini terbukti telah memendekkan masa menunggu pembedahan dan oleh itu semua pihak Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital Kerajaan masing-masing telah diarahkan mulai tahun 2012 untuk meneruskan usaha seumpama ini setiap tahun demi kepentingan rakyat dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan memang sedar dan prihatin tentang perlunya doktor pakar ditempatkan di semua hospital di seluruh negara bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati perkhidmatan kepakaran di tempat masing-masing termasuklah di Negeri Sarawak. Buat masa kini, terdapat 237 pakar pelbagai disiplin yang ditempatkan di 8 buah hospital pakar di

Negeri Sarawak. Dari jumlah ini, 21 orang adalah dari kalangan pakar bedah. Jumlah tersebut belum mencukupi standard yang ditetapkan.

Pelbagai usaha telah dibuat oleh Kerajaan untuk menambah bilangan pakar yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat supaya nisbah pakar kepada penduduk dapat dikurangkan.

Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan Pegawai Perubatan dan pakar warganegara asing secara kontrak;
- ii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan dan doktor pakar KKM yang telah bersara secara kontrak; dan
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara *sessional*.

Bagi menambahkan lagi bilangan doktor pakar, KKM telah menambah slot tajaan bagi program Sarjana Perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009 bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti Program Sarjana. Manakala mulai sesi 2011/2012 slot biasiswa tersebut telah ditambah kepada 800.

Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

**: Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN

: BERTULIS

NO SOALAN :X

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat membenarkan pengurup wang (persendirian) beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai salah satu pintu masuk utama negara, adalah penting untuk memastikan perkhidmatan di lapangan terbang menampilkan imej yang professional dan berada di tahap yang tinggi. Pada masa kini, perkhidmatan pengurusan wang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah mencukupi di mana terdapat 11 biro penukaran wang yang dikendalikan oleh bank-bank komersil (*bureau de change*). Walau bagaimanapun, sebagai usaha di bawah rangka kerja pengawalseliaan yang baharu untuk memodenkan dan meningkatkan tahap profesionalisme serta pematuhan industri terhadap keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan, dasar untuk membenarkan pengurup wang persendirian beroperasi di KLIA akan dikaji semula. Kajian semula ini akan mengambil kira keadaan permintaan terhadap perkhidmatan tersebut serta keupayaan peserta pasaran dalam memenuhi kriteria operasi minimum bagi memastikan kualiti dan imej perkhidmatan adalah sentiasa terjamin.

DJIfIPAO^s Y.B, **DATO¹ SERI ZAHRAIN MOHJIMiP HASHIM**
(BAYAN BARU)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMEO HASHIM [BAYAM BARU] minta MENTEiti KEWANGAM menyatakan adakah Kerajaan mempunyai kaedah-kaedah lebih tepat di dalam pemberian subsidi supaya hanya golongan yang disasarkan iaitu golongan pendapatan rendah dan sederhana sahaja yang memikmatinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM33.Q3 bilion bags membiayai subsidi, insentif dan bantuan kepada rakyat bagi tahun 2012. Pecahan peruntukan bagi subsidi adalah berjumlah RM22.52 bilion, insentif berjumlah RM853.5 juta dan bantuan berjumlah RM9.82 billion.

2. Secara umumnya, sebahagian daripada subsidi, insentif dan bantuan ini diberikan secara langsung sama ada dalam bentuk wang atau secara *in kind* (seperti dalam bentuk barang). Manakala sebahagian lagi diberikan secara tidak langsung kepada penerima yang menikmati manfaat dalam bentuk harga/kadar yang lebih rendah daripada harga/kadar di pasaran.
3. Terdapat golongan yang menikmati dan menerima manfaat daripada subsidi yang dikhususkan untuk golongan tertentu seperti pengusaha pertanian dan perikanan yang menikmati subsidi harga padi, subsidi baja padi, insentif nelayan/tangkapan ikan dan sebagainya. Pada masa yang sama, terdapat juga subsidi yang tidak dikhususkan kepada golongan tertentu dan boleh dinikmati oleh semua golongan rakyat seperti subsidi bahan api (gas cecair/LPG, diesel! dan petrol), minyak masak dan gula.
4. Kerajaan sedar faahawa matlamat pemberian subsidi adalah untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh yang demikian, sefaarang langkah yang diambil untuk merasionalisasikan subsidi akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi

kesejahteraan rakyat dengan keperluan menguruskan kedudukan kewangan negara. Justeru sebagai langkah merasionalisasikan subsidi, Kerajaan akan menumpukan pemberian subsidi kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, di samping mengurangkan ketirisan dan mengelak goiongan berpendapatan tinggi daripada menerima subsidi.

5. Selari dengan matlamat tersebut, Kerajaan telah mengambil inisiatif melaksanakan Bantuan Rakyat IMalaysia (BRIM) iaitu bantuan sebanyak 500 ringgit yang disasarkan kepada isi rumah berpendapatan bulanan 3,000 ringgit dan ke bawah. Pelaksanaan BRIM dijangka dapat dinikmati oleh lebih 3 juta isi rumah di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA Y.B. DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]

SOALAN

Y.B. DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga rumah-rumah khususnya di kawasan bandar yang mana kini di luar kemampuan golongan pendapatan rendah dan sederhana.
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasaran harga rumah di seluruh negara ditentukan oleh beberapa faktor antaranya adalah penawaran dan

JAWAPAN

permintaan, lokasi, nilai harta tanah, kos upah pekerja dan kos bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya mengawal penjualan dan pemilikan bagi perumahan kos rendah sahaja bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat dan kemudahan.

Bagi kategori rumah kos lain, pada umumnya pihak pemaju akan melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu untuk mengenal pasti keperluan permintaan sebelum sesuatu projek perumahan dilaksanakan. Berasaskan kepada kedudukan pada masa ini, pembangunan perumahan banyak tertumpu di kawasan bandar seperti di Lembah Klang dan Pulau Pinang yang padat dengan penduduk di mana keupayaan pembeli adalah lebih tinggi dan pasaran perumahan adalah lebih meluas.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memperkenalkan dua (2) mekanisme bagi mengawal kenaikan harga rumah dan mengelakkan spekulasi dalam kenaikan harga rumah iaitu;

(i) Cukai Keuntungan Harta Tanah(CKHT)

Dalam pengumuman belanjawan tahun 2012, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar CKHT daripada 5% kepada 10% bagi harta tanah yang dilupuskan dalam tempoh kurang daripada 2 tahun. Bagi harta tanah yang dilupuskan di antara 3 hingga 5 tahun, kadar CKHT kekal sebanyak 5% dan tiada CKHT dikenakan bagi harta tanah yang dilupuskan melebihi 5 tahun. Kenaikan CKHT ini adalah merupakan langkah Kerajaan mengawal kenaikan harga rumah melalui tekanan kepada aktiviti spekulator.

(ii) Nisbah Pembiayaan Perumahan (*Margin of Finance*)

Melalui mekanisme ini, nisbah pembiayaan bagi pembelian rumah ke-3 adalah ditetapkan pada kadar 70% sahaja. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam aktiviti spekulator kerana mereka perlu mendahulukan 30% dari kos

harga rumah dengan wang sendiri.

Kerajaan yakin dengan pelaksanaan dua (2) mekanisme yang dinyatakan ini, keupayaan dan kadar keuntungan yang dinikmati oleh spekulator selama ini akan terjejas serta mengawal kenaikan harga rumah secara mendadak dan hanya pembeli-pembeli sebenar (“*Genuine Buyer*”) akan membeli dan memiliki rumah/ harta tanah.

Program Bagi Membantu Generasi Muda Memiliki rumah Sendiri

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa program bagi membantu rakyat memiliki rumah:-

(a) Kerajaan telah melancarkan Program Perumahan 1 Malaysia

(PR1MA) yang berkonsepkan ‘*Public Private Partnership*’ (PPP) dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana (pendapatan isi rumah di antara RM2.500 hingga RM7.500 sebulan) mampu memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan iaitu di antara RM150,000 sehingga RM300.000 bergantung kepada lokasi. Harga jualan rumah PR1MA adalah lebih murah berbanding harga pasaran kerana pembinaan PR1MA

adalah di atas tanah milik Kerajaan dengan usahasama pemaju swasta.

(b) Program Perumahan Rakyat (PPR)

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah mensasarkan pembinaan sebanyak 161,000 unit rumah mampu milik yang merangkumi sebanyak 78,000 unit yang dibina oleh Kerajaan termasuk rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan sebanyak 83,000 unit dibina oleh pemaju swasta khususnya bagi memenuhi permintaan golongan yang kurang berkemampuan.

(c) Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

Memberikan pinjaman sehingga RM45,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun bagi tujuan membina rumah baru di atas tanah sendiri atau tanah yang dimiliki oleh keluarga terdekat. Disasarkan kepada golongan berpendapatan di antara RM750 sehingga RM2,500.

(d) Skim Rumah Pertamaku (SRP)

Dalam belanjawan tahun 2012, Kerajaan telah bersetuju untuk

menaikkan had maksimum harga rumah di bawah Skim Rumah Pertamaku (SRP) dinaikkan daripada RM220 ribu kepada RM400

5

ribu. Mulai tahun ini, penambahbaikan ini boleh dinikmati oleh pembeli rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3.000 sebulan melalui pinjaman bersama suami isteri bagi harga rumah di antara RM100 ribu ke RM400 ribu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SRP diuruskan oleh Cagamas Berhad, syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kewangan (MoF).

April 2012

|uv
SDx

PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM

KAWASAN : BAYAN BARU

NO. SOALAN

DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan setakat manakah pencapaian yang dicapai oleh SME Corp. Malaysia dalam mewujudkan usahawan Industri Kecil dan Sederhana.

Tuan Yang Dipertua,

- **Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan antara sektor utama yang menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang dan menveluruh seperti disasarkan oleh Model Baru Ekonomi. Berdasarkan peranqkaan oleh Jabatan**

Perangkaan Malaysia, dianggarkan PKS terdiri daripada 99.2% daripada keseluruhan entiti perniagaan di negara ini dan menyumbang sebanyak 31.9% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2010.

Oleh yang demikian, bagi memastikan sumbangan PKS yang berterusan dan mapan, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program pembangunan dan bantuan kewangan kepada PKS secara berterusan.

Dalam hal ini, bagi menggalakkan lagi pembangunan PKS, SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penvelaras Pusat PKS turut menggubal dasar umum dan melaksanakan program pembangunan PKS. Untuk makluman Y.B, Program Pembangunan PKS dilaksanakan oleh 15 Kementerian dan lebih daripada 60 Agensi. Dari tahun 2006 sehingga 2011, sebanyak 2,788,786 PKS telah mendapat manfaat daripada 1,198 program yang telah dilaksanakan.

Bagi tahun 2011, sebanyak 218 program pembangunan PKS dengan komitmen kewangan sebanyak RM4.4 bilion telah dilaksanakan. Daripada jumlah ini, sebanyak 159 program adalah untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan berjumlah RM419.1 iuta, diikuti dengan 45 program yang menyediakan akses kepada pembiavaan berjumlah RM3.9 bilion. Sebanvak 14 program lagi adalah untuk mengukuhkan infrastruktur berjumlah RM110.3 iuta. Pelaksanaan program-

program ini telah memberi manfaat kepada sejumlah 400,136 PKS di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

pembangunan PKS secara menyeluruh. Kedua-dua Program ini yang diuruskan bersama SME Bank dan Bank Rakvat menyediakan skim pinjaman mudah bagi membangunkan kapasiti svarikat serta kemudahan modal kerja. Sehingga Februari 2012, sebanyak 1,512 permohonan telah diterima, dan daripada jumlah tersebut sebanyak 564 svarikat PKS sedang dibimbing di bawah Program ini.

